

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

“ Dalam bulan Ramadan juga kita mesti tingkatkan kesungguhan untuk berjihad menentang segala kejahatan, ketidakadilan, kebobrokan yang merosakkan negara dan bangsa selain banyakkkan berdoa.”



FADHILAT RAMADAN
UST. GHANI SHAMSUDIN

Khutbah Presiden AMANAH gesa muhasabah nasib umat Islam



→ ms2

Kuasa membeli rakyat merosot Ramadan ini



→ ms8

Skandal 1MDB akan terus hantui Najib, Rafizi Ramli



→ ms9

Tolak politik benci perkauman dan agama

MUFTI BERBUKA DENGAN PADERI



Mufti Wilayah duduk semeja bersama paderi Kristian dalam majlis berbuka puasa. Gambar The Malaysian Insight

MUFTI Wilayah Persekutuan Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri menolak momokan sesetengah pihak yang mahu mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama dengan duduk berbuka puasa semeja dengan paderi Kristian di Shah Alam baru-baru ini.

Laporan penuh →
muka 2

DR. OLIVE
BODY CARE

- ✓ Handmade product
- ✓ Free harmful chemical
- ✓ Free paraben
- ✓ Organic

Natural Safe Effective

Mufti berbuka puasa dengan paderi Kristian

SELEPAS dimomokkan dengan isu orang bukan Islam tidak boleh berbuka puasa bersama orang Islam, Mufti Wilayah Persekutuan dan wakil rasmi beberapa organisasi Islam menepinya dengan menyertai program berbuka puasa bersama pemimpin Kristian 5 Jun lepas.

Mereka duduk bersebelahan dengan penganut Kristian, makan dan saling bertukar pendapat di sebuah hotel di Shah Alam.

Selepas berbuka puasa pada program anjuran Global Unity Network (Unity) dan Christians for Peace and Harmony in Malaysia (CPHM), beberapa pemimpin kedua-dua pihak bergilir berucap dengan membangkitkan kepentingan keharmonian antara agama di negara ini.

Mufti Wilayah Persekutuan Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata Islam juga menggalakkan idea menjemput bukan Islam, golongan miskin dan memerlukan untuk berbuka puasa bersama bagi memahami makna sebenar Ramadan.

"Bila saya makan bersama orang

di sini, mereka ini orang Kristian. Kami tidak cuba mencetuskan isu yang akan menyebabkan ketidakharmonian agama.

"Kita patut melihat ke depan, membuang rasa kekok antara agama dan hidup bersama dalam harmoni," katanya sebagaimana dilaporkan The Malaysian Insight.

Di hujung ucapannya, Zulkifli berkata tidak sukar untuk rakyat Malaysia hidup bersama dalam negara majmuk ini jika masyarakat pelbagai kepercayaan mengetepikan perbezaan mereka dan fokus pada perkara baik daripada agama masing-masing.

Presiden Unity Shah Kirit Kakulal Govindji berkata majlis itu menunjukkan bagaimana kedua-dua agama boleh saling bertukar idea secara aman.

"Sepanjang acara ini, umat Islam dan Kristian dapat bersama berbincang mengenai perbezaan mereka dan saling berkenalan.

"Kami dapat melangkaui perpecahan agama menerusi mendapatkan maklumat tepat dan berkenalan



Mufti Wilayah Persekutuan berucap di majlis berbuka puasa dengan paderi Kristian di Shah Alam.

antara satu sama lain," katanya.

Mengulas mengenai kekecohan baru-baru ini oleh kumpulan Islam di Pulau Pinang mengenai acara berbuka puasa, Shah Kirit berkata mereka patut lebih bertimbang rasa terhadap agama lain.

Timbalan Pengerusi CPHM Lee Min Choon bagaimanapun lebih diplomatik dan berkata adalah lebih baik isu itu diselesaikan sendiri oleh

umat Islam.

"Ia perkara membabitkan pemahaman Islam. Saya tidak tahu banyak mengenai Islam, jadi saya tidak sesuai untuk bercakap mengenainya," katanya.

Katanya, acara itu membuktikan Kristian dan Islam boleh bekerjasama untuk hidup bersama dalam harmoni.

Shah Kirit juga memberi

amaran kepada kumpulan Muslim yang prejudis terhadap agama lain dan mereka sepatutnya memastikan mempunyai maklumat tepat sebelum berkongsi mengennainya.

"Anda tidak boleh prejudis. Anda perlu adil bukan saja pada agama anda tetapi agama lain juga. Dan jangan terlalu cepat membuat kesimpulan," katanya.

Acara buka puasa itu turut dihadiri pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Interfaith Spiritual Fellowship Malaysia (Insaf), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs Malaysia (ACCIN), Majlis Agama Islam Selangor dan Christian for Peace and Harmony in Malaysia (CPHM).

Ini ialah program ketiga Unity, berbuka puasa bersama Kristian.

Unity ialah NGO Islam yang bertujuan mempromosikan perpaduan antara agama dalam kalangan rakyat Malaysia.

Khutbah Presiden AMANAH gesa muhasabah nasib umat Islam

UMAT Islam perlu menggunakan peluang kehadiran bulan Ramadan ini untuk melakukan muhasabah terhadap nasib yang menimpa umat Islam hari ini.

Berucap ketika menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Sembilang, Seberang Perai Tengah, 2 Jun lalu, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) berkata, keadaan umat Islam ketika ini dipandang hina oleh masyarakat dunia kerana sikap umat Islam itu sendiri.

"Kita perlu merenung ke dalam kenapa orang Islam menjadi lemah, tidak kuasai ekonomi, dilanda berperangan sesama sendiri dan kemiskinan berlaku di negara orang Islam. Apakah agama kita tidak cukup petunjuk, ketinggalan atau al-Quran itu telah usang. Kalau kita anggap begitu nauzubillah.

"Islam agama cukup hebat, agung dan tinggi tetapi akhlak Islam dilaksanakan orang lain. Kita asyik bertelagah, masing-masing angkuh, sombong antara puak dan kumpulan. Maka lahirilah kebencian sehingga berlaku berperangan

menyebabkan negara umat Islam dilanda malapetaka yang sangat dahsyat," katanya.

Lebih malang menurut Mohamad, negara orang Islam paling tinggi terlibat dengan rasuah sekalipun agama dan al-Quran mengajar umatnya bahawa rasuah itu haram dan tempat pelakunya di neraka.

Selain itu, sebahagian orang Islam masih lagi dibelenggu dengan sikap merasakan hanya kumpulan mereka betul sehingga secara mudah mencela dan menghina kumpulan-kumpulan lain yang berbeza pandangan dan mengangap mereka terpesong dari ajaran agama.

"Marilah di bulan Ramadan ini kita kaji ke dalam, daripada mencela orang lain baiklah kita tumpu cari silap kita dan muhasabah untuk perbetul sikap kita di samping tingkatkan kerja amar makruf nahi munkar.

"Marilah eratkan perpaduan sesama umat Islam. Perbezaan pendapat bukan penghalang kerana ukuran di sisi Allah adalah orang bertaqwa," katanya.

Najib didakwa bayar RM9.5 juta dari 1MDB untuk peguamnya

DATUK Seri Najib Razak didakwa telah membayar para peguamnya menggunakan duit 1MDB untuk melawan Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuk memastikan beliau terpenjara.

Sarawak Report mendakwa Najib membayar peguam Tan Sri Shafee Abdullah sebanyak RM9.5 juta pada tahun 2001 untuk menjadi pendakwaraya khas terhadap kes Anwar.

Ahli parlimen Pandan, Rafizi Ramli pula mendakwa Najib membayar Datuk Ghazi Ishak sebanyak RM325,188 yang mewakili beliau untuk mengenyepkan sapa Datuk Seri Anwar terhadap Perdana Menteri dalam kes fitnah liwat II.

"Berdasarkan maklumat-maklumat, jelas bahawa Datuk Seri Najib tergamak menggunakan wang rakyat yang dipercayai dari dana 1MDB (bukan sahaja) bagi tujuan peribadi, malah untuk mengelak dari muncul di mahkamah memberi keterangan berhubung pembabitian beliau dengan Datuk Seri Anwar.

"Sebab itu saya katakan apabila kesemua maklumat ini dihadam, bukanlah satu perkara yang mengejutkan bila mana sejumlah RM9.5 juta wang dari akaun Datuk Seri Najib yang disiasat SPRM telah dipindahkan kepada peguam Tan Sri Shafee Abdullah kerana Datuk Seri Najib telah awal melakukan perkara yang sama iaitu dalam tahun 2011," kata Rafizi.

Sementara itu, Malaysiakini melaporkan, dua peguam, Datuk Ghazi Ishak dan Datuk Salehuddin Saidin mengaku menerima duit dari Najib untuk khidmat mereka tetapi tidak mengetahui dari mana sumber wang itu.

Ghazi menafikan sebarang pengetahuan bahawa bayaran yang diterima daripada Perdana Menteri Najib pada tahun 2011, adalah daripada dana berkaitan SRC International yang berkaitan dengan 1MDB.

Sementara itu, peguam Salehuddin juga mengesahkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyiasat bayaran bersama yang diterima oleh firmannya daripada Najib pada tahun 2011.



Isa Samad patut disingkir

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) mahu Perdana Menteri campur tangan dalam kemelut Felda Global Ventures Bhd (FGV) dan menggesa jawatan Datuk Zakaria Arshad dikekalkan sehingga siasatan terhadap Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP) selesai.

Presiden Anak Mazlan Aliman berkata, ini berikutan Zakaria telah berjaya meningkatkan perolehan syarikat sejak setahun beliau memegang jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

"Anak mendesak Perdana Menteri campur tangan segera atas kemelut FGV ini. Kekalkan Datuk Zakaria sementara siasatan audit dalaman terhadap DOP ini dilakukan.

"Anak berpandangan sepanjang setahun ini, setidak-tidaknya beliau berjaya menurunkan kos pengurusan, kos pengeluaran di peringkat ladang juga menurun, hubungan antara kakitangan FGV (19,000 kakitangan) semakin baik dan perolehan syarikat mula meningkat. Ia boleh diteliti melalui laporan FGV yang dibenteng baru-

baru ini," ujarnya dalam satu kenyataan.

Mazlan melahirkan simpati dengan keputusan Lembaga Pengarah FGV dipengerusikan Tan Sri Isa Samad yang mengarahkan Zakaria dan tiga yang lain 'bercuti' sementara sementara menunggu isu tunggakan bayaran penjualan minyak sawit bertapis oleh syarikat Afghanistan, Safitex kepada DOP.

Safitex adalah pelanggan utama DOP lebih 20 tahun. Proses pembayaran dan syarat kredit kepada Safitex telah dilulus dan diguna pakai oleh CEO sebelum Dato' Zakaria lagi, dengan syarat bayaran dan terma kredit selama 90 hari selepas produk dihantar.

"Datuk Zakaria menjadi CEO FGV pada 1 April 2016, adalah tidak adil jika beliau dipaksa memikul tanggung jawab atas isu tunggakan bayaran Safitex walhal ia sedang ditangani.

"Anak yakin ada pertelingkahan antara Tan Sri Isa Samad dengan Datuk Zakaria, di mana beliau (Zakaria) dilihat enggan menuruti kehendak pihak tertentu yang disebut 'pelaburan besar yang tidak masuk akal'," ujarnya.

Justeru Anak menyambut baik kesediaan Zakaria agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat siasatan tetapi ujarnya lagi, siasatan dilakukan SPRM itu perlu menyeluruh khususnya sepanjang Isa menjadi Pengerusi Felda dan FGV.

"Adalah menjadi tanda tanya, sejauh mana status laporan mengenai dakwaan penyelewengan dan salah guna kuasa Tan Sri Isa yang dihantar ke SPRM sejak sekian lama,"soal Mazlan lagi.

Beliau mendakwa Zakaria adalah mangsa ketiga selepas Datuk Dzulkifli Abd Wahad bekas Pengarah Besar Felda yang disingkirkan ekoran perbezaan pandangan mengenai penyenaaran FGV di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012.

Dzulkifli disisihkan hingga dihantar bertugas ke luar negara sebelum pencen tahun lalu. Imej Dzulkifli yang tercalar teruk tidak dipulihkan, meskipun dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Felda dan Pengerusi Felda Technoplant Sdn Bhd baru-baru ini.

Menurut Mazlan, Datuk Faizoull Ahmad,

Pengarah Besar Felda yang menggantikan Dzulkifli, adalah orang kepercayaan Isa Samad.

"Beliau (Faizoull) juga menerima nasib yang sama. Disingkir dan di dakwa SPRM hujung tahun lalu.

"Tan Sri Isa adalah Pengerusi DOP, seharusnya beliau mampu menghidu masalah lebih awal dan bukan mengambil tindakan di hujung jalan. Sebahagian Ahli Lembaga Pengarah DOP, adalah juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah FGV," terangnya.

Menurut Mazlan lagi, sejak peralihan Zakaria, 57, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden FGV, prestasi syarikat terbabit menunjukkan peningkatan.

"Beliau bukan sahaja sebagai anak peneroka Felda Palong 1 malah berpengalaman luas selama 32 tahun dalam Kumpulan Felda. Seharusnya beliau diberi ruang dan peluang di ketika FGV bermasalah.

"Hari ini saham FGV terus jatuh, tinggal RM1.66, kejatuhan mendadak yang dipercayai ada kaitan dengan krisis terkini dalam FGV.

"Bagi Anak, tindakan serta merta yang harus dilakukan Datuk Seri Najib ialah Tan Sri Isa yang sepatutnya disingkirkan dari FGV dan apa jua jawatan dalam Felda," tegasnya.



KASIH DATUK...

Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil kesempatan bernesra dengan cucu beliau ketika bertemu seusai per-

bicaraan kes permohonan qazaf di Mahkamah Rayuan Syariah, Shah Alam, 5 Jun lalu. Panel tiga hakim syarie menolak permohonan qazaf Anwar terhadap peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah atas alasan enakmen jenayah syariah Selangor hanya mentakrifkan zina sebagai persetubuhan antara seorang lelaki dengan seorang wanita. Justeru permohonan qazaf dalam kes liwat (membabitkan hubungan sejenis) tidak terpakai.

'Exit policy' perlu tapi jangan disalah guna

KUALA LUMPUR: Angkatan Wanita AMANAH Negara (Awan) Nasional memandang positif kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Zainal Rahim Seman mengenai langkah untuk melaksanakan Dasar Pemisahan (Exit Policy) ke atas kakitangan awam yang berprestasi rendah.

Ketuanya, Dr Siti Mariah Mahmud bagaimanapun mahu dasar baru ini dilaksanakan secara adil dan tidak menganaktirikan kakitangan awam berdasarkan pegangan politik mereka.

"Saya difahamkan dasar ini yang bakal dikuatkuasa pada Januari hadapan akan mengambil beberapa tindakan berat termasuklah membuang pekerja yang bermasalah.

"Sudah tentu kenyataan Datuk Seri Zainal ini sedikit sebanyak akan menimbulkan kebimbangan dalam

kalangan penjawat awam tetapi saya yakin dan berharap supaya berlaku perubahan dari sudut pelaksanaan dan penyampaian tugas yang lebih baik selepas ini.

"Hal ini kerana, penjawat awam sebanyak 1.61 juta ini menggalas tanggung jawab besar untuk memastikan negara dan rakyat menerima faedah yang setimpal dengan gaji yang diterima," ujarnya dalam satu kenyataan.

Menurut Dr Mariah, ketempangan pentadbiran akibat sikap sambil lewa penjawat awam yang kurang integriti hanya akan menyebabkan sektor itu dipandang rendah oleh masyarakat dan hal yang demikian tidak boleh dibiarkan terus berleluasa.

Bagaimanapun beliau mengingatkan kerajaan supaya dasar yang bakal diperkenalkan itu tidak disalah-

gunakan untuk mencari kesalahan dan menghukum penjawat awam yang tidak sealiran khususnya dari segi kecenderungan politik.

Tambah beliau, prinsip ketelusan dan keadilan perlu menjadi titik penting dalam menentukan hukuman yang sepatutnya diberikan kepada kakitangan yang bermasalah.

"Sehubungan itu, saya mencadangkan agar dasar ini dihebahkan secara terperinci kepada masyarakat umum meliputi contoh kesalahan, bentuk hukuman dan juga bagaimana semua hukuman yang dijatuhkan ini berlangsung dengan telus dan adil.

"Ruang perbincangan serta hak untuk mencabar sebarang keputusan tersebut di mahkamah juga perlu disediakan supaya setiap pihak berpuas hati," kata Ahli Parlimen Kota Raja itu.

Keutamaan AMANAH kukuhkan Pakatan Harapan

SEBAGAI Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), telah banyak kali saya diajukan persoalan oleh peminat serta pemerhati politik termasuklah khususnya daripada rakan-rakan media mengenai isu siapakan calon Perdana Menteri daripada Pakatan Harapan (PH). Mereka juga menanyakan tidakkah AMANAH juga berhasrat untuk menamakan beberapa pemimpin utamanya sebagai calon Perdana Menteri.

Saya memilih untuk mengambil sikap tidak memberikan jawapan atau respon spontan (knee-jerk response) kerana buat masa dan ketika ini isu calon Perdana Menteri di kalangan

pimpinan AMANAH bukanlah satu keutamaan yang mendesak.

Pada pandangan kepimpinan AMANAH, keutamaan AMANAH ketika ini adalah berusaha untuk menjadi penyumbang terbaik demi untuk memperkukuh kedudukan dan pengaruh PH agar mendapat sokongan dan mandat rakyat pada pilihan raya umum ke 14 nanti. Di samping, kami terlalu banyak lagi tugas dan tanggungjawab untuk menguatkan organisasi dan jentera parti yang masih baru ini.

AMANAH juga mengambil peranan untuk memastikan segala kepercayaan dan keputusan yang ditugaskan kepada AMANAH sama

ada oleh Majlis Presiden PH atau Sekretariat PH dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Melalui pengalaman kami di persada politik negara, kami bercita-cita untuk menjadi pemain politik yang kritikal (critical political actors) bagi menggapai hasrat rakyat untuk mengecapi kesejahteraan hidup dengan membina kecermerlangan PH.

AMANAH juga fokus bersama PH untuk memastikan rakyat di peringkat akar umbi difahamkan dan diyakinkan untuk malakukan perubahan besar dalam PRU ke 14 melalui kempen besar-besaran ke seluruh negara. Segala polisi dan ta-

waran besar PH mesti disampaikan kepada rakyat jelata.

AMANAH memperakui tokoh-tokoh tersohor dan berpengalaman seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tun Mahathir Mohamad amat berkelayakan untuk menggalas tugas besar itu, sekiranya PH diberikan mandat dalam PRU akan datang.

AMANAH berpandangan pada tahap hari ini, PH perlu untuk memahami apakah perkara-perkara yang menjadi keutamaan rakyat yang sedang bergelut dengan kehidupan yang semakin menghimpit ini.



PENDAPAT

SALAHUDDIN AYUB

PH mesti tampil dengan tawaran-tawaran besar yang menyakinkan rakyat untuk memilih kita mentadbir Putrajaya.

Dengan berbekalkan pengalaman dan kudrat yang ada, kami dari AMANAH akan terus memberikan segala komitmen dan kesetiaan pada maufakat politik yang telah kita bina bersama dalam PH ini Insya' Allah.

#AmanahDemiNegara

■ Penulis ialah Timbalan Presiden AMANAH

Minda Pengarang

Cabaran sukar Pakatan Harapan

Di tengah gelora politik negara menjelang pilihan raya umum akan datang, Pakatan Harapan menghadapi cabaran yang sangat besar. Apakah ia mampu menjadi sebuah kekuatan untuk menentang dominasi Umno-BN selama ini?

Pakatan Harapan ialah gabungan mega pembangkang. Tentu sekali komponen dalam Pakatan Harapan ini mempunyai pelbagai cara dan cita-cita politik masing-masing. Malah tidak terlepas dari kemahuan dan ego masing-masing.

Sejak akhir-akhir ini sering dipertanyakan, umpamanya isu siapa bakal menjadi Perdana Menteri ke-7 nanti. Ia berangkai pula dengan pelbagai cita-cita politik penyokong tokoh yang mungkin dipilih itu.

Isu ini sangat tajam yang dilihat boleh memecahbelahkan Pakatan Harapan.

Namun pemimpinnya segera mengeluarkan kenyataan supaya tidak menimbulkan lagi isu tersebut. Justeru, apabila tiba masanya, Pakatan Harapan akan menentukannya.

Tetapi cabaran terhadapnya tidak juga berkurangan. Malah dikatakan ada 'ancaman dalaman' yang boleh menggugat kesatuan mega pembangkang itu. Maka, 'ancaman dalaman' itu sangat perlu dihalang kerana ia boleh melemahkan Pakatan Harapan.

Dalam sejarah senario politik negara, tidak mungkin ada parti politik tunggal, berjuang secara bersendirian, untuk mengalahkan Umno-BN. Bahkan Umno sendiri tidak boleh berdiri tanpa bergabung dengan MCA, MIC dan parti lain yang bergabung dengannya, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, jangan ada parti politik yang berfikir untuk berjuang bersendirian. Kalau ada, maka itu hanya khayalan pengembara. Hentikanlah khayalan itu.

Dalam hal ini apa yang perlu dilakukan oleh komponen dalam

Pakatan Harapan ialah menggerakkan seluruh jentera pilihan rayanya mulai sekarang.

Diberitakan, Parti Bersatu sudah banyak meruntuhkan kekuatan parti lamanya - Umno - di banyak peringkat. Ini suatu usaha yang sangat wajar, justeru dari keruntuhan itu tentunya akan membantu Pakatan Harapan mendepani Umno-BN.

Bagi Parti Amanah Negara sendiri - di Selangor umpamanya - ia telah melakukan pelbagai gerak kerja yang rancak sejak beberapa waktu yang lalu. Dalam bulan Ramadan ini saja, AMANAH sudah mengatur program besar-besaran menjelajah seluruh negeri itu untuk memberikan pelbagai sumbangan Ramadan dan berinteraksi dengan penduduk, memperkenalkan AMANAH di seluruh Selangor.

AMANAH di negeri lain, di Johor, Kelantan, Kedah, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan, gerakan mendekati rakyat dengan pelbagai sumbangan untuk rakyat sudah dilakukan.

Oleh itu, adalah sangat wajar bagi Pakatan Harapan menggerakkan seluruh komponennya melakukan gerakan peduli rakyat, memahamkan mereka akan hasrat Pakatan Harapan jika memenangi PRU akan datang.

Dengan itu pimpinan Pakatan Harapan mestilah bersedia, dengan gagasan besar, bagaimana memperkukuh badan tersebut supaya ia mempunyai keupayaan menentang Umno-BN dalam PRU14.

Pakatan Harapan kini dalam proses menyiapkan manifesto bersama dan logo bersama. Manifestonya sangat dinanti-nantikan oleh rakyat akan tawarannya jika memenangi PRU akan datang. Iaitu, terutamanya, cara memulihkan kedudukan ekonomi yang kini sangat tenat, perlakuan rasuah yang kini bersekala besar, penyewengan, salahguna kuasa, memulihkan nama baik negara dan sebagainya.

Raihlah cinta Allah di bulan Ramadan



Alhamdulillah sekali lagi kita berada di dalam bulan Ramadan yang merupakan bulan pesta ibadah kepada para muslimin. Bulan Ramadan ini sewajarnya tidak disebut sebagai bulan puasa sahaja. Ini kerana bukan puasa sahaja ibadah yang diperintahkan dalam bulan ini.

Menyebut Ramadan sebagai bulan puasa sahaja menjadikan masyarakat mudah silap faham sehingga mereka gagal meraih faedah maksimum dari berbagai-bagai jenis ibadah yang seiring dengan Ramadan yang disediakan oleh Allah Azza Wajalla.

Masyarakat umat Islam perlu disedarkan sentiasa bahawa Ramadan bukan sahaja bulan puasa, tetapi ia juga bulan qiyam atau bulan melakukan berbagai-bagai jenis solat, bulan berkorban atau infaq, bulan membaca dan menelaah Al-Quran, bulan kasih sayang dan bulan yang penuh dengan kebaikan.

Pahala yang disediakan oleh Allah Azza Wajalla Yang Maha Pengasih di bulan ini untuk ibadat-ibadat yang dinyatakan tadi berlipat kali ganda melebihi pahala yang disediakan di bulan-bulan yang lain.

Ramadan juga ialah bulan terbaik untuk mencapai cinta Allah Azza Wajalla. Benar, ibadah yang kita lakukan sepanjang Ramadan tidak lain dan tidak bukan hanyalah kerana takut kita kepada Allah.

Dalam masa yang sama, kita berharap untuk meraih cinta dan ingatan daripada Allah SWT. Namun, adakah di dalam masa yang sama Allah SWT juga menyintai dan mengingati kita?

Tidakkah kita bimbang jika hanya kita sahaja yang mengingati Allah namun dalam masa yang sama Allah SWT tidak mengingati kita? Jika berlaku demikian, sebenarnya kita tidak mengingati Allah,

mengelokkan tutur kata dengan memilih bahasa atau perkataan yang baik dan terbaik."

Malah dalam hadia riwayat Muslim dinyatakan bahawa Abu Zar meriwayatkan bahawa Rasulullah mengingati kepadaku, maksudnya:

"Jangan engkau memandang remeh terhadap apa jua jenis kebaikan, walaupun sekadar memaniskan wajah bila bersua dengan

“... Ramadan juga ialah bulan terbaik untuk mencapai cinta Allah Azza Wajalla. Benar, ibadah yang kita lakukan sepanjang Ramadan tidak lain dan tidak bukan hanyalah kerana takut kita kepada Allah.

hanyalah kita yang menyangka bahawa kita sudah menjadi hamba yang soleh namun hakikatnya sebaliknya.

Raihlah dan carilah cinta Allah SWT di bulan Ramadan dengan berbagai-bagai cara pendekatan diri kepada Allah. Jangan hanya kita bertepuk sebelah tangan sedangkan kasih dan sayang Allah SWT gagal untuk kita capai. Rasulullah bersabda menurut riwayat 'Adi bin Hatim, maksudnya:

"Hindarilah seksa neraka walau dengan menyedekahkan sebelah buah kurma,"

"Siapa yang tidak mampu maka sekurangnya dengan usaha

sahabat anda."

Dalam hadis riwayat Tabrani, Nabi mencegah kita respons kepada jempitan orang yang fasik.

Pendek kata carilah kasih sayang Allah dengan berbagai-bagai cara dan gaya. Sehingga Allah menyayangi dan kasih kepada kita.

Justeru, manusia yang dicintai oleh Allah SWT insya-Allah akan selamat di dalam meniti ujian dalam hidup sebagai bekal untuknya menghadapi hari terakhir seseorang di dunia ini atau hari di mana nyawa mereka direnggut oleh malaikat maut.

“Seorang muslim yang sayangkan Islam dan orang Islam bukan membenci apatah lagi memusuhi penganut agama lain. Allah yang berhak membuat apa saja ke atas hamba-Nya sekehendak-Nya memuliakan semua hamba-Nya, siapa kita untuk menyebarkan kebencian hanya kerana berbeza agama?”

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
PENGARAH SYARIAH AMANAH



Kemelut PM Pakatan Harapan

Tun Dr Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri keempat Malaysia yang paling lama tempoh pemerintahannya. Malah, pengaruh beliau tidak terbatas kepada tempoh 22 tahun ketika tampuk kuasa berada dalam genggamannya.

Bukunya *Dilema Melayu* yang diterbitkan selepas tragedi 13 Mei 1969, telah menjadi mukadimah kepada Dasar Ekonomi Baru, yang memberi impak kepada ekonomi Malaysia sehingga hari ini. Terpujilah kepada kita untuk menilai, sama ada pengaruh dan kesannya lebih positif daripada negatif, atau sebaliknya.

Pun begitu, Dr Mahathir juga dikatakan sebagai "pembangkang" yang paling berkesan untuk menjatuhkan Perdana Menteri. Bermula dari almarhum Tunku Abdul Rahman, disusuli dengan almarhum Tun Hussein Onn, kemudian Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan kini Najib Razak dalam prosesnya. Bukan itu sahaja, tiga orang timbalan Dr Mahathir tumbang ketika zaman pemerintahannya, bermula dari Musa Hitam, almarhum Ghafar Baba sehinggalah Anwar Ibrahim.

Namun, kebanyakan masanya Mahathir mencatur langkahnya dalam kerangka parti pemerintah. Sungguhpun beliau keluar Umno ketika menentang Pak Lah pada tahun 2008, beliau tidak menubuhkan parti baru untuk melawan Umno. Mahathir menaruh harapan

kepada gandingan Najib-Muhyiddin pada ketika itu untuk mendesak agar Abdullah Ahmad Badawi berundur.

Melawan Najib adalah pengalaman baru untuk Mahathir. Saluran dalam Umno untuk menggulingkan Najib telah tertutup. Muhyiddin Yassin yang disandarkan harapan pada mulanya, telah dipecat dari Umno. Tiada calon bakal Perdana Menteri dalam Umno yang memihak kepada Mahathir buat masa kini.

Penubuhan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) telah membuka lembaran baru, bahawa Mahathir kini secara sahnya, bergerak dalam wadah parti pembangkang untuk melawan bukan sahaja Najib, tetapi juga Umno-BN.

Dengan kata lain, Mahathir kini betul-betul "pembangkang". Hakikat di Malaysia, menjadi pembangkang lebih susah berbanding pemerintah. Mengambil bab calon Perdana Menteri, siapa kisah sama ada Umno-Barisan Nasional menampilkan calon Perdana Menteri?

Boleh jadi Najib Razak, Zahid Hamidi, Hishammuddin Hussein, Khairy Jamaluddin, yang jelas beza perwatakan di kalangan mereka. Jarang-jarang kita dengar mana-mana penyokong Umno mengugut, kalau Zahid Hamidi diangkat menjadi PM selepas PRU14, maka



Siang-Malam
Lim Hong Siang

saya tidak akan mengundi Umno-BN.

Tetapi situasinya berbeza di kalangan pembangkang. Saya yakin ramai penyokong pembangkang yang enggan mengundi andainya calon PM Pakatan Harapan

adalah Mahathir Mohamad.

Kerumitan yang sama juga dihadapi Bersatu dalam usahanya mengolah restu penyokong Melayu, andainya Lim Kit Siang mengaku sedia mempertimbangkan jika dirinya dicadangkan Pakatan Harapan untuk menjadi PM.

Pendek kata, Malaysia kini berada di ambang perubahan. Kebanyakan pengundi mahukan "ketentuan" sebelum menganggu untuk perubahan. Mereka sudah masak dengan kerenah Umno-BN, yang telah memerintah untuk 60 tahun, tetapi mereka bimbang dengan ketidakpastian yang mungkin berlaku seandainya Umno-BN digantikan.

Lebih-lebih lagi apabila Umno-BN mendendangkan propaganda bahawa Pakatan Harapan ditunjangi DAP, dan DAP adalah Cina yang anti-Islam dan anti-Melayu. Dalam konteks ini, selagi Pakatan Harapan tidak menamakan calon PM-nya, maka Umno-BN akan menuduh bahawa PM-nya adalah calon dari DAP.

Persoalannya, bagaimana kita merungkaikan pertikaian yang

berserabut ini? Biar kita berdepan dengan realiti. Pengundi yang berpotensi mengundi Pakatan Harapan sebahagian besarnya terdiri daripada penyokong pembangkang tradisional, yang mendahagakan perubahan, keadilan, demokrasi dan kebebasan.

Cabaran kita adalah untuk meyakinkan sekumpulan lagi pengundi *pro-establishment* yang kini jelek dengan skandal dan penyelewengan Umno-BN. Di samping itu kita perlu menyelesaikan perbezaan pandangan dalam isu kaum dan agama.

la menjelaskan mengapa kita terpaksa berunding dengan Pas untuk meminimumkan faktor agama. Mahathir pula berperanan sebagai ikon untuk meyakinkan pengundi *pro-establishment*. Namun perjuangan ini kekal bertunjangan nilai demokrasi, keadilan, kebebasan - sebagai jawapan untuk merungkai kemelut politik dan ekonomi yang berlaku di Malaysia pada hari ini.

Kemasukan Bersatu ke dalam Pakatan Harapan dengan sendiri telah menunjukkan bahawa parti ini akur dengan nilai yang diperjuangkan sejak dahulu lagi. Nilai-nilai ini harus diolah dengan sebaik mungkin untuk menangkis propaganda yang disebar Umno-BN selama ini.

Akhirnya, siapakah calon Perdana Menteri yang mampu menjelmakan nilai-nilai ini? Sudah tentunya Anwar

Ibrahim yang dua kali masuk penjara demi perjuangan ini. Perjuangan sepanjang hidupnya menyaksikan bagaimana seorang pemimpin belia yang berlatar-belakangkan Melayu-Islam menyesuaikan dirinya dalam kerajaan, dan kemudian cuba menjana perubahan dalam sistem sejajar dengan peredaran zaman dan perkembangan dunia.

Sungguhpun ia digagalkan berkali-kali, sarat dengan risiko, tetapi hakikatnya Anwar memilih untuk bertembung dan merempuh, meskipun akhirnya mencederakan dirinya.

Mustahil kita mengelak untuk membincangkan sekatan teknikal yang menghalang Anwar Ibrahim daripada menyandang jawatan PM. Tetapi hampir semua daripada kita bersetuju bahawa Malaysia memerlukan satu permulaan yang baru untuk memperbaiki semua kebobrokan yang ada dalam sistem.

Mahathir adalah bekas diktator yang hanya boleh diangkat martabatnya jikalau mengambil bahagian untuk menebus dosanya. Pas seandainya dipimpin tokoh yang berpandangan jauh, akan mengambil kesempatan ini untuk menjalinkan landasan antara Islam dengan demokrasi, dan bukannya melanjutkan hayat politik Najib atas nama perpaduan ummah.

Dan jika benar cabaran ini begitu penting sebelum Malaysia terus menjunam, apakah ia wajar dihalang dengan sekatan teknikal yang jelas dibentuk lantaran manipulasi sang penguasa? Dan jikapun ia dihalang, bukankah itu tanggungjawab kita untuk mengatasinya?


Ramadan saksi kemerosotan ekonomi sangat terkesan

KINI sudah hampir pertengahan Ramadan. Ternyata kemerosotan ekonomi rakyat semakin ketara dengan pelbagai tanda yang jelas. Mereka yang berkunjung ke bazar Ramadan kelihatan sangat berhati-hati untuk membeli makanan berbukn puasa. Kelihatan mereka hanya memilih makanan yang perlu saja untuk dibawa pulang.

Tidak seperti masa lalu, mereka membawa pulang pelbagai makanan yang dijual hingga kelihatan tangan mereka berat membawanya. Kali ini, kelihatan mereka membeli yang benar-benar perlu saja.

Mereka yang ditemui mengeluh kerana harga makanan meningkat dan tiada pilihan.

Mereka yang membeli di bazar Ramadhan ini kebanyakannya pulang dari pejabat atau kilang, tidak sempat untuk memasak, lalu sang suaami membeli di bazar Ramadan.



Sementara di gedung membeli-belah juga tidak begitu rancak seperti masa lalu. Pengunjung berkurangan. Mereka yang membeli pakaian anak-anak dan pakaian sendiri juga sangat memilih dan berhati-hati. Dengan itu jualan tidak serancak masa lalu.

Semua ini adaah akibat kekangan ekonomi yang amat ketara. Memang rakyat umumnya sangat merasa tertekan dengan kemerosotan daya beli akibat harga barang yang terus naik dengan pelbagai cukai pula dikenakan.

Diberitakan asnaf penerima zakat semakin bertambah, menggambarkan semakin ramai yang mengalami kesempitan

hidup dan dengan bertambahnya penerima zakat. Masjid dan surau masih ramai umat Islam yang terbuka puasa dan bertarawih. Tetapi diberitakan pendapatan masjid dan surau terus berkurangan dibanding dengan masa lalu. Hasil pungutan pun terus merosot berbanding masa lalu.

"Memang jelas," kata Hazani, seorang kerani swasta, "dulu ramai orang berduit tapi kini sudah sangat kurang, ekonomi benar-benar merosot." Mereka yang ke pasar memang sangat terasa akan kecilnya nilai mata wang yang mereka bawa. Ini sangat memedihkan.

Mereka mengeluh. Dulu, kata mereka, membawa wang lima puluh ringgit dikira sudah sangat lumayan untuk membeli barang keperluan di pasar. Tapi kini jika wang sebanyak itu yang dibawa, "apalah yang boleh dapat dibeli."

Dengan harga ikan, sayur dan barangan lain yang terus naik, rakyat merasa sangat tertekan,

lebih-lebih lagi bagi mereka yang berkeluarga besar dan berpendapatan rendah atau sederhana.

"Dengan harga barang semua naik," kata Puan Timah dari Kampung Datuk Harun, "susah benar nak beli barang walaupun yang perlu saja."

Seorang lagi, Haji Sidek yang ditemui di pasar Shah Alam, berkata, "ada pemimpin suruh berjimat. Nak berjimat apa lagi, kalau keadaan begini. Mereka senang saja bercakap, tapi tengoklah kami ni."

Mustafa, seorang pekerja swasta yang ditemui di pusat membeli-belah juga mengeluh. "Saya bawa anak saya tiga orang ni, beli pakaian sepasang seorang saja. Saya dan isteri pakaian baju lama saja tahun ini," katanya.

Hingga kini harga barangan terus naik. Golongan berpendapatan rendah dan sederhana sangat terasa kekangan ini. Lebih-lebih

lagi dengan jumlah pengangguran yang terus bertambah, semakin banyak syarikat yang 'tutup perniagaan' atau yang berpindah ke negara lain. Ini semua menyebabkan kehidupan rakyat semakin tertekan.

Keluhan rakyat ini memang sangat berasas, tetapi siapa yang boleh mengurangkan beban rakyat ini.

Ramadan sudah berada di pertengahan dan beberapa minggu lagi, Syawal akan tiba.

Memang umat Islam akan menyambutnya dengan persiapan sederhana di tengah-tengah kesan ekonomi yang sangat parah.

Selepas hari raya ini, rakyat akan meneruskan kehidupan dalam keadaan semakin sukar. Nilai wang semakin mengecil, harga barang terus naik. Tetapi dengan siapa mereka hendak mengadu?

Perlis negeri tradisional, rakyat progresif



Bagaimanakah perkembangan dan potensi AMANAH di negeri Perlis, negeri yang terletak di utara Semenanjung? Mampukah AMANAH dan rakan-rakan gabungan Pakatan Harapan melakar perubahan di negeri majoriti Melayu Islam itu. Ikuti wawancara mingguan Amanah bersama Pengerusi AMANAH Perlis, WAN KHARIZAL WAN KHAZIM.

Perkembangan AMANAH di Perlis?

Sebagai sebuah parti baru perkembangan AMANAH di Perlis adalah baik. Seawal penubuhan Parti Amanah Negara kita telah mendaftarkan penubuhan AMANAH kawasan di ketiga-tiga kawasan Parlimen di negeri Perlis (Arau, Kangar dan Padang Besar).

Selain itu cawangan-cawangan juga telah didaftarkan di semua kawasan. Penubuhan cawangan-cawangan baru masih berterusan sama ada di peringkat menunggu kelulusan pendaftaran dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) mahupun di peringkat penajaan.

Sambutan rakyat terhadap AMANAH?



Program bubur lambuk Amanah Padang Besar dgn kerjasama Lt. Kol (B) Azhar PPBM sekeluarga.



Edaran bubur lambuk AMANAH Perlis sempena Ramadan.

Secara keseluruhannya rata-rata rakyat memberikan reaksi positif di atas kehadiran AMANAH di arena politik tempatan. Ini dapat dirasakan melalui interaksi dengan masyarakat sama ada secara langsung dengan ahli-ahli AMANAH ataupun lebih jelas lagi di media sosial.

Satu lagi indikator yang boleh diguna pakai adalah sambutan rakyat kepada akhbar AMANAH yang sentiasa 'sold out' setiap kali penerbitannya.

Bagaimana AMANAH sebagai parti Islam progresif dapat menarik sokongan masyarakat Melayu Islam Perlis yang tradisional sifatnya?

Walaupun masyarakat di Perlis ni agak tradisional sifatnya, namun ia

tidaklah bermakna mereka tidak terbuka kepada pendekatan-pendekatan baru Islam yang progresif.

Perlu diingat bahawa negeri Perlis mempunyai seorang Mufti yang sangat progresif dan kadang kala dianggap kontroversial. Selain dari beberapa program ceramah umum, buat masa ini AMANAH telah menjalankan banyak sesi dialog dengan masyarakat bagi menerangkan dasar perjuangan AMANAH. Interaksi dalam sesi-sesi dialog itu adalah sangat baik dan memberangsangkan.

Selain dari itu, AMANAH Negeri Perlis juga telah menganjurkan beberapa sesi Wacana Al Quran dengan mengundang tokoh-tokoh kontemporari bagi mengupas permasalahan semasa dari prespektif Islam. Ini termasuklah isu perundangan, hubungan antara kaum, ekonomi Islam dan sebagainya.

Bagi mengisi keperluan kelas-kelas pengajian, tokoh tempatan, Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Perlis, Ustaz Zolkarnian Abidin Al Hafiz yang juga Pengarah Syariah AMANAH Nasional sendiri mengendalikan beberapa kelas pengajian ilmu yang bersifat progresif dan semasa. Kelas-kelas ini mendapat sambutan yang baik dari masyarakat, terdapat juga beberapa kelas pengajian yang diisi oleh rakan-rakan pengajar dari AMANAH Negeri Kedah.

Amanah Perlis juga giat melaksanakan program-program peduli rakyat dengan menyantuni mereka yang memerlukan bantuan, sama ada di segi kemudahan asas, persekolahan dan lain-lain keperluan dan permasalahan masyarakat. Dalam hal ini Angkatan Wanita AMANAH (Awan) negeri adalah merupakan sayap yang paling aktif.

Apakah halangan yang perlu



Pasukan Bola Sepak yg ditaja oleh Kelab Belia Amanah Perlis (KBAP) menyertai kejohanan 9 sebelah terbuka baru-baru ini.



Iftar santai bersama Ketua Pemuda AMANAH Nasional dan Pengarah Syariah AMANAH Nasional di rumah Ketua Pemuda AMANAH Perlis.

diatasi AMANAH untuk menjadi saingan kepada Umno-BN dan Pas di Perlis?

Sememangnya banyak halangan yang perlu diatasi sebagai pendatang baru dalam arena politik di Perlis ini. Antara halangan-halangan itu adalah kewangan.

Sebagai sebuah parti baru yang edang membina kekuatan, halangan utama adalah dana. AMANAH Perlis mempunyai sumber yang sangat terhad untuk pengumpulan dana bagi tujuan pengurusan dan kerja-kerja parti.

Penyebaran maklumat juga menjadi satu halangan yang perlu diatasi. Walaupun Perlis adalah sebuah negeri yang kecil, halangan penyebaran maklumat tetap dihadapi. Capaian maklumat melalui media alternatif agak terhad berbanding kawasan bandar.

Ketaksuban pengundi Melayu juga perlu kita hadapi kerana sebahagian pengundi Melayu terperangkap dalam ketaksuban kepada parti politik yang dominan yang sudah lama bertapak sama ada Umno atau Pas.

Kita juga mengalami kekangan

terhadap tenaga sepenuh masa. Kebanyakan aktivis parti bertugas secara sambilan memandangkan mereka masih perlu bekerja untuk menara hidup. Keadaan ini menghadkan kemampuan parti untuk menjalankan program dan aktiviti.

Kerjasama Pakatan Harapan (PH) Perlis khususnya bagi menghadapi PRU?

Kerjasama di antara parti-parti dalam Pakatan Harapan Negeri Perlis adalah baik. Kita telah beberapa kali mengadakan mesyuarat dan program bersama, malah kita juga telah beberapa kali duduk bersama bagi membincangkan pembahagian kerusi bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Seperti mana dipersetujui dalam Pakatan Harapan, penentuan kerusi adalah seperti mana dipersetujui bersama antara parti-parti dalam PH berdasarkan 'winnability' dan itu menjadi asas pembahagian kerusi bagi PH di negeri Perlis.

Jika AMANAH dapat memenuhi syarat tersebut, adalah tidak mustahil untuk AMANAH bertanding di semua kerusi yang ditandingi oleh Pas pada PRU yang lalu. Namun harus kita akui bahawa parti-parti rakan PH juga mungkin mempunyai kelebihan di kerusi-kerusi tertentu.

Potensi AMANAH negeri dalam PRU akan datang?

Insyallah, AMANAH mempunyai potensi yang baik dalam PRU akan datang di negeri Perlis. Melihat pada kecenderungan ke arah perubahan yang sedang berlaku secara menyeluruh, kita punyai keyakinan yang tinggi bahawa calon-calon ber-wibawa yang akan kita ketengahkan mampu meraih kejayaan.

Belajar integriti dari abdi pengembala kambing

ENTAH bagaimana saya teringat kitab Fiqhud-Dakwah karya tokoh Islam serantau yang amat besar pengaruh dalam dunia dakwah dan siasah Islam di Nusantara.

Isi kitab ini menurut Pak Natsir berasal dari catatan nota atau diktat-diktat untuk wacana kursus-kursus latihan calon-calon mubaligh.

Justeru menarik, tersusun dan kompaknya karya ini berbagai pihak sejak penerbitan Bulan Bintang Indonesia, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia, Persekutuan Organisasi Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa (IIFSO), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menerbitkannya dalam tulisan jawi dan sempena kedatangan abad ke 15 Hijrah, Himpunan Belia Islam Singapura pula kembali menerbitkannya pada tahun 1980. Sebuah buku yang telah dialih bahasa kepada Bahasa Arab, Inggeris, Urdu dan sebagainya.

Ingatan kepada kitab ini tiba-tiba muncul di fikiran apabila saya menyampaikan ceramah anjuran Merdeka Center di Petaling Jaya pada 3 Jun 2017 bertajuk "Aktivisme dan Intelektualisme: Gerakan Mahasiswa Tanah Air".

Kepada para peserta program dua hari di sebuah hotel terkemuka itu, saya terangkan betapa generasi saya di era 70-an terdedah kepada bacaan tokoh-tokoh besar seperti Sayyid Hussein al-Atas, Sayyid Naqib al-Atas, Sayyid Abu Ala al-Mawdudiy, Sayyid Abul Hasan Ali an-Nadwi, Sayyid Hussein Nasr, Muhammad Iqbal, Muhammad Asad, Hassan Al-Banna, Said Qutb, Malek Ben Nabi, Muhammad al-Ghazali,

“Ungkapan Fainnallah ini terpakai di setiap waktu. Apapun yang cuba dilakukan oleh para pemimpin dan para aktivis sosial politik tidak akan lepas dari pertanyaan ini. Relevannya pengungkapan peristiwa di zaman Saidina Umar Faruq itu oleh Pak Natsir amat mengesankan.

Paolo Freire, Ivan Ilich dan Muhammad Natsir dari buku-buku besarnya Capita Selecta dan Fiqhud-Da'wah.

Kami telah dibesarkan oleh tulisan-tulisan Magnum Orpus oleh pengarang-pengarang tersohor itu dan mengharapkan generasi muda masa kini perlu menekuni dan membaca tulisan-tulisan hebat seperti ini.

Saya ingin memetik Fiqhud-Dakwah, Bab III, Jejak Risalah, 1. Peribadi Batu Pertama:

Dua puluh tiga tahun lamanya Muhammad s.a.w. menyampaikan risalahnya, mewujudkan kaedah-kaedah itu di tengah-tengah kekuatan jiwanya, dengan contoh dan teladan, dengan amal dan jihadnya, dalam suka dan duka sampai; Risalahnya tumbuh terwujud pada peribadi-peribadi merekayang menerimanya.

Risalah Muhammad s.a.w. membina peribadi sebagai 'social being', mencetak umat yang mempunyai corak dan tujuan hidup yang tertentu. Hidupnya berisikan amal yang soleh, pancaran iman; kedua kakinya terpancang di bumi, jiwanya menjangkau ke langit. Marilah kita turuti jejak risalah yang membekas pada peribadi perseorangan, sebagai anggota masyarakat.

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Dinar, bahawa pada satu hari dia berjalan dengan Khalifah Umar bin Khattab r.a. dari Madinah ke Makkah. Di tengah perjalanan mereka berjumpa seorang anak gembala yang sedang turun dari tempat penggembalaan dengan kambing-kambingnya yang banyak. Khalifah ingin menguji sampai di mana anak gembala itu bersifat amanah. Antara keduanya terjadi percakapan berikut:

Khalifah: Wahai penggembala; juallah kepadaku seekor anak kambing dari ternakmu ini.

Gembala: Aku ini hanya seorang budak.

Khalifah: Katakan sahaja nanti kepada tuanmu, anak kambing itu telah dimakan serigala.

Gembala: Fainnallah (Kalau begitu di mana Allah?)

Amat pendek jawabnya di mana Allah?

Bagi Khalifah Umar dan gerangan, bagi anggota jamaah Muslimin di kala itu umumnya,

partanyaan yang sependek itu sudah cukup untuk menggugah dhamir, meremangkan bulu badan.

Fainnallah? Ini sudah cukup memancing ingatan mereka kepada bunyi jawaban:

"...dan Dia (Allah) beserta kamu di manapun kamu berada; dan melihat apa yang kamu perbuat." (al-Hadid:4)

Risalah, antara lain:

"Tidaklah ia ketahui, bahawasanya Allah melihat." (al-Alaq: 14)

"...dan sesungguhnya telah Kami jadikan manusia, dan Kami mengetahui anjuran-anjuran (samar) apa yang disorongkan oleh hatinya, sedangkan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya." (Qaf:16)

Lihatlah betapa berbekasnya tulisan ini di jiwa jika kita hayati setulusnya.

Bukankah mesej-mesej yang disampaikan oleh seorang pemikir dan aktivis dakwah dan ahli politik ternama yang pernah menyertai dan memimpin kabinet pemerintahan Republik Indonesia itu.

Amat jelas sekali tokoh politik yang digelar tokoh pemersatu, pejuang ternama, pencerdas-pencerah hati nurani umat, ahli politik santun yang tiada duanya di rantau ini meninggalkan sebuah karya amat terkesan dalam membina karektor insan berintegriti.

Ungkapan Fainnallah ini terpakai di setiap waktu. Apapun yang cuba dilakukan oleh para pemimpin dan para aktivis sosial politik tidak akan lepas dari pertanyaan ini. Relevannya pengungkapan peristiwa di zaman Saidina Umar Faruq itu oleh Pak Natsir amat mengesankan. Ia dicatat dari minda seorang pendakwah dan ahli politik yang bersih, santun dan beridealisme tinggi.

Para pemimpin dan aktivis perlu telus dalam semua perlakuan. Jangan sama sekali menyangka perancangan dan konspirasi untuk mengukuhkan kedudukan dan menjauhkan rakan-rakan atau lawan secara tidak sah terlepas dari pengawasan yang Maha Melihat. Seorang pemimpin dan aktivis tulen sentiasa menjaga gerak lakunya walaupun tiada siapa di sekeliling yang melihatnya.

Ahli politik baru yang kita dambakan bukanlah para pendusta atau manusia yang tidak berpegang kepada katanya sendiri, secara mudah melupakan janji yang ditabur. Perbuatan-perbuatan atau tindak-tanduknya tersembunyi dilakukan demi kepentingan diri dan perutnya semata-mata.

Kepada para Mahasiswa yang menghadiri kuliah saya pada 3 Jun 2017 di Petaling Jaya itu



saya sampaikan definisi mengenai golongan muda yang tidak terbatas kepada usia muda semata-mata.

Golongan muda pada hemat saya adalah mereka yang memiliki idealisme tinggi, berfikir secara bebas dan berani, membenci kepura-puraan, menolak sebarang bentuk penyelewengan, kecurangan, rasuah, nepotisme, kronisme, ketidakadilan, kezaliman, salah guna kuasa, pilih kasih, pilih bulu dan yang paling penting mereka bukannya mementingkan kepentingan tembolak dan perut sendiri semata-mata.

Kalau takrif ini berlaku dalam diri generasi muda bila mereka menginjak dewasa dan dipertanggungjawab dengan kepimpinan atau aktor politik mereka diharap dapat mempertahankan sifat-sifat mulia pejuang Al Amrul Bil Maaruf Wa Nahyu Anil Mungkar yang ditetapkan oleh agama secara berkesan.

Pada pandangan saya golongan dewasa yang kini menjawat berbagai jawatan penting dalam politik juga perlu menghayati sifat-sifat progresif dan dinamik yang mentakrifkan golongan muda seperti disebut di atas.

Jalan selamat bagi sebuah negara adalah apabila pemimpin-pemimpin dan para aktor politik memiliki sifat integriti seperti mana yang berlaku kepada anak muda gembala kambing yang cuma seorang abdi di zaman khalifah Umar al-Khattab.

Idealisme adalah suatu yang harus dipertahankan sepanjang hayat. Mana mungkin ia hanya ada pada ketika kita masih muda dan idealisme itu hilang ditelan usia walhal ia perlu tetap berada dalam diri kita sehingga malikil maut datang untuk mencabut nyawa.


Kepada pemimpin-pemimpin politik dan aktor-aktornya perlu selalu bermuhasabah apakah taraf mereka itu lebih rendah daripada anak gembala kambing yang bertaraf abdi di zaman Umar itu? Apakah mereka tidak boleh berubah? Apakah ia akan berterusan sehingga ajal tiba?

Kesimpulannya mereka perlu yakin kepada ungkapan al-Quran:

"...sehingga mereka merubah sifat-sifat negatif yang ada pada diri mereka..." sebagai sunnatullah, ketetapan hukum aturan Ilahi dalam sejarah bangun bangsa. Selagi itu mereka tidak akan berubah dan kekal menjadi pemimpin dan aktivis yang bermuka-muka.

Oleh itu self-reform, reformasi, Islahi terhadap diri satu-satunya jalan keluar.

Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.



Harga makanan di bazar Ramadan naik 50 sen sehingga RM1

Kuasa membeli rakyat **merosot** Ramadan ini

Teks **ARIF ATAN**

Foto **WAN ZAHARI WAN SALLEH**

Walaupun kerajaan Umno-BN mendakwa keadaan ekonomi terkawal tetapi rata-rata rakyat berpendapatan rendah menyifatkan kos bahan makanan dan barangan terus meningkat terutama pada musim sambutan Aidilfitri.

Paling ketara sepanjang bulan puasa tahun ini seperti dilihat dalam tinjauan akhbar mingguan Amanah di bazar Ramadan Jalan Raja Alang, Kampung Baru di ibu negara.

Sebahagian peniaga dilihat menaikkan gegantung atau papan harga dengan kadar harga yang telah dipadam ekoran perubahan harga. Angka baharu yang ditulis di atasnya pula menyaksikan kadar yang jauh lebih tinggi daripada harga asal.

Dapat dilihat kenaikan sekitar 50 sen sehingga RM1 berbanding tahun lalu bagi kuantiti makanan yang sama. Hal ini diakui salah seorang peniaga yang memberitahu tindakan itu terpaksa diambil akibat daripada kos bekalan bahan mentah yang semakin meningkat.

Terdapat juga peniaga bazar Ramadan yang terpaksa mengecilkan saiz

makanan khususnya kuih-muih bagi mengekalkan harga yang sama seperti tahun lalu.

Bagi pengunjung di Jalan Raja Alang, Razali Abd Rahman, 33, memberitahu beliau mengehendkan hanya RM10 setiap kali membeli juadah berbuka puasa walaupun menyedari tidak banyak pilihan makanan yang dapat dibeli dengan jumlah wang sedemikian.

Menurut pembantu perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) itu, langkah berjimat



Kuasa membeli pengguna semakin merosot dan dapat dilihat pada corak berbelanja sepanjang Ramadan ini.

cermat terpaksa diambil memandangkan harga makanan terus meningkat selain membeli sedikit persiapan Hari Raya walhal kadar gaji yang diterima masih di takuk lama.

"Di sini, saya selalu beli nasi lauk ayam goreng kunyit, harganya RM5. Beli murtabak daging RM3 dan air RM2. Habis dah RM10.

"Kadang-kadang air saya minum air mineral di hospital saja sebab RM2 itu nak beli kuih. Dapatlah empat biji, RM2. Dua tahun lepas, tak silap saya air dalam gelas plastik tu

boleh dapat lagi RM1," katanya.

Sementara itu, tinjauan di bazaar Ramadan di Bukit Sentosa, Hulu Selangor mendapati sebahagian makanan yang dijual lebih 50 sen berbanding makanan sama di Jalan Raja Alang.

Murtabak daging contohnya, ada yang dijual

sehingga RM3.50 bahkan mencecah RM4 berbanding harga purata RM3.

Bagi kuih-muih pula, kebanyakannya masih dijual empat biji RM2 manakala enam biji kuih tepung pelita pula dijual RM3.50 berbanding harga purata RM3.

Peniaga mendakwa faktor jarak dan kos pengangkutan terpaksa diambil kira dalam menentukan harga makanan yang dijual.

Pengunjung bazar Ramadan di Seksyen 18 Shah Alam, Azizi Ismail pula memberitahu harga air tebu naik 50 peratus berbanding tahun lalu sehingga memaksanya berfikir banyak kali sebelum membeli.

"Harga air tebu dari RM4 ke RM6 satu jag. Rata-rata harga RM5.50. Nak beli fikir tujuh kali. Ais pula RM1," ujarnya.

Dalam hal berkaitan, bazar Ramadan paling terkenal di ibu negeri Selangor itu yang terletak di Stadium Shah Alam juga difahamkan sudah tidak semeriah seperti tahun-tahun sebelum ini ekoran peniaga yang semakin berkurangan.

Situasi kenaikan harga makanan di bazaar Ramadan juga dilihat berkaitan dengan kesan berantai pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Kadar cukai enam peratus yang diperkenalkan sejak 1 April 2015 itu turut membadai harga makanan.

"RM10 dalam poket belum belanja, nilai semasanya hanya RM9.40. 60 sen sudah diambil diam-diam," kata Jalaludin Ahmad ketika ditanya corak perbelanjaannya pada musim perayaan ini.



Murtabak di bazar Ramadan ada yang sudah dijual RM4 sekeping.



Majoriti pengunjung di bazar Ramadan Jalan Raja Alang adalah golongan muda dan bekerja.



Antara kain rentang tanda harga di bazar Ramadan Jalan Raja Alang yang menyaksikan kenaikan harga berbanding tahun lalu.



Kuasa membeli pengguna semakin merosot dan dapat dilihat pada corak berbelanja sepanjang Ramadan ini.

Najib guna duit 1MDB bayar peguam lawan Anwar

Oleh RAFIZI RAMLI

SEJAK lebih sebulan yang lalu, saya telah mendedahkan pelbagai maklumat mengenai aliran wang dari dana awam yang dipinjamkan kepada SRC International Sdn Bhd (bekas anak syarikat 1MDB) yang kemudiannya masuk ke akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak, seterusnya digunakan untuk perbelanjaan peribadi, wang politik dan membeli belah.

Di antara perbelanjaan-perbelanjaan yang telah saya dedahkan setakat ini:

1. Bayaran RM2 juta kepada syarikat pembangunan aplikasi milik pegawai khas Perdana Menteri (Datuk Amhari Effendi Nazaruddin) iaitu *Orb Solutions Sdn Bhd*.
2. Berbelanja membeli barang kemas mewah bernilai RM3.28 juta dalam sehari di sebuah gedung barang kemas mewah bernama De Grisogono.
3. Bayaran RM5 juta kepada Yayasan Al Abrar untuk menganjurkan acara "Malaysia Berselawat".
4. RM43 juta yang dipercayai dana yang disuntik dari Tabung Haji dipindahkan ke akaun seorang yang bernama Ariffin Ismail Shahul Hamid dan kemudiannya ditunaikan dalam bentuk wang tunai.
5. RM10 juta dipindahkan dari akaun Perdana Menteri dan dibayar kepada pelbagai pimpinan Umno/Barisan Nasional di peringkat pusat, negeri dan peribadi.
6. Berjuta ringgit dibayar oleh Perdana Menteri kepada syarikat pengamal media dan syarikat media sosial.

Semua maklumat ini diperolehi dari satu dokumen yang dimuatnaik ke laman <http://sprminsider.blogspot.co.uk> yang capaiannya disekat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Setakat ini, semua pihak berkuasa yang terbabit dan penerima yang dinamakan tidak menafikan atau mengambil apa-apa tindakan undang-undang. Lebih penting lagi, pihak SPRM sendiri tidak menafikan bahawa dokumen yang dimuatnaik ke laman tersebut adalah dokumen siasatan SPRM sendiri seperti yang digambarkan oleh dokumen-dokumen itu.

Laman *SPRMInsider* memuatnaik dua dokumen penting:

- i. Aliran tunai dari SRC International Sdn Bhd ke akaun peribadi Datuk Seri Najib dan syarikat-syarikat yang digunakan untuk menyembun-



nyikan pemindahan wang – saya telah dedahkan sebelum ini

ii. Kertas siasatan yang diberi nama "Ulasan Kes dan Cadangan Pegawai Penyiasat" yang bernombor IPJ NO: 0300/2015, IPJ/SPRM/KS: 178/8/2015 – yang saya kini sertakan bersama dan akan saya dedahkan bermula hari ini.

Kertas siasatan setebal 19 muka-surat ini memberi latar belakang kes, bagaimana akaun-akaun peribadi Dato' Seri Najib dibuka di Ambank, siapa individu terbabit, berapa wang yang dipindahkan ke akaun-akaun peribadi tersebut, dari mana wang dipindahkan, dan bagaimana wang-wang ini dibelanjakan.

Bayaran ini menjadi penting kerana buat pertama kali, ada bukti nyata bahawa seawal tahun 2011, Datuk Seri Najib telah menggunakan wang yang dipercayai berasal dari dana 1MDB yang dipindahkan ke akaun peribadinya, untuk membayar peguam bagi tujuan berhadapan dengan Datuk Seri Anwar di mahkamah.

Bukti wujudnya bayaran ini memberi dimensi baru kepada pendedahan *Sarawak Report* mengenai bayaran sejumlah RM9.5 juta kepada peguam Tan Sri Shafee Abdullah yang juga dari akaun peribadi Datuk Seri Najib dari dana yang sumbernya dipercayai dari 1MDB.

Pembayaran kepada Tan Sri Shafee Abdullah itu bukanlah kali pertama wang dari sumber 1MDB telah digunakan oleh Datuk Seri Najib untuk membayar peguam bagi tujuan berhadapan dengan musuh politik beliau (iaitu Datuk Seri Anwar).

Kertas siasatan SPRM yang dibocorkan dan dimuatnaik ke *SPRMInsider* mengesahkan dalam tahun 2011, Datuk Seri Najib telah membayar sejumlah RM325,188 kepada peguam Datuk Ghazi Ishak dari Tetuan Salehuddin Saidin & Associates yang mewakili beliau untuk mengenyepikan sapina Datuk Seri Anwar terhadap Perdana Menteri dalam kes fitnah liwat II, seperti yang terkandung di helaian-helaian kertas siasatan berikut:

di akaun bernombor 2112022009694. Wang berjumlah RM2.6 bilion itu dipercayai dari 1MDB.

ii. Mukasurat 1 hingga 7 – memberi maklumat bagaimana akaun dibuka, sejauh mana keterlibatan Perdana Menteri sendiri dalam menguruskan wang yang keluar masuk dan maklumat dana yang dipindahkan masuk ke akaun Perdana Menteri itu.

iii. Mukasurat 10 hingga 11 – di bawah "Perbelanjaan Tahun 2011 – 2013 Melalui Cek", penerima nombor 7 yang disenaraikan ialah seorang peguam bernama Dato' Ghazi Ishak dari Tetuan Salehuddin Saidin & Associates. Perkara ini disahkan oleh SPRM berdasarkan keterangan yang diambil dari Datuk Salehuddin Saidin sendiri, yang ditandakan sebagai saksi A21 di dalam kertas siasatan SPRM tersebut.

Bayaran sebanyak RM325,188 kepada peguam Datuk Ghazi Ishak itu adalah berhubung khidmat guaman mewakili Datuk Seri Najib dalam kes 44-264-09/2011 di Mahkamah Tinggi Jenayah (3) Kuala Lumpur.

Saya telah menyemak nombor kes 44-264-09/2011 Mahkamah Tinggi Jenayah (3) Kuala Lumpur di laman www.kehakiman.gov.my dan boleh mengesahkan bahawa, kes tersebut merujuk kepada permohonan Datuk Seri Najib untuk mengenyepikan permohonan sapina dipanggil memberi keterangan untuk disoal balas di dalam kes fitnah liwat II yang melibatkan Datuk Seri Anwar.

Saya sertakan paparan skrin carian kes 44-264-09/2011 di bawah:

Case No.	Aliran Wang	Rekod	Subsidiary Data	Masa	Penyiasat & Evid
44-264-09/2011	Y.A. Halaqat/Mohamed Zaidun Bin Mohd Ali	Sal	11/05/2011 9:05 AM	Akai S. Saipah Karim, N.T.J. Komputa Mahkamah	Permohonan U.A. & Sengapahan Datuk Yang Datuk Seri Anwar (A21)
44-264-09/2011	Y.A. Halaqat/Mohamed Zaidun Bin Mohd Ali	Sal	18/05/2011 8:30 AM	Akai S. Saipah Karim, N.T.J. Komputa Mahkamah	Permohonan U.A. & Sengapahan Datuk Yang Datuk Seri Anwar (A21)
44-264-09/2011	Y.A. Halaqat/Mohamed Zaidun Bin Mohd Ali	Sal	11/05/2011 2:00 PM	Akai S. Saipah Karim, N.T.J. Komputa Mahkamah	Permohonan U.A. & Sengapahan Datuk Yang Datuk Seri Anwar (A21)

Ini berpadanan dengan laporan akhbar pada ketika itu mengenai tindakan Datuk Seri Najib menggunakan peguam untuk mengenyepikan permohonan sapina menjadi saksi untuk disoal balas, seperti laporan MStar bertarikh 6 Oktober 2011:

Laporan itu juga mengesahkan bahawa peguam yang mewakili Datuk Seri Najib dalam permohonan mengenyepikan sapina itu adalah Datuk Ghazi Ishak.

Berdasarkan maklumat-maklumat ini, jelas bahawa Datuk Seri Najib tergamak menggunakan wang rakyat yang dipercayai dari dana 1MDB (bukan sahaja) bagi tujuan peribadi, malah untuk mengelak dari muncul di

mahkamah memberi keterangan berhubung pembabitian beliau dengan Datuk Seri Anwar.

Sebab itu saya katakan apabila kesemua maklumat ini dihadam, bukanlah satu perkara yang mengejutkan bila mana sejumlah RM9.5 juta wang dari akaun Datuk Seri Najib yang disiasat SPRM telah dipindahkan kepada peguam Tan Sri Shafee Abdullah kerana Datuk Seri Najib telah awal melakukan perkara yang sama iaitu dalam tahun 2011. Cuma peguamnya saja yang berbeza.

Oleh itu, saya merasakan sudah sampai masanya untuk mendesak campur tangan Majlis Raja-Raja agar satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat perkara-perkara berikut:

1. Penggunaan wang rakyat yang masuk melalui akaun peribadi Datuk Seri Najib yang dibayar kepada peguam-peguam dalam kes-kes yang dibawa terhadap musuh-musuh politik beliau, terutamanya Datuk Seri Najib

2. Sejauh mana pengaruh dan kesan bayaran-bayaran yang dibuat kepada pegawai sistem kehakiman, terutamanya pendakwaraya khas yang dilantik kerajaan iaitu Tan Sri Shafee Abdullah, telah mempengaruhi keputusan kehakiman terhadap musuh-musuh politik beliau terutamanya pemenjaraan Datuk Seri Anwar


Saya sedang merangka satu kempen kesedaran yang akan dibawa melalui laman sosial dan dibawa ke kampung-kampung untuk men-

erangkan kepada rakyat bagaimana wang mereka telah digunakan oleh Datuk Seri Najib

untuk menamatkan kerjaya musuh politik nombor satunya iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berakhir dengan pemenjaraan bekas Ketua Pembangkang itu.

Saya juga akan menumpukan perhatian kepada perkara-perkara penting di dalam kertas siasatan itu yang memberi gambaran terperinci sejauh mana penjawat-penjawat awam di peringkat tertinggi di negara ini sebenarnya tahu bahawa dana yang besar telah masuk ke akaun peribadi Datuk Seri Najib; sebelum perkara ini bocor kepada pengetahuan awam.

Skandal 1MDB akan terus menghantui Datuk Seri Najib dan saya menyeru seberapa pegawai kerajaan yang pernah ada maklumat atau pengetahuan mengenai skandal ini untuk tampil memberikan maklumat agar kebenaran sampai kepada rakyat.



Kertas siasatan ini memberi maklumat terperinci saksi-saksi yang telah diambil keterangan, dokumen-dokumen yang telah diambil oleh SPRM sebagai bukti dan ulasan siasatan SPRM terhadap keterangan-keterangan yang diambil oleh saksi-saksi.

Pendedahan saya pada hari ini ditumpukan kepada satu bayaran dari akaun peribadi Datuk Seri Najib yang disiasat oleh SPRM kepada seorang peguam dalam satu kes melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tahun 2011.

	Transformasi Kreatif)	(A19)
7.	Salehuddin Saidin & Associates	325,188.00
	Dato' Ghazi Ishak	bayaran Legal Fees & Disbursement berkaitan Taking Conduct for matter 44-264-09/2011 at Criminal High Court (3) Kuala Lumpur.
8.	Sulaiman Bin	4,000,000.00
	PM sendiri	

- i. Mukasurat 1 – di bawah "latar belakang kes", mengesahkan bahawa SPRM telah menyiasat Perdana Menteri mengenai kemasukan wang sebanyak RM2.6 bilion ke akaun beliau di *Amprivate Banking*, Ambank Berhad

Arahan istana Selangor kepada masjid dan surau

Ahli politik **dilarang** berucap di masjid

RAWANG: Kontroversi membabitkan Ahli Parlimen Subang R Sivarasa yang mengundang kemurkaan istana Selangor kerana berucap dalam majlis penyampaian sumbangan sempena Ramadan di ruang solat Masjid An-Nur, Kampung Melayu Subang, 24 Mei lalu kini dirasai tempasnya oleh semua ahli politik beragama Islam negeri itu.

Dalam majlis taklimat anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang diadakan serentak di seluruh negeri pada 4 Jun lalu, arahan diberikan kepada nazir masjid dan pengerusi surau agar tidak membenarkan pemimpin politik untuk menyampaikan ucapan di dalam masjid.

Menurut sumber, program pengagihan sumbangan bagaimanapun dibenarkan dibuat di luar masjid dengan pemimpin politik yang hadir hanya dibenarkan memberikan sumbangan tanpa membuat ucapan.

Arahan juga diberikan agar masjid dan surau memastikan para penceramah mempunyai tauliah yang

dikeluarkan Jais.

Seorang pengerusi surau di Rawang yang enggan dikenali berkata, beliau menerima arahan untuk hadir ke program taklimat berkenaan titah perintah Sultan Selangor itu daripada nazir masjid pada 3 Jun lalu.

Sesi taklimat yang berlangsung pada 4 Jun di Masjid Ihsaniah, Kampung Melayu Batu 16, Rawang itu membabitkan semua masjid dan surau dalam daerah Gombak dan dilaksanakan atas titah perintah Sultan Selangor.

Majlis anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Gombak itu dihadiri Orang Besar Daerah Gombak Tan Sri Wan Mahmood Paivan Teh dan wakil Bahagian Pengurusan Masjid, Jais.

Menurut beliau, ketika sesi soal jawab, seorang nazir masjid dalam kawasan Dun Taman Templer inginkan penjelasan sama ada Ahli Exco Kerajaan Negeri yang juga Adun Taman Templer Zaidy Talib boleh dijemput untuk berceramah di masjid.

Ini kerana Bendahari Pas negeri itu disifatkan sebagai 'berilmu' dan sering dijemput untuk memberi kuliah dan berkhotbah di masjid yang berada di kawasan Dun yang diwakilinya.

Bagaimanapun Wan Mahmood menegaskan bahawa arahan daripada istana adalah jelas dan perlu dipatuhi.

"Bila kita kata tak boleh, tak bolehlah," tegas beliau.

Kontroversi berhubung kehadiran pemimpin bukan Islam di masjid teretus apabila sekumpulan penduduk dan wakil NGO di Parlimen Subang mengadu kepada Jais berhubung kehadiran Sivarasa dalam program sumbangan Ramadan di Masjid Kampung Melayu Subang, 24 Mei lalu.

Pengarah Jais, Datuk Haris Kassim kemudiannya memaklumkan kemurkaan Sultan Selangor berhubung perkara tersebut.

Bagaimanapun Sivarasa dalam satu kenyataan menafikan memberikan ceramah politik di majlis tersebut dan hanya hadir untuk



Sesi taklimat titah Sultan Selangor anjuran Jais di Masjid Kampung Melayu Batu 16, Rawang.

menyampaikan sumbangan berjumlah RM71,000 kepada surau dan masjid di kawasan parlimen yang diwakilinya.

"Saya hanya buat ucapan ringkas menyampaikan salam Ramadan kepada hadirin dan menegaskan keyakinan saya kepada komitmen kerajaan Selangor terus bimbing institusi surau dan masjid di Selangor.

"Saya juga hadir sebagai Ahli Parlimen kawasan Subang yang dipilih oleh majoriti pengundi Islam dan bukan Islam.

"Saya tidak hadir sebagai wakil menteri besar seperti yang dikatakan oleh beberapa pihak yang salah faham fakta kerana saya tidak diminta untuk mewakili beliau," jelas Sivarasa.

Tambah Sivarasa, beliau hadir selepas dimaklumkan berkenaan majlis penyampaian sumbangan

itu oleh Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara dan menyampaikan sumbangan bersama Penyelaras Dun Radzlan Jalaludin yang turut memberikan ucapan.

Sivarasa juga mengakui telah membuat lawatan ke surau dan masjid di kawasanya sejak 2008.

Dalam perkembangan berkaitan, foto Ahli Parlimen BN Hulu Selangor P Kamalanathan yang menyerahkan sumbangan di dalam ruang solat sebuah masjid di Hulu Selangor tersebar luas di media sosial.

Seorang netizen, Tok Abah Ismail yang menulis di laman Facebook mempersoalkan sama ada pihak berkuasa agama Selangor akan mengambil tindakan yang serupa terhadap Timbalan Menteri Pelajaran itu memandangkan Kamalanathan turut berucap pada majlis tersebut.

MB nasihat patuhi arahan Jais

SHAH ALAM: Pemimpin politik di Selangor perlu patuh terhadap garis panduan ditetapkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berhubung pengagihan majlis di masjid dan surau bagi menjaga kesucian rumah ibadat orang Islam itu, kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, garis panduan itu perlu dipatuhi oleh semua pemimpin politik beragama Islam dan bukan Islam sebagai menghormati fungsi utama masjid dan surau sebagai tempat beribadah serta menyatupadukan umat Islam.

"Sebarang majlis anjuran wakil rakyat boleh dilakukan di masjid dan surau tetapi biarlah ia dilakukan di perkarangan kawasan berkenaan sahaja, bukan di ruang solat.

"Berhubung isu tindakan Ahli Parlimen Subang, R. Sivarasa di sebuah masjid di Subang minggu lalu (24 Mei), saya telah mengadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam bagi menjelaskan keadaan

yang berlaku," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri, 31 Mei lalu.

Sivarasa didakwa mencemarkan kesucian Masjid An Nur Kampung Melayu Subang dekat sini, apabila memberi ceramah berkaitan politik di masjid itu.

Wakil rakyat dari Keadilan itu bagaimanapun menafikan memberi ceramah di masjid berkenaan, sebaliknya menyatakan hanya menyampaikan ucapan ringkas mengenai komitmen kerajaan Selangor untuk terus membimbing institusi surau dan masjid di negeri berkenaan.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden Keadilan, berkata Sivarasa juga ada menemui beliau bagi menjelaskan keadaan yang berlaku, namun beliau enggan memberitahu butir penjelasan berkenaan.

Mohamed Azmin turut menjelaskan, Sivarasa bukan mewakili beliau di majlis berkenaan tetapi ia adalah majlis anjuran pusat khidmat Dun.

Mahkamah Syariah tolak permohonan qazaf Anwar

SHAH ALAM: Mahkamah Rayuan Syariah 5 Jun lalu menolak permohonan qazaf Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap peguam kanan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Panel tiga hakim syarie bersetuju dengan hujah-hujah ilmiah bahawa zina turut meliputi liwat.

Namun menurut mereka, mahkamah terikat dengan Enakmen Jenayah Syariah Selangor yang mentakrifkan zina hanya sebagai persetubuhan antara seorang lelaki dengan seorang wanita.

Justeru, mereka memutuskan permohonan qazaf itu tidak dapat diluluskan.

Ini adalah alasan sama yang diberikan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada Oktober lalu bagi membatalkan permohonan qazaf pertama Anwar terhadap Shafee.

Menurut peguam yang mewakili Anwar, Fadhlina Sadiq keberanian Mahkamah Rayuan membuat keputusan mencadangkan seksyen 36 berkaitan qazaf itu dipinda kerana kebanjiran kes tuduhan palsu terhadap masyarakat yang berleluasa patut dipuji.

"Sepatutnya kes ini boleh dirujuk di mahkamah syariah.

"Apa yang berlaku kes ini tidak dapat dipertuduh

di mahkamah syariah kerana maksud Qazaf itu sendiri.

"Sayangnya mahkamah terikat dan masyarakat difahamkan keputusan ini sangat penting kerana menjadi satu kayu ukur yang baik untuk membuat pindaan dan perlu diambil pertimbangan badan perundangan di negeri-negeri," ujarnya ketika ditemui media di lobi mahkamah.

Jelasnya lagi, penjelasan Mahkamah Rayuan lebih tepat berbanding Mahkamah Tinggi.

"Tindakan selanjutnya peguam ada 'option' (pilihan) yang lain untuk dibincangkan dengan anak guaman membabitkan isu syariah ini," ujarnya tanpa mendedahkan butiran lanjut.

Anwar memfailkan saman ke atas Shafee berhubung tindakan peguam Umno itu yang mengadakan siri jelajah dan dialog di Akademi Kepimpinan Kapten Hussein, pada 17 Februari tahun lalu, selepas bekas ketua pembangkang itu didapati bersalah dalam kes liwat II di Mahkamah Persekutuan.

Beliau mendakwa Shafee melakukan kesalahan qazaf kerana menokok-tambah kejadian yang dikatakan berlaku itu dan mencabar Shafee untuk mengemukakan empat orang saksi.

Rahsia cantik secara alami

DR. OLIVE BODYCARE merupakan jenama yang telah dipilih untuk produk kami. Olive atau buah zaitun memang sudah terkenal penggunaannya didalam produk penjagaan diri. Olive itu sendiri melambangkan kesucian, kecantikan yang alami dan abadi. Pokok Olive memang menakjubkan. Ia dapat bertahan dalam cuaca yang ekstrim. Buah zaitun kaya dengan khasiat pemakanan hingga disebut namanya dalam Al-Quran. Kebetulan pula nama pengasas produk ini ialah Dr. Zaiton.

Kini sudah terdapat berbagai jenis dan jenama produk penjagaan diri di pasaran. Apa yang istimewanya produk Dr. Olive Bodycare ialah, ia merupakan produk yang homemade, tidak menggunakan bahan kimia yang membahayakan kesihatan, tiada pengawet, menggunakan bahan-bahan asli dan selamat. Pada masa yang sama kami telah menjalankan kajian terhadap khasiat herba-herba tradisional untuk digunakan dalam produk-produk kami.

Produk penjagaan diri komersil yang terdapat dipasaran mengandungi terlalu banyak bahan kimia dan pengawet yang membahayakan kesihatan. Walaupun Dr. Olive Bodycare setaraf dengan produk-produk seperti Bodyshop misalnya, namun harganya jauh lebih rendah dan mampu dimiliki oleh orang kebanyakan. Matlamat kami ialah untuk membolehkan orang ramai menikmati kebaikan produk-produk yang menggunakan bahan-bahan alami, selamat dan berkesan. Dr. Olive Bodycare memberikan alternatif yang baik untuk menggantikan produk komersil yang sarat dengan kimia.

Produk-produk Dr. Olive Bodycare terdiri daripada berbagai jenis sabun muka dan badan, sabun syampu (shampoo bars), deodoran, sunscreen, bodyscrubs, berbagai serum, teh herba dan supplement seperti manjakani, biji betik dan pelansing.

Bahan-bahan utama dan asas yang digunakan dalam sabun muka dan badan ialah minyak kelapa, minyak zaitun, minyak kelapa sawit dan minyak castor. Campuran minyak-minyak mesra kulit (skin loving oils) ini membersihkan, melembutkan dan melembapkan kulit. Testimoni dari pengguna-pengguna sabun kami mengatakan mereka berpuas hati dengan sabun-sabun kami kerana kulit terasa lembut dan lembab. Mereka tidak perlu lagi menyapu losyen badan selepas mandi kerana kulit tidak lagi kering.

Dalam kategori sabun, kami menyediakan sabun yogurt, sabun kopi, sabun kunyit, sabun kulit kayu manis, sabun moringa, sabun bidara, sabun manjakani, sabun chamomile, sabun charcoal dan Kaolin Clay, sabun propolis, sabun gelenggang dan sabun Loofah. Setiap sabun mempunyai keistimewaannya sendiri.



Pengasas Dr Olive Puan Zaiton Abu Bakar

Rambut kita berbeza-beza dan penjagaanya tentu sajalah berbeza. Kami menyediakan sabun syampu untuk rambut kering, rambut berkelimumur dan rambut berminyak. Sebagai bahan aktif kami menggunakan minyak avocado, amla, aloe vera, pudina, badam dan bijan untuk sabun shampu yang berbeza. Sabun syampu tidak mengandungi cecair dan boleh disimpan dalam beg cabin apabila menaiki kapalterbang. Ia tahan 2 kali lebih lama dari syampu biasa.

Satu lagi produk yang laris ialah deodoran. Kita semua pakai deodoran setiap hari sejak dari umur kita 12 tahun lagi sehingga sekarang. Deodoran yang biasa dibeli dari supermarket dan farmasi mengandungi banyak kimia. Ada yang boleh menyebabkan kanser. Tidak hairanlah kenapa ketiak kita sudah berwarna gelap. Deodoran dari Dr. Olive Bodycare mampu memberi perlindungan sepanjang hari dan daam masa 2 minggu sahaja ia boleh memutihkan semula ketiak hitam. Apa lagi, jom bertukar kepada Dr.Olive Bodycare Deodorant.

Selain daripada produk-produk diatas, kami menyediakan beberapa jenis serum; serum anti penuaan, serum parut, serum clear-skin, serum mata hitam (dark-circle eye serum) dan serum untuk memanjangkan bulu mata. Yang paling popular ialah serum anti penuaan yang membantu mengecilkan pori-pori, menghilangkan kedutan kuit halus dan melembapkan kulit muka. Kami menerima maklumbalas yang sangat positif dari pengguna-pengguna serum ini. Kesannya boleh dilihat seawal 2 minggu selepas penggunaan.

Di keluaran akan datang, kami akan menulis lagi tentang kegunaan produk-produk Dr. Olive Bodycare. Sehingga di lain siaran, jaga diri baik baik dan jom bertukar kepada produk Dr.Olive Bodycare yang alami, selamat dan berkesan.

■ Untuk maklumat lanjut sila layari www.wix.com/drolivebodycare

Natural Safe Effective

PROMOSI
 0124902861
 untuk urusan pembelian
DAPATKAN SEGERA

 SABUN LOOFAH LAVENDER LEMON RM 24.90 Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit	 SABUN KOPI (SKRUB) RM 24.90 Melancarkan darah, buang kulit mati, melembutkan kulit kaki dan tumit	 SERUM RM 34.90 Mengandungi bahan asli seperti vitamin E ,Olive, Coconut, Sweet Almond dan lain-lain
 SUNSCREEN (CREAM) RM 20.90 Melindungi kulit muka dari matahari, terutama bagi individu yang sensitif	 DEODORANT (CREAM) RM 20.90 Melindungi dari bau badan yang tidak menyenangkan	

- ✓ Handmade product
- ✓ Free harmful chemical
- ✓ Free paraben
- ✓ Organic

Kemelut FGV: Isa Samad 'gali kubur' sendiri

TINDAKAN Tan Sri Isa Samad menggantung Dato Zakaria Arshad, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ahmad Tifli Talha, Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Felda Global Venture (FGV) mesti dipandang serius.

Setelah setahun mengemudi FGV, beliau telah memulakan pelbagai langkah penambahbaikan dan pelan strategi bagi memulihkan konglomerat besar ini sejak penyenaaraiannya. FGV kembali membuat keuntungan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Lebih serius lagi kerana Zakaria telah mendedahkan bantahan beliau terhadap pelaburan ratusan juta yang 'tidak masuk akal' dan dalam pelaburan yang tidak 'core-business' FGV. Contohnya, rancangan untuk menambah RM551 juta dalam syarikat nano karbon yang bukan 'core-business' iaitu Felda Cambridge Nanosystems Ltd, setelah itu kerugian RM117 juta adalah tidak masuk akal, dakwa beliau. FGV hanya punya simpanan tunai sebanyak RM1.8 bilion sementara menanggung ansuran hutang sebanyak RM4 bilion.

Keberanian serta ketegasan Zakaria yang mahukan SPRM bertindak menyalah dakwaan salah-laku bayaran atau apa jua dakwaan yang lain (discrepancies) yang menyaratkan sesuatu yang tidak kena. Beliau merakamkan kekecewaannya dan menyifatkan bahawa beliau menjadi 'mangsa keadaan' (victim of circumstances). Terkini beliau mencabar pihak Lembaga Pengarah FGV untuk membuat pilihan antara beliau dan pengerusinya.

Zakaria tidak pula menafikan kemungkinan wujud ketidakselarasan (discrepancies) dalam bayaran dan sebagainya, yang dikesani oleh audit dalaman. Pihak FGV telah pun melibatkan sebuah badan audit luar (PwC) yang mengesahkan kewujudan ketidakselarasan yang membabitkan 'berjuta ringgit'.

Zakaria yang agak enggan untuk meletak-

kan jawatan pada tahap awal, menyatakan bahawa beliau sendiri telah melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyalah akan kes tersebut kerana urusan dengan anak syarikat Felda, Delima Oil Products (DOP) dan Safitex telah berjalan lebih awal dari perantikan beliau lagi.

Kini menjadi tanda-tanya besar apakah motif di sebalik kesemua tindakan Isa Samad ini, yang tidak pernah setegas dan sepentas ini. Ada sesuatu yang belum dapat dibaca lagi oleh pihak penganalisis.

Dengan mulanya siasatan ini, maka apakah ini merupakan peluang untuk SPRM melanjutkan siasatan atas segala dakwa-dakwi tentang perolehan aset-aset mewah luar negara termasuk khasnya perihal pembelian 37% saham PT Eagle High Plantations di Indonesia dengan harga RM2.9 bilion, hampir tiga kali ganda harga pasaran?

Pun begitu, yang jelasnya, tindakan Isa Samad ini seolah-olah akan berakhir dengan mendedahkan pelbagai dakwaan silap-laku dan kepincangan pengurusan pelaburan FGV untuk sekian lama ini.

Dengan kata lain, apakah langkah Isa Samad untuk menyingkir CEO yang kini menjadi 'penghalang dan pencabar'nya, tidak ubah seperti menggali kuburnya sendiri?

Dengan segala apa yang berlaku sejak penyenaarai FGV (Jun 2012) maka amat mudah untuk kami, di pihak pembangkang, untuk menyebutkan "sah" apa kita dakwa sejak awal. Sememangnya lebih baik buat peneroka, supaya Felda kekal sebagai sebuah entiti 'kooperasi' yang bolehlah 'dikorporatkan' tetapi TIDAK perlu untuk diapung atau disenaraikan di Bursa Saham. Sebabnya? Jawapannya mudah.

Peneroka tidak wajar atau mampu dibebankan dengan risiko 'volatility' atau 'turun-naik atau ketidaktentuan' pasaran saham yang ter-

takluk kepada segala faktor luar kawalan serta juga terkadang kali 'kejutan pasaran' (market shocks). Cukuplah peneroka dengan bebanan menanggung risiko tidak menentu harga komoditi khasnya minyak mentah sawit (CPO) dunia yang sukar dikawal.

Sekarang saham FGV berada pada paras RM1.66 berbanding harga ketika disenaraikan (IPO) RM4.46 sen. Jelas peneroka mengalami kerugian besar dan kini menanggung hutang yang terpaksa dibuat dengan bank untuk membeli saham FGV dahulu.

Rakyat masih ingat bagaimana peneroka hanya diperuntukkan 91 juta atau 2.5% dari keseluruhan saham FGV yang diterbitkan, sementara kroni-kroni Umno dengan istilah 'pelabur-pelabur bumiputera yang diiktiraf MITI' diperuntukkan 420 juta saham atau 11.5%.

Dibahagi di antara 112,635 keluarga peneroka, maka mereka hanya mendapat 810 saham seorang (tak sampai pun satu unit bersamaan 1000 saham) berbanding 28,368 saham seorang pekerja Felda (35 kali ganda). Jelasnya Najib-Isa telah 'memangsakan' peneroka, berbanding kerja buat Allahyarham Ayahandanya Tun Razak yang 'membangunkan' peneroka!

Ringkasnya, diantara 2012-2016, FGV mengalami prestasi yang buruk. Tidak boleh dipersalahkan hanya kepada harga minyak mentah sawit dunia yang rendah sebab konglomerat kelapa sawit yang lain seumpama KLK dan IOI menunjukkan prestasi yang baik dan kalau menurun pun tidak separah FGV.

Sementara itu FGV terlibat dengan pelbagai kontroversi perolehan dan pelaburan yang tidak bijak atau pruden dan keluar dari teras bisnes asal FGV. Terkini dan masih lagi dipertikaikan adalah pembelian 37% saham Eagle High Plantation pada harga jauh melebihi harga pasaran.



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Dalam pada itu sejak perantikan Dato Zakaria Arshad pada April 2016 lalu, beliau telah secara agresif melakukan beberapa pelan strategik untuk memulihkan prestasi FGV termasuk; i. memberi fokus kepada perniagaan teras, ii. rasionalisasi aset, iii. meningkatkan hasil ladang dan iv. mengurangkan birokrasi.

Beliau juga telah membentangkan pelan peralihan yang berkonsepkan YES - Yield (Hasil), Evacuation (Pemindahan) dan Sustainability (Kemampuan) sebagai menjiwai kehidupan sebagai anak peneroka Felda. Dengan kegigihan itu FGV mula menampakkan perubahan yang positif dalam prestasi kewangannya.

Nah, dalam suasana perubahan mula dikecepi episod 'Isa lawan Zakaria' ini jelasnya akan memaparkan "siapa yang sebenarnya bermotif murni dan siapa pula yang hendak bermain politik demi menjaga kepentingan peribadi atau kelompoknya?"

Sama-sama kita saksikan kesudahan kemelut ini... Saya meramalkan Isa menggali kuburnya sendiri. Tidak mustahil, untuk menyelamatkan dirinya, Najib mungkin sahaja akan memecat Isa!

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.

Sindrom bisu ancaman baru negara

PENDEDAHAN Sarawak Reports bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah menyalurkan sejumlah RM9.5 juta ke akaun peguam kanan Tan Sri Shafee Abdullah sebelum kes rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibicarakan amat mengejutkan semua pihak.

Kejutan (shocking) berkaitan berita tersebut telah melahirkan 2 reaksi berbeza. Segmen rakyat yang cintakan negara marah dan bertindak membuat laporan polis dan tuntutan siasatan dijalankan. Segmen pemerintah yang cintakan habuan dunia pula membisu seribu bahasa.

Tidak pasti sama ada sikap membisu ini disebabkan oleh perasaan takut atau masih teraba-raba mencari helah. Tiada seorang pun pemimpin Umno yang berani memberikan reaksi membela bos mereka yang kini terkapai-kepai mencari Syeikh Arab bagi melepaskan diri.

Bayaran jutaan ringgit tersebut menimbulkan pelbagai persepsi negatif terhadap integriti pihak pendakwaan dan kebebasan badan kehakiman kerana Tan Sri Shafee adalah peguam yang dilantik Peguam Negara terdahulu bagi mengetahui pasukan pendakwaan dalam kes rayuan pertuduhan liwat 2.0 terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau telah disabitkan kesalahan dan dihukum penjara 5 tahun.

Isu yang sebegini serius harus disiasat pihak polis kerana Tan Sri Shafee mempunyai

percanggahan kepentingan dalam kes tersebut dan ia menimbulkan spekulasi negatif kerana dibimbangi boleh mencemar ketelusan dan keadilan keputusan rayuan tersebut.

Pendedahan ini juga memberikan impak negatif terhadap profesyen peguam kerana peguam perlu bertindak secara integriti dan digniti seperti mana yang termaktub dalam Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978.

Bar Council perlu mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada Tan Sri Shafee berhubung dakwaan ini bagi membersihkan nama baik profesyen ulung ini. Menjunjung prinsip bahawa keadilan perlu dilihat dilaksanakan, peluang untuk Tan Sri Shafee untuk memberikan penjelasan yang positif dan konkrit harus diberikan.

Pendedahan ini adalah sesuatu yang amat mengancam sistem pentadbiran negara kerana wang yang didakwa disalurkan tersebut adalah wang SRC International yang dipinjam daripada dana awam Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) yang didakwa oleh DOJ Amerika Syarikat sebagai wang yang telah diseleweng.

Bukti bertulis yang didedahkan Peguam Negara pada 27 Januari 2016 bahawa Perdana Menteri telah menerima wang daripada SRC International adalah kes 'prima facie' wujudnya salah laku jenayah pecah amanah oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri hingga saat ini tidak

menafikan menerima wang tersebut, malah-an tidak pula membayar balik kepada KWAP walaupun telah dibuktikan ianya wang KWAP.

Seharusnya pihak Polis, SPRM dan Peguam Negara mengambil langkah segera agar siasatan dapat dijalankan di bawah pelbagai undang-undang jenayah termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 terhadap semua individu atau organisasi yang telah dibayar oleh Perdana Menteri daripada wang SRC ini.

Pihak berkuasa mempunyai tanggung jawab undang-undang dan sosial untuk mengembalikan keyakinan rakyat. Tiada sesiapa yang boleh mengatasi undang-undang. Keluhuran undang-undang perlu sentiasa dijunjung dan dipelihara.

Sikap Perdana Menteri yang terus membisu terhadap dakwaan salah-laku dalam skandal penyelewengan berskala mega ini menunjukkan tiadanya sifat akauntabiliti Perdana Menteri. Perdana Menteri perlu menjelaskan tujuan beliau membayar wang sebanyak itu dan adakah wang itu telah diisytiharkan kepada LHDN bagi pengauditan dan potongan cukai.

Kelemahan kerajaan dan pihak berkuasa menyelesaikan isu yang amat serius ini akan menghakis kepercayaan lebih ramai pelabur dan menyebabkan nilai ringgit semakin susut yang akhirnya mengakibatkan ekonomi negara semakin merosot dan kehidupan rakyat semakin tertekan dan menderita.



PENDAPAT

FAIZ FADZIL

Maka dakwaan Perdana Menteri bahawa keadaan ekonomi akan lebih parah jika bertukar kerajaan adalah helah bagi menipu rakyat sedangkan isu korupsi yang menjerut beliau adalah isu tunjang kemerosotan ekonomi sekarang. Perkara ini adalah konsisten dengan kenyataan mantan Gabenor Bank Negara Tan Sri Zety Akhtar Aziz bahawa ringgit hanya akan pulih jika isu 1MDB diselesaikan. Siasatan menyeluruh dan bebas terhadap Perdana Menteri adalah langkah pertama penyelesaian isu 1MDB.

Namun Perdana Menteri masih lagi bebas dan isu 1MDB tidak juga selesai kerana sikap membisu pihak berkuasa. Sikap membisu yang sedang melanda negara hari ini menjadi ancaman baru kepada kestabilan ekonomi dan demokrasi negara.

Membina Negara Berintegriti
#PemudaBekerja

■ Faiz Fadzil ialah Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional.

Sekam berpisah dari padi, kata PPBM

KUALA LUMPUR: Tindakan beberapa pemimpin penaja Parti Bersatu Pribumi Malaysia (PPBM) dan para pengikut mereka bertindak para pengikut mereka bertindak meninggalkan parti itu disifatkan sebagai proses pembersihan umpama 'sekam yang berpisah dari padi'.

Ketua Penerangan PPBM Datuk Kamarudin Md Nor berkata, tindakan keluar masuk parti adalah satu perkara biasa dalam politik apatah lagi jika ia didorong oleh agenda peribadi.

Beliau merujuk rencana yang tersiar dalam sebuah akhbar tempatan bertarikh 30 Mei bahawa PPBM kini berada dalam keadaan bercerai berai (disintegrating).

"Tulisan itu dituju kepada PPBM dengan mengambil kira peristiwa perletakan jawatan 4 orang Ketua Penaja Bahagian dan

seorang Exco Srikandi Pusat dan beberapa orang ahli yang berlaku di Perak pada minggu lalu dan sebelum itu di Negeri Sembilan

"Saya sukacita menjelaskan bahawa kedudukan PPBM Perak khususnya pada masa ini adalah masih tetap teguh dengan tahap perpaduan di kalangan 20 lagi Ketua-Ketua Penaja Bahagian adalah sangat kuat di bawah Pengerusi Badan Pimpinan Negeri.

"Dan bahagian-bahagian yang ketuanya telah meletakkan jawatan akan segera mendapat Ketua baru apabila urusan perlantikannya selesai," ujarnya dalam satu kenyataan, 2 Jun lalu.

Beliau menganggap peristiwa ini sebagai proses saringan untuk 'memisahkan sekam dari padi' dan berbersyukur kerana 'kumpulan sekam' itu sendiri telah bertindak untuk berpisah dan bukan pemimpin

pusat PPBM.

Menurut beliau, walaupun PPBM baru ditubuhkan namun sokongan yang diterima terus meningkat terutama daripada bekas penyokong Umno.

Kamarudin menambah, PPBM kini mengadakan program Jelajah Semarak yang telah diadakan di lima negeri dan berjaya menghimpunkan puluhan ribu penyokong.

"Ada enam buah negeri lagi yang belum diadakan Jelajah Semarak. Ianya akan diadakan selepas bulan puasa ini," jelas beliau.

PPBM ujarnya, memutuskan untuk bertapak di Semenanjung sahaja dengan jumlah kawasan Parlimen sebanyak 165 buah.

Dalam tempoh tujuh bulan, parti itu dapat menubuhkan 159 bahagian beserta ketua, sayap Srikandi (wanita) dan

Armada (pemuda).

PPBM juga, jelas Kamarudin telah menubuhkan pejabat sebagai pusat operasi di peringkat parlimen tanda bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum (PRU).

"Rumusannya, meskipun terdapat beberapa orang yang gagal untuk mencuba mengadu domba di antara pimpinan utama parti dan telah meletakkan jawatan dan mengisytiharkan diri keluar parti, namun ia tidak membawa kesan apa-apa terhadap keutuhan dan perpaduan di kalangan pemimpin utama parti di peringkat pusat," katanya.

Bahkan perpaduan parti, katanya bertambah erat apabila Pengerusi PPBM Tun Mahathir Mohamad sendiri mengeluarkan kenyataan membela dan menyokong kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden parti.

Menteri Umno dinasihati hormati Ramadan

KUALA LUMPUR: Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor disaran agar banyak memohon keampunan dari Allah SWT dan bertaubat daripada leka menebarkan fitnah di bulan Ramadan ini.

Gesaan itu dibuat Ketua Wanita AMANAH Nasional (Awan) Dr Siti Mariah Mahmud ketika mengulas tuduhan melulu Adnan di majlis penyerahan bantuan di sebuah masjid di Cheras, semalam.

"Mudahnya Menteri Wilayah ni lempar fitnah bukan saja pada lawan dia tapi juga kepada rakyat negeri Selangor.

"Sempena bulan Ramadan ni, eloklah Ku Nan banyak-banyakkan istighfar dan bertaubat dari memfitnah," tegur Dr Mariah yang juga Ahli Parlimen Kota Raja.

Tengku Adnan ketika berucap pada program terbuka puasa di ruang

parkir Masjid Jamek Alam Shah, Cheras, Kuala Lumpur sempat menampelak pemimpin pembangkang khususnya Ahli Parlimen Subang R Sivarasa yang disifatkan sebagai 'ketagih mikrofon'.

Berucap pada Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan di masjid itu, Tengku Adnan yang mengkritik pemimpin pembangkang kerana bercakap tentang politik di masjid membidas Sivarasa yang didakwa mencemarkan kesucian Masjid An Nur Kampung Melayu Subang apabila memberi ceramah berkaitan politik pada Rabu lalu.

"Saya bukan cakap politik tapi Sivarasa cakap politik. Kita bawa (Timbalan Menteri Wilayah) Datuk Loga (Bala Mohan) tapi dia pun tak cakap politik (dalam masjid).

"Kita datang buka puasa, kita sembahyang dia pun balik bukan ambil mikrofon cerita dalam surau, cerita dalam masjid mengenai politik..

"Inilah puak-puak yang ketagih yang tak ada program yang tak pernah jumpa rakyat jadi dia jadi ketagih, bila ketagih mereka akan lakukan apa-apa yang boleh menghilangkan ketagihan mereka," katanya.

Adnan turut menyentuh mengenai pusat hiburan di negeri Selangor yang katanya semakin bercambah.

Sambil mendakwa telah berusaha menahan lesen-lesen hiburan dari masuk ke Wilayah Persekutuan, di majlis terbuka itu Tengku Adnan melemparkan tuduhan terhadap rakyat Selangor yang disifatkan sebagai 'ketagih pusat judi'.

"Di Wilayah Persekutuan, saya tanya dengan Datuk Bandar (Kuala Lumpur)

lesen-lesen hiburan keluarga dah beku lama dah berhenti kerana kita tahu ini punca tempat perjudian...

"Apa yang berlaku di negeri Selangor?

"Itu yang Sivarasa ketagih, rakyatnya di negeri Selangor pun ketagih pusat judi ibarat cendawan tumbuh di pesisir wilayah persekutuan," katanya dengan nada sinis.

Kehadiran Sivarasa di Masjid An Nur Kampung Melayu, Subang, 24 Mei lalu bagi menyampaikan sumbangan kepada surau dan masjid di kawasan parlimen yang diwakilinya tidak disenangi sesetengah pihak termasuk Adun BN Kota Damansara Halimatun Saadiah Bohan.

Mereka kemudian membuat laporan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang sekaligus menarik perhatian Pengarahnya

Datuk Haris Kasim.

Haris kemudiannya memaklumkan bahawa tindakan Sivarasa mengundang kemurkaan Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Bagaimanapun Sivarasa menafikan dirinya memberi ceramah politik di masjid berkenaan dan kehadirannya itu telah disalahertikan sesetengah pihak.

Menurut Sivarasa sebagai tetamu yang dijemput memberi sepatah dua kata, adalah tidak elok jika beliau menolak undangan itu.

Beliau mengakui membuat ucapan ringkas menyampaikan salam Ramadan dan menegaskan keyakinannya terhadap komitmen kerajaan Selangor untuk terus membimbing institusi surau dan masjid di negeri itu.

Jangan sekadar 'cakap kosong' bela bekas tentera

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menjelaskan mengapa masalah kelewatan pembayaran caruman kepada pesara tentera berlaku tahun lalu sehingga mengambil masa berbulan-bulan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi para veteran tentera.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Nik Nazmi Ahmad berkata, beliau mengambil maklum kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa kerajaan tidak akan melupakan jasa dan pengorbanan pesara tentera.

Malah tambah beliau, Najib memaklumkan kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM3.28 bilion untuk kebajikan pesara tentera dalam pelbagai aspek.

"Tetapi bagi saya, tidak kiralah di mana masalah sama ada di peringkat Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT) atau Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), pembayaran caruman kepada pesara perlu dilakukan mengikut jadual ditetapkan lebih-lebih lagi se-

mua juga maklum Pengerusi LTAT ini dibayar gaji yang lumayan setiap bulan untuk menjaga kebajikan veteran tentera.

"Najib dan Menteri Pertahanan Hishamuddin Hussein Onn sebagai keluarga bangsawan mungkin tak memahami jerih perih veteran tentera.

"Sudah menjadi tanggungjawab Menteri Pertahanan sepatutnya untuk menyelesaikan sebarang masalah pentadbiran di antara LTAT dan UGAT yang melambatkan pembayaran," ujar beliau.

Menurut Nazmi, masalah dihadapi veteran tentera harus dikaji dengan teliti oleh pihak berwajib kerana ia bukan sahaja meresahkan pesara tentera tetapi juga anggota yang sedang berkhidmat dan orang awam.

Anggota tentera yang sedang berkhidmat, ujarnya akan melihat dan mendengar masalah yang dihadapi

rakan-rakan pesara dan membuat kesimpulan mereka bakal menerima nasib yang sama setelah besara.

"Apabila ini berlaku, sudah tentu moral dan semangat juang anggota tentera menjadi luntur," katanya.

Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor itu juga meminta kerajaan untuk memperkenalkan lebih banyak program latihan bagi membantu kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) supaya hari tua mereka tidak sia-sia dan melarat selepas pelbagai pengorbanan dan perjuangan mereka lakukan kepada negara ini.

Kerajaan Pakatan Harapan Selangor, katanya telah memberi sumbangan RM1 juta kepada veteran ATM dalam Belanjawan 2017, selain membolehkan veteran meminjam skim mikrokredit Hijrah serta program kemahiran untuk veteran tentera.

"Jelas sekali, Pakatan Harapan mengutamakan veteran sedangkan Kerajaan Persekutuan mengabaikannya,"ujarnya.



RAIKAN RAMADAN... Ketua Ahli Parlimen DAP yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang bersalaman dengan peniaga Bazar Ramadan Taman Pesta Batu Pahat ketika melawat tapak perniagaan itu, baru-baru ini. Dengan diiringi Pengerusi AMANAH Johor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Parit Yaani, Aminolhuda Hasan, Kit Siang dan rombongan beramah mesra dengan pengunjung bazar Ramadan dan menyampaikan kurma untuk berbuka puasa. Beliau turut berkunjung ke Bazar Ramadhan Tongkang Pechah. Program yang bermula sekitar jam lima petang dan berakhir kira-kira jam tujuh petang itu turut diraikan para pemimpin Pakatan Harapan (PH) Batu Pahat dan Sri Gading.

Ekonomi berkembang, gaji menguncup



KUALA LUMPUR: Pertumbuhan gaji sebenar rakyat negara ini (selepas ditolak inflasi) bagi 2017 dijangka jatuh pada kadar terendah di rantau Asia (bagi ekonomi yang setanding dengan Malaysia) iaitu sekitar 2.30% manakala kadar inflasi pada bulan April lalu berada pada tahap 5.1% iaitu tertinggi dalam tempoh 8 tahun.

Menurut Rafizi, Kerajaan BN pada dua minggu lalu menguar-uarkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.6% bagi suku pertama 2017 sebagai bukti kejayaan pentadbiran.

Malah tambah beliau, ada jurucakap kerajaan yang mendakwa segala skandal bersabit 1MDB hanyalah dakyah politik kerana tidak mempunyai kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bagaimanapun keadaan ekonomi yang baik tidak dirasakan rakyat meskipun Malaysia dilaporkan mencatat kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun.

Menurut Rafizi, bukan semua pertumbuhan ekonomi mengalirkan kebaikan kepada rakyat kerana ada hasil ekonomi dipusatkan di kalangan beberapa pihak manakala ekonomi yang berkembang kadang kala disebabkan kewujudan banyak pekerjaan

“ Secara mudahnya, pertumbuhan KDNK negara merujuk kepada ukuran bagaimana ekonomi negara menghasilkan lebih banyak barangan dan perkhidmatan. Ini boleh dicapai dengan dua cara; menambah pekerjaan atau menambah produktiviti, ”

bergaji murah.

“Secara mudahnya, pertumbuhan KDNK negara merujuk kepada ukuran bagaimana ekonomi negara menghasilkan lebih banyak barangan dan perkhidmatan. Ini boleh dicapai dengan dua cara; menambah pekerjaan atau menambah produktiviti,” jelas beliau.

Ujar Rafizi, di bawah pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi, pertumbuhan KDNK lebih didorong oleh produktiviti.

Walau bagaimana pun, tambah beliau pertumbuhan yang didorong produktiviti menurun semasa pentadbiran Datuk Seri Najib Razak (2011-2015) iaitu dari 59.07% kepada 34.80% daripada jumlah pertumbuhan KDNK.

Di masa yang sama, ujarnya pertumbuhan yang didorong pertambahan pekerjaan meningkat dengan ketara iaitu daripada 40.93% kepada 65.2% daripada jumlah pertumbuhan KDNK.

“Ini bermakna jika pihak majikan mengam-

bil lebih ramai pekerja, mereka bukannya meningkatkan produktiviti pekerja untuk menghasilkan lebih banyak barangan atau perkhidmatan (seterusnya meningkatkan pertumbuhan KDNK).

“Sebab itu pertumbuhan KDNK yang diumumkan kerajaan perlu diperhalusi untuk menentukan sama ada pertumbuhan itu hanya dipacu oleh lebih banyak pekerja yang dibayar gaji yang murah untuk menambah pekerjaan; atau pertumbuhan itu berpunca dari kerja-kerja yang lebih bernilai tinggi dan dibayar gaji yang lebih tinggi,” jelasnya lagi.

Beliau menambah, bagi tahun 2011 hingga 2015, rekod pekerja asing berdaftar melonjak naik daripada 1.82 juta orang (2010) kepada 2.14 juta orang (2015).

Malah katanya, Persekutuan Majikan Malaysia menganggarkan jumlah pekerja asing berdaftar dan tidak berdaftar adalah sekitar 6 juta orang pada 2016 iaitu kira-kira 40% jumlah

tenaga kerja negara ini.

“Oleh itu, walaupun saiz ekonomi dilihat semakin meningkat, tetapi ia turut dikongsi bersama lebih ramai orang yang kebanyakannya pekerja asing,” katanya.

Rafizi berkata, jika pertumbuhan KDNK negara ini didorong oleh produktiviti, setiap pekerja akan mendapat imbuhan yang lebih besar kerana jumlah pekerja tidak perlu ditambah dengan mendadak (dengan membawa pekerja asing) dan hasil ekonomi dikongsi dengan lebih adil.

Pertumbuhan KDNK yang didorong oleh pekerjaan berkemahiran rendah akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan, namun jelas beliau tidak meningkatkan tahap gaji.

“Kebelakangan ini fenomena ini berleluasa dengan peningkatan pekerjaan berkemahiran rendah yang dibayar gaji yang rendah kerana diisi oleh pekerja asing.

“Keadaan ini menerangkan kenapa angka pertumbuhan KDNK nampak baik di atas kertas tetapi tidak memberi manfaat kepada rakyat biasa yang terpaksa bekerja setiap hari dengan kadar pertumbuhan upah yang rendah dan tidak sepadan dengan kenaikan kos sara hidup,” ujar beliau lagi.

Putar belit fakta bukan kebebasan akademik

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Kebebasan akademik adalah kebebasan untuk menyatakan pendapat berasaskan keilmuan dan bukannya kebebasan untuk memutar belit fakta, tegas Timbalan Pengerusi Biro Undang-Undang AMANAH (Kanun), Wan Anwar Wan Ibrahim.

Menurutnya, kebebasan bersuara yang diperuntukkan dalam Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan bersifat tidak mutlak dan terikat dengan undang-undang.

Contoh kebebasan akademik yang disekat, ujarnya membabitkan

Prof Dr Azmi Sharom yang didakwa di Mahkamah Sesyen di bawah Akta Hasutan 1948 kerana artikelnya berhubung krisis politik di Perak dan Selangor pada 14 Ogos 2014.

Wan Anwar mengulas kenyataan terbaharu pensyarah kanan Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff di Facebook pada 31 Mei lalu yang mendakwa Naib Presiden AMANAH, Dr Mujahid Yusof sebagai ‘lambang hipokrisi’ kerana bertindak tidak selari dengan tujuan parti itu ditubuhkan.

Dr Kamarul dalam catatannya turut mendakwa pandangan Dr Mujahid tidak konsisten dengan tujuan

penubuhan AMANAH.

Sehubungan itu, Wan Anwar yang juga Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional berpendapat Dr Mujahid berhak untuk menyaman Dr Kamarul jika berpendapat pensyarah pro-Pas itu telah melampaui batasan fitnah.

“Kadang-kala tindakan undang-undang perlu diambil ke atas mana-mana insan yang berterusan melancarkan fitnah. Hanya tindakan undang-undang sedemikian yang mampu menghentikan perbuatan fitnah itu.

“Kanun menyatakan bahawa antara sekatan dalam kebebasan bersuara adalah sekatan daripada membuat

fitnah (libel and defamation).

“Sekiranya seseorang itu melemparkan kata-kata tidak benar yang menjatuhkan reputasi seseorang yang lain di mata orang awam maka ianya akan menjadi suatu fitnah,” jelas peguam itu lagi.

Beliau turut menyifatkan Dr Kamarul sendiri tidak mengamalkan apa yang disebutkan apabila memberitahu lucu membaca bahasa digunakan Dr Mujahid yang dianggap ‘progresif’ dan ‘terbuka’, sedangkan selang beberapa baris beliau mendakwa AMANAH sebagai ‘partai jumudi’.

“Bukankah persepsi itu yang ingin

dibina oleh Dr Kamarul? Kanun setakat ini tidak pernah lagi melihat Dr Kamarul atau UUM menjemput mana-mana pemimpin AMANAH untuk berdebat atau berwacana secara terbuka.

“Apakah Dr Kamarul hanya berani dalam facebook sahaja? Sedangkan Dr Mujahid sudah terbukti berani berdialog dan berwacana.

“Malah Dr Mujahid ialah pelopor dalam dialog antara Kristian dan Islam sehingga beliau menghasilkan buku bertajuk *ëBerdialog Dengan Gereja* yang diberikan kata pengantar oleh Almarhum Tuan Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat,” ujar Wan Anwar lagi.

Berapa baki tanah awam di KL?

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri perlu mendedahkan jumlah tanah milik agensi Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur yang telah dijual dan berapa pula bakinya, soal Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng.

Maklumat ini penting diketahui umum memandangkan pasukan Komunikasi Strategik BN pimpinan Datuk Abdul Rahman Dahlan bertanyakan soalan yang sama kepada kerajaan negeri Pulau Pinang dalam artikel yang disiarkan di media baru-baru ini.

“Alang-alang BN sudah mula bercakap tentang hal ini, apa kata kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mendedahkan jika ada

mana-mana tanah milik agensi Kerajaan Persekutuan yang dijual melalui tender terbuka?

“Jika tiada tender terbuka dilakukan, bukankah ini satu bentuk amalan rasuah? Soalanya dalam satu kenyataan media.

Beliau turut menyentuh pengumuman Datuk Seri Najib Razak tahun lalu bahawa Umno telah membeli Terminal Hentian Bas Putra (THBP) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk diganti dengan bangunan pejabat 70 tingkat serta menara hotel tanpa mendedahkan nilai pembelian.

Menurut Lip Eng, Najib yang juga Presiden Umno perlu bertanggungjawab mende-

dahkan jumlah wang yang telah dibayar kepada DBKL bagi tujuan pembelian terminal tersebut.

“Apatah lagi setelah BN membuat pelbagai andaian tentang bagaimana kerajaan negeri Pulau Pinang mendapat keuntungan daripada penjualan tanah milik negeri,” katanya.

Lip Eng yang juga Setiausaha DAP Wilayah Persekutuan juga mendesak Umno mendedahkan sumber dana untuk membeli bangunan milik awam tersebut serta sama ada bayaran penuh telah dibuat kepada DBKL.

Beliau turut menyentuh keengganan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri

Tengku Adnan Tengku Mansor untuk menandatangani pewartaan draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang jika diwartakan akan menghalang tanah awam dijual kepada syarikat swasta.

“Beliau (Ku Nan) juga mesti menjelaskan kenapa sebahagian daripada Taman Rimba Kira di Taman Tun Dr Ismail telah dijual kepada pemaju swasta untuk membina lapan blok kondominium mewah pencakar langit tanpa sebarang tender terbuka kepada pembida tertinggi.

“Jelaskan berapa harga jualan dan berapa banyak keuntungan yang BN dapat,” katanya.

Proton berimej China lebih mahal

KUALA LUMPUR: Tidak mustahil harga kenderaan keluaran Proton Holdings Bhd khususnya membabitkan model baru di pasaran tempatan akan menjadi lebih mahal bagi memastikan keuntungan kepada Zhejiang Geely Holding Group Co (Geely) dari China, kata bekas Timbalan Pengarah Bank Negara Dr Rosli Yaakob.

Beliau yakin Geely meletakkan beberapa syarat kepada Proton seperti kenaikan harga bagi membolehkan syarikat itu menikmati keuntungan dalam satu tempoh ditetapkan setelah mengambil alih saham syarikat pengeluaran kereta negara itu.

"Ketika media melaporkan Geely menarik diri, saya melihat ia hanya usaha mereka bermain tarik tali dan ternyata benar apabila kerajaan menaikkan duti eksais lima peratus untuk kenderaan utiliti sukan (SUV) dan kenderaan pelbagai guna (MPV) bagi memikat syarikat terbabit.

"Hanya selepas itu barulah Geely setuju membeli 49 peratus kepentingan



Proton, sekali gus mengumumkan akan mengeluarkan SUV Boyue NL3 untuk dikeluarkan di Malaysia bagi pasaran serantau," katanya.

Langkah ini, katanya membolehkan Proton memperolehi keuntungan berganda menerusi pengecualian duti eksais dan kenaikan harga kenderaan seperti dijangka.

Dr Rosli berkata, sebagai pemilik saham baru, Geely sudah pasti mahukan pulangan segera ke atas pelaburannya di dalam Proton.

Selain itu, katanya kesediaan Geely menyediakan reka bentuk, teknologi

dan landasan pasaran kenderaan jenama Proton di peringkat antarabangsa mempunyai kos tersendiri.

"Rakyat kena terima hakikat selepas ini Proton berimej baru iaitu 'imej China' dengan harga lebih mahal dan bukan lagi sebagai kenderaan nasional yang walaupun bermasalah tetapi tetap dibanggakan terutama di awal pengeluarannya.

"Di sudut lain pula, kita perlu lihat teknologi China yang disuntik ke dalam Proton adakah kemungkinan lebih bagus kerana sebelum ini memang susah jumpa kenderaan buatan China tersadai di tepi jalan," katanya.

Hanya bahasa undi mampu ajar BN

KUALA LUMPUR: Hanya 'bahasa undi' sahaja yang mampu menurunkan Datuk Seri Najib Razak dan BN dari teraju pentadbiran negara seterusnya menamatkan era kerajaan kleptokrasi di negara ini, kata Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub.

Usaha ini, katanya perlu dilakukan bagi menyelamatkan negara, rakyat dan masa depan generasi akan datang.

"Kita merasa begitu bangga menyaksikan beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, Switzerland, Jepun, Korea Selatan dan Singapura memamerkan akhlak integriti urus tadbir

negara mereka yang mampu menjadi contoh kepada sekalian warga dunia," ujarnya dalam satu kenyataan hari ini.

Salahuddin merujuk tindakan tegas kerajaan Singapura berkaitan isu 1MDB yang sekali lagi memberi keaiban besar kepada negara dan rakyat Malaysia.

Menurutnya, Pengarah Urusan Berkuasa Kewangan Republik Singapura Ravi Menom mendedahkan terdapat lapan bank di republik itu yang terlibat dengan skandal 1MDB dan didenda hampir SD30 juta.

Namun penglibatan Najib dalam skandal mega 1MDB, ujar beliau telah

berlarutan hampir 5 tahun tanpa sebarang tindakan hingga mengakibatkan malapetaka politik dan ekonomi yang sangat memalukan.

"Ianya merobek maruah negara di mata rakyat tempatan sekaligus masyarakat antarabangsa," kesal beliau.

Menurut Salahuddin, adalah sangat membimbangkan apabila fenomena amalan dan budaya rasuah yang berlaku di negara ini berinspirasi kerajaan kleptokrasi yang dipimpin Najib.

"Tidak mustahil jika penagih rasuah di negara ini menjadikan Najib sebagai ikon mereka," katanya.

YDP PAS Gombak padam status fitnah

PETALING JAYA: Keceluparan Yang Dipertua (YDP) Pas Gombak, Salehuddin Nasir memuat naik status berunsur fitnah di laman facebook mengundang padah apabila Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) membuat laporan polis.

Laporan polis itu dibuat aktivis DAPSY Subang Shukri Mokhtar di Balai Polis Damansara, 1 Jun lalu.

Ini ekoran kenyataan fitnah Salehuddin kononnya pemimpin kerajaan negeri Pulau Pinang menaja pesta arak dan onani di negeri tersebut.

Salehuddin juga digesa supaya membuat permohonan maaf kerana mengeluarkan kenyataan menghina pemimpin DAP yang terbuka puasa dengan masyarakat Islam sehingga menimbulkan polemik tidak sihat di kalangan masyarakat majmuk di

Malaysia.

Menurut Shukri, perbezaan pandangan adalah perkara biasa namun ia bukan bererti seseorang itu boleh melakukan apa sahaja.

"Saya sedih melihat YDP Pas Gombak memulakan bulan mulia ini dengan fitnah dan juga penyebaran berita palsu. Saya cabar beliau untuk beri bukti dan hujah, bahawa DAP pernah menganjurkan pesta arak dan pesta onani.

"Jika kopian dan serban itu dianggap sebagai lesen untuk menfitnah dan memaki hamun, maka tidak terkejutlah kita hari ini, YDP Pas Gombak, Ustaz Salehuddin Nasir melakukan seperti yang sedemikian," katanya.

Menurutnya, budaya politik yang dibawa pemimpin Pas itu perlu dihenti-

kan mengikut jalur undang-undang.

"Kes ini bukan lagi sekadar perselisihan politik tapi pelanggaran undang-undang melibatkan fitnah dan penyebaran berita palsu," kata Shukri.

Sementara itu, berdasarkan carian di facebook, status Salehuddin berhubung fitnah pesta onani dan arak di Pulau Pinang itu telah dipadamkan.

Dalam kemaskini facebook terbaru-nya, Salehuddin berkata oleh kerana status tersebut telah menimbulkan polemik dan kekeliruan serta kenyataan yang dibuat Timbalan Presiden Pas, ianya telah dipadamkan.

"Maka saya dengan ini memohon maaf sekiranya status tersebut telah mengakibatkan suasana tidak harmoni kepada semua lapisan masyarakat," tulis Salehuddin.



Banteras judi haram bidang kuasa kerajaan pusat

MEMBANTERAS judi haram adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat kerana lesen judi dikeluarkan kerajaan persekutuan, kata Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Guan Eng menjawab tuduhan MCA yang cuba mengaitkan isu pusat judi haram di Pulau Pinang dengan kerajaan negeri Pakatan Harapan.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Wee Ka Siong di The Star Online, 30 Mei, bertajuk "Wee: Crackdowns need collaboration".

"Isu judi haram di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, maka perlulah ditangani oleh kerajaan pusat, dan bukan babit kerajaan negeri.

"Lagipun Ketua Polis Negeri (CPO) telahpun nafi bahawa Pulau Pinang paling banyak ada aktiviti pusat judi haram," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Putih.

Justeru, beliau mendesak supaya Ka Siong merujuk isu judi haram yang dibangkitkannya itu kepada Ketua Polis Negeri bersama bukti-bukti terperinci mengenai dakwaannya, lapor Buletin Mutiara.

Pas kembali ke perigi buta, kata Mahfuz

AHLI Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar mengakui gembira bercampur duka dengan keputusan Pas untuk kekal dalam kerajaan negeri Selangor walaupun telah memutuskan kerjasama politik dengan Keadilan dan DAP.

Bagaimanapun beliau menyifatkan keputusan itu seakan mahu menarik Pas kembali terjun ke dalam perigi buta.

"Saya teruja, gembira dan bangga kerana Pas terus kekal dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor," kata bekas Naib Presiden Pas itu.

Keputusan itu, katanya bukan sahaja mengekalkan tiga Exco tetapi secara langsung turut mengekalkan lebih 5000 ahli Pas yang menjawat pelbagai jawatan lantikan politik sejak parti itu bersama dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor.

"Ini suatu yang sudah tentu membuatkan lebih 5000 ahli Pas yang terlibat 'menarik nafas lega' kerana banyak manfaat dan faedah yang mereka perolehi sejak tertubuhnya Kerajaan Rakyat dahulu," katanya.

Beliau yakin, Naib Presiden Pas Datuk Iskandar Samad telah berjaya mempengaruhi keputusan untuk Pas kekal dalam pentadbiran negeri.

Nasib Annuar Musa ditentu Jun ini

KEDUDUKAN Tan Sri Annuar Musa sebagai Pengerusi Mara akan diketahui selepas hasil dapatan mesyuarat audit dalaman Majlis Amanah Rakyat (Mara) berkaitan penggantungan tugasnya dibentangkan Jun ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hasil dapatan itu akan dibentangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan beliau untuk tindakan lanjut.

Ismail Sabri berkata mesyuarat tersebut yang diadakan pada 18 Mei lalu telah membincangkan status penggantungan Annuar yang bermula sejak 1 Jan lalu, susulan isu penajaan UniKL dan Pelaburan Mara Bhd ke atas pasukan bola sepak Kelantan.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata Annuar masih lagi menjawat jawatan Pengerusi Mara dan diberi cuti daripada menggalas tugas tersebut sehingga tempoh yang akan ditentukan kelak.

Majlis buka puasa melebar teka

Majlis Berbuka Puasa
ARIF SELANGOR
FUND RAISING GERAK KERJA ARIF SELANGOR

Amanah
ARIF
Pakatan Harapan

3 Jun 2017 | SABTU | 4.30 PTG - 9.15 MLM | SPACE U8, SHAH ALAM
Hubungi : 013 305 6285 (HALIM) 012 328 1488 (AZLAN)
Anjuran : ARIF Selangor

Maybank AKAUN NO. : 512192096600 (Anak Prihatin Kebangsaan)



ARiF Selangor dan kebajikan



- 1** Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim menyampaikan Watikah ARiF kepada Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional Wan Anwar Wan Ibrahim.
- 2** Antara penerima Watikah ARiF Selangor.
- 3** Mohamad menyambut kehadiran Salahuddin.
- 4** Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir membacakan puisi.
- 5** Mantan Pengarah ARiF Selangor, Muhammad Yuswan menerima cenderahati daripada Ketua Pengarah ARiF Johari Osman.
- 6** Menyampaikan sumbangan kepada asnaf.
- 7** Pemimpinan ARiF Selangor merakam kenangan bersama pemimpin ARiF Nasional.
- 8** Presiden AMANAH Mohamad Sabu mengatakan sesuatu kepada Pengarah ARiF Selangor.
- 9** Tetamu yang hadir berswafoto bersama Mohamad.
- 10** Sembang santai bersama Timbalan Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin.
- 11** Johari menyampaikan cenderahati penghargaan kepada Tokoh ARiF Selangor, Pak Lah.



Skandal transaksi RM9.5 juta ke akaun Shafee

Cemar ketelusan keputusan kes rayuan Anwar

Kelolaan **ARIF ATAN**

PIHAK polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara harus mengambil langkah segera agar siasatan berhubung penyaluran dana RM9.5 juta ke akaun peguam kanan Tan Sri Shafee Abdullah dapat dijalankan di bawah pelbagai undang-undang jenayah, tegas Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil.

Menurutnya, tindakan tersebut termasuk melalui Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001 terhadap semua individu atau organisasi yang telah dibayar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak daripada wang bekas anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), SRC International seperti didedahkan Sarawak Report.

"Bayaran jutaan ringgit tersebut menimbulkan pelbagai persepsi negatif terhadap integriti pihak pendakwaan dan kebebasan badan Kehakiman kerana Tan Sri Shafee adalah



peguam yang dilantik Peguam Negara terdahulu bagi mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes rayuan pertuduhan liwat 2.0 terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim di mana beliau telah disabitkan kesalahan dan dihukum penjara lima tahun.

"Isu yang sebegini serius harus diasas pihak polis kerana Tan Sri Shafee mempunyai percanggahan kepentingan dalam kes tersebut dan ia menimbulkan spekulasi negatif

kerana dibimbangi boleh mencemar ketelusan dan keadilan keputusan rayuan tersebut," tegasnya dalam satu kenyataan.

Untuk rekod, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri di Dewan Rakyat pada 11 Mac 2015 memberitahu Shafee hanya menerima bayaran RM1,000 sebagai Ketua Pendakwa Raya dalam kes membabitkan Anwar itu.

Mengulas lanjut, Faiz berpendapat pendedahan transaksi tersebut

memberikan impak negatif terhadap profesion peguam kerana peguam perlu bertindak secara integriti seperti termaktub dalam *Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978*.

"Bar Council perlu mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada Tan Sri Shafee berhubung dakwaan ini bagi membersihkan nama baik profesion ulung ini. Menjunjung prinsip bahawa keadilan perlu dilihat dilaksanakan, peluang untuk Tan Sri Shafee untuk memberikan penjelasan yang positif dan konkrit harus diberikan.

"Pendedahan ini adalah sesuatu yang amat jeoparise sistem pentadbiran negara kerana wang yang didakwa disalurkan tersebut adalah wang SRC International yang dipinjam daripada dana awam Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) yang didakwa oleh DoJ (Jabatan Kehakiman) Amerika Syarikat sebagai wang yang telah diseleweng," ujarnya.

Menurutnya, bukti bertulis yang didedahkan Peguam Negara pada 27 Januari 2016 bahawa Perdana Menteri telah menerima wang daripada SRC

International adalah kes prima facie wujudnya salah laku jenayah pecah amanah oleh Perdana Menteri.

"Perdana Menteri hingga saat ini tidak menafikan menerima wang tersebut, malahan tidak pula membayar balik kepada KWAP walaupun telah dibuktikan ianya wang KWAP.

"Sikap Perdana Menteri yang terus membusu terhadap dakwaan salah laku dalam skandal penyelewengan berskala mega ini menunjukkan tiadanya sifat akauntabiliti Perdana Menteri.

"Perdana Menteri perlu menjelaskan tujuan beliau membayar wang sebanyak itu dan adakah wang itu telah diisytiharkan kepada LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pengauditan dan potongan cukai," tegas Faiz lagi.

Pada 26 Januari 2016, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali mengarahkan kertas siasatan ditutup apabila mengesahkan Najib tidak melakukan kesalahan dalam skandal derma RM2.6 bilion atas alasan sejumlah RM2.03 bilion sudah dipulangkan kepada keluarga diraja Arab Saudi pada 2013.

SPR tidak mahu pilihan raya bersih?

Keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diterajui Datuk Seri Hashim Abdullah memberhentikan pengagihan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) menyaksikan wujud agenda untuk menyukarkan parti-parti politik pembangkang mendapatkan akses kepada maklumat tersebut.



dan menunggu sahaja untuk digerakkan oleh jaring pemerintah," bidasnya dalam satu kenyataan.

Dalam perkembangan berkaitan, Hashim, 63, dilaporkan akhbar *Oriental Daily*, 5 Jun lalu bertegas keputusannya tidak mengumumkan

daftar pemilih baru tidak melanggar undang-undang kerana tiada peraturan mewajibkan SPR berbuat demikian.

Menurutnya, pengumuman daftar pemilih baru pada setiap penggal ialah bonus yang diberikan pengerusi SPR terdahulu berdasarkan budi bicara mereka.

Beliau turut mendakwa tiada masalah pengundi hantu mahupun manipulasi sempadan kawasan pilihan raya untuk memihak kepada sesebuah parti politik.

Hashim juga bertegas pihaknya tidak akan bekerjasama dengan Bersih 2.0 untuk memantau dan memastikan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) berlangsung secara adil kerana Bersih 2.0 berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bukannya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Sementara itu, pemerhati politik dan pengendali blog, Mohd Sayuti Omar mendedahkan Hashim adalah pegawai Najib sebelum dipindahkan ke Kementerian Luar Bandar untuk berkhidmat dengan Tan Sri Annuar Musa sebagai Setiausaha Sulit Khas.



TUNTUT HAK...

Pemuda AMANAH Nasional diketuai Sany Hamzan menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) pada 6 Jun lalu ekoran kegagalan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendedahkan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) kepada parti politik.

'Pakatan Harapan mesti fokus'

Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi menyeru kepimpinan Pakatan Harapan khususnya di negeri itu memberi tumpuan mengukuhkan blok pembangkang tersebut menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, gabungan Amanah, PKR, Bersatu dan DAP itu perlu fokus dalam usaha menentang rejim Umno-BN antaranya dengan menubuhkan segera Sekretariat Pakatan Harapan Selangor.

"Pakatan Harapan mesti fokus, PRU-14 makin dekat. Kita sudah ada platform Pakatan Harapan yang pimpinan sudah tubuhkan. Pakatan Harapan inilah satu wadah kesinambungan suara rakyat selepas 'kematian' Pakatan Rakyat.

"Jadinya, kita perlu tumpukan usaha membina Pakatan Harapan supaya rakyat yakin bahawa Pakatan Harapan ini pembela terbaik rakyat khususnya di Selangor dan negara,"

katanya ketika ditemui mingguan Amanah di Pejabat AMANAH Selangor baru-baru ini.

Beliau menegaskan Pas pada masa ini tidak berada dalam Pakatan Harapan memandangkan telah memutuskan hubungan dengan DAP dan PKR serta tidak dapat bekerjasama dengan AMANAH dan Bersatu.

Ujarnya, kedudukan Pas yang dianggap semakin jinak dan mesra Umno-BN itu ibarat duri dalam daging dalam pentadbiran kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) yang melibatkan ahli majlis dan ketua kampung.

"Pas tidak bersama Pakatan Harapan dan mereka memilih untuk bersendirian atau lebih tepat lagi mereka menjadi lidah penyambung roh Umno-BN.

"Bagaimana sudah bercerai tapi masih tidak mahu berpisah tempat tinggal? Melainkan ada agenda tertentu. Apa alasannya, berpisah tetap

berpisah," tegasnya.

Sehubungan itu, Abbas berharap jentera pilihan raya keempat-empat parti di bawah gabungan Pakatan Harapan dapat disepadukan bagi menumbangkan Umno-BN.

"Musuh kita adalah Umno-BN. AMANAH, PKR, DAP dan Bersatu perlu bekerja bersama-sama. Itulah juga hasrat kita disebalik gesaan penubuhan Sekretariat Pakatan Harapan dalam usaha merangka gerak kerja bersama secara berkesan," tambahnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abbas memberitahu tawaran Pemuda AMANAH kepada anak muda akan dimuktamadkan dalam masa terdekat dengan mengambil kira pandangan golongan berkenaan.

"Tawaran kepada anak muda ini menyeluruh dan menyentuh semua aspek dengan penekanan pada ekonomi, perumahan, pendidikan dan prasarana tempatan.

Menari aksi budak di minggu orientasi UiTM?

LUAHAN hati pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Lendu, Asrul Muzaffar Mohammed



kepada Naib Canselor universiti itu menyasikan minggu orientasi masih dipenuhi aksi memuakan dan hiburan keanak-anakkan.

Asrul dalam surat berkenaan yang juga dimuatnaik di Facebook beliau pada 3 Jun lalu memberitahu, minggu orientasi universiti berkenaan atau dipanggil Minggu Destini Siswa (MDS) sama sekali tidak menggambarkan keintelektualan mahasiswa.

"Atas nama energizer yang kononnya untuk hilangkan mengantuk ketika taklimat, freshie disuruh melakukan chicken dance, chicka buka, baby shark dance dan pelbagai aksi kebudakan," ujarnya.

Beliau berkata, MDS anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) tersebut turut memaksa pelajar baharu berjaga sehingga pukul 2 pagi dan dikejutkan daripada tidur dua jam selepas itu sekaligus menyebabkan pelajar

mengantuk ketika sesi taklimat. "Ada pelajar yang sempat mandi sekali sehari (malah ada yang tak sempat mandi langsung) kerana desakan 'masa' program yang kononnya ketat.

"Makan pula dengan tergesa-gesa disergah jeritan 'pantas siswa/siswi pantas' hingga ada yang tak sempat menghabiskan makanan," dedahnya.

Menyifatkan MDS UiTM Lendu itu bercanggah dengan hasrat kerajaan yang sedang berusaha menjana generasi intelek bagi menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50), Asrul berkata, hal tersebut wajar mendapat

perhatian Naib Canselor dengan penambahbaikan yang sewajarnya.

"Lebih memuakan lagi, ada pelajar wanita dipaksa mencalit kemaluan dengan cotton bud untuk membuktikan mereka benar-benar datang bulan.

"Lebih menyedihkan bila institusi keramat Melayu seperti UiTM masih dibelenggu atrositi 'denda' ke atas juniors yang dibuat atas nama budaya kampus," ujarnya.



Antara tarian aksi kanak-kanak yang didakwa dikerah pihak MPP UiTM Lendu kepada pelajar baharu pada minggu orientasi baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya pemilihan fasilitator MDS dilakukan dengan saringan lebih ketat dan bukannya sekadar tangkap muat mana-mana senior yang ada.

"Input pakar dari berbilang industri juga boleh diserap demi memantapkan lagi pengisian program MDS dari segi info dan daya tarikan," tegas Asrul lagi.

Sepintas

Undi protes atau bosan?

Parti-parti politik mesti berwaspada dengan kehadiran pola pemilihan undi rosak yang terlampau pada pilihan raya umum, tegas pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian.



Ujarnya, tidak ramai memberi tumpuan ke atas undi rosak dan kertas undi yang tidak dipulangkan termasuk para strategis untuk melihat sama ada ia adalah undi protes atau undi bosan.

"Yang paling tidak menyeronokkan adalah untuk melihat undi rosak lebih besar daripada majoriti

yang diperoleh seseorang calon atau di sebaliknya dengan majoriti sedikit lebih dari undi rosak.

"Jentera parti wajar cuba memahami keperluan, kemahuan dan mindset kumpulan ini (undi rosak) agar tidak menjajakan prestasi calon yang berkelayakan untuk berkhidmat kepada pengundi," tambahnya dipetik dari artikel beliau baru-baru ini.

'Bulan jihad' Daesh

Kumpulan penganas menganggap Ramadan sebagai 'bulan jihad' dan 'bulan bencana' bahkan mati syahid pada bulan umat Islam berpuasa itu dilihat lebih mulia, kata pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Hizam Hanafiah.

Dipetik daripada rencananya, beliau berkata, tanggapan tersebut sekaligus menggalakkan militan dan penyokong untuk menyerang dan membunuh orang awam termasuk bukan Muslim dan Muslim yang dianggap murtad atau kafir.

"Kumpulan penganas menyalah tafsir, manipulasi seruan jihad di dalam al-Quran dan hadis untuk melancarkan 'bulan jihad' dan 'operasi mati syahid' yang bertentangan dengan Islam.

"Serangan di luar Iraq-Syria menandakan bermulanya fasa keempat Daesh yang bermula daripada pemberontakan, kekhalifahan dan antarabangsa," jelas Panel Deradikalisasi Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu lagi.

Wasatiyyah Najib diwarnai keganasan di universiti

Oleh ARIF ATAN

Pada ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berbangga di pentas antarabangsa bercakap tentang konsep wasatiyyah, nyawa seorang penuntut universiti tidak ubah sama nilainya dengan sebuah komputer riba.

Tragedi kemanusiaan yang menimpa mahasiswa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Sungai Besi, Kuala Lumpur yang menemui ajal bukan di medan perang tetapi dibelasah paling kurang 36 rakan sebayanya wajar membuka akal fikir kita tentang wajah masyarakat yang bakal memimpin negara pada masa depan.

Bertarung nyawa hampir dua minggu, mangsa Zulfarhan Osman Zulkarnain, 21, meninggal dunia dalam keadaan tubuhnya dipenuhi kesan tekapan seterika panas pada 1 Jun lalu.

Sebelum itu, pegawai kadet laut tahun tiga dan penuntut kejuruteraan elektrik berkenaan menderita akibat dibelasah di

sebuah rumah sewa di Apartment De Centrum berdekatan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL), Kajang, Selangor.

Timbul persoalan, sejauhmana aspek pemantauan pihak berkaitan di UPNM apabila melihatkan tempoh dua minggu arwah dizalimi gara-gara percaya dengan tilikan bomoh kononnya mangsa adalah pencuri komputer riba itu?

Tambahan pula, imej UPNM yang tentunya menekankan aspek disiplin dan pematuhan arahan sewajarnya dapat menghindari situasi lebih teruk terhadap mangsa tetapi dalam kes Zulfarhan seolah-olah terlepas pandang.

Pada masa sama, ketika Najib di Sidang Kemuncak Negara Arab, Islam dan Amerika pada 21 Mei lalu menggambar-gemburkan tentang idea kesederhanaan, dalam minggu sama pecah berita tentang terbunuhnya bekas pensyarah Malaysia dalam gerakan militan dikaitkan Daesh di Marawi, selatan Mindanao di Filipina.

Kematian bekas pensyarah tersebut dalam pertempuran di antara penganas

dengan tentera Filipina dalam usaha menghapuskan militan Abu Sayyaf dan Daesh itu sekaligus bercanggah dengan dakwaan Zahid Hamidi kononnya individu yang terjebak dengan gerakan penganas tidak mempunyai pendidikan Islam.

Kita juga harus berwaspada dengan pemikiran ganas lagi bahaya segelintir ahli akademik yang sengaja memainkan sentimen kaum dan agama padahal penyokong tegar rejim Umno-BN.

Tindakan seorang pensyarah di universiti awam di utara tanah air contohnya, yang bertubi-tubi menyerang Pakatan Harapan termasuk membuat laporan polis dengan menajamkan pertembungan agama Islam dan Kristian juga bibit-bibit ekstremisme yang perlu hati-hati ditangani.

Gagasan kesederhanaan Najib tidak dipedulikan mahasiswa manakala ahli akademik yang oportunis bertindak tidak ubah seperti ekstremis sekaligus bercanggah dengan konsep wasatiyyah yang Najib dengungkan.



HULURAN SAHUR... Program Sahur for The Needs sebanyak tiga siri anjuran Sekretariat Prihatin Politik (PriPol) mewarnai bulan penuh berkat Ramadan ini dengan menghulurkan sumbangan makanan kepada warga miskin kota sekitar Pudu. Foto: Nur Liana Abdul Latif

Nostalgia Ramadan di Kelantan

SELEPAS membantu Pusat Kajian Strategik Kelantan menyiapkan buku "Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam", yang memerlukan saya tinggal di Kota haru selama sebulan pada tahun 2000 (atas inisiatif Zulkifli Sulong), saya terus jatuh hati dengan Kelantan, dan terus berulang-alik Kuala Lumpur-Kelantan, menjalin hubungan kerjasama yang baik dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan almarhum Tok Guru Nik Aziz Nik Mat.

Selesai menyiapkan buku itu saya bekerja pula menyiapkan dokumentari video mengenai sambutan sepuluh tahun Kelantan di bawah pentadbiran Pas pimpinan Tok Guru Nik Aziz; dan selepas itu saya meneruskan penggambaran video perjalanan hidup Tok Guru Nik Aziz (atas inisiatif sendiri dan dibantu oleh Ahmad Lutfi Othman dan Zainuddin Awang Hamat, Adun Limbungan ketika itu), yang memerlukan saya bersama Nasir Jani (selaku pengarah dokumentari itu) mengikuti kehidupan harian Tok Guru, dari Subuh hingga ke tengah malam, dalam beberapa sesi selama seminggu hingga sepuluh hari, untuk beberapa bulan.

Kali terakhir tinggal di Kelantan apabila saya bersama Kassim Muhamad membantu pihak majalah "Qiadah" terbitan PMBK menyiapkan majalah tersebut, keluaran yang memfokuskan banjir terbesar melanda Kelantan 2014.

Dan tahun ini ketika menjalani ibadat puasa Ramadan ini saya teringat Kelantan. Banyak sekali kenangan Ramadan di Kelantan. Bukan sahaja ketika di sana kerana bertugas itu atau ini, tetapi selama beberapa tahun selepas 2000 itu, saya bersama Nordin dan Syamnor (almarhum) menjadikan satu kemestian bahawa di bulan Ramadan kami mesti berada di Kelantan untuk

beberapa hari.

Semata-mata untuk mengecap nikmat ibadah Ramadan yang berbeza di sana. Suasananya yang sangat berbeza, yang tidak ada di tempat lain kecuali di Kelantan. Bukan sahaja di Kota Bharu tetapi juga di tempat-tempat lain di Kelantan, terutama di Pasir Putih, kerana ada Cikgu Din (Zainuddin Awang Hamat) di situ.

Dan antara tarikan paling istimewa ialah solat Subuh di Masjid Pulau Melaka, berimamkan Tok Guru Nik Aziz, dan mendengar tazkirah ringkasnya selepas solat, dan bersalam dengannya.

Apa istimewanya? Tak tahu apa istimewanya. Tanyalah dengan Nordin BS, dia barangkali boleh menceritakan apa istimewanya berjemah Subuh bersama Tok Guru Nik Aziz di Pulau Melaka itu; kerana dialah yang paling teruja dengan hal ini.

Misalnya selepas berpulangnya Tok Guru Nik Aziz ke Rahmatullah, kami pernah ke Kota Bharu macam biasa, dan apabila Subuh kami teringat biasanya kami akan bergerak awal ke Pulau Melaka untuk solat berimamkan Tok Guru. Tetapi sekarang Tok Guru telah tiada. Apakah kami akan pergi juga ke Pulau Melaka untuk berjemah Subuh di masjid berkembar rumah Tok Guru itu?

Tidak. Kami tak pergi ke Pulau Melaka. Kami pergi ke Masjid Muhammadi, tak jauh dari hotel, di dalam bandar Kota Bharu.

Waktu itulah terasa sangat ketiadaan Tok Guru Nik Aziz. Terasa akan kehilangan makna. Kekosongan juga mulai terasa. Saat yang selama ini menjadi teka-teki apakah Tok Guru akan ada penggantinya setelah dia dijemput Allah, dan siapakah penggantinya itu, telah terjawab, dan jawabannya sangatlah mengecewakan.

Maka kekosongan itupun makinlah terasa,

apabila pimpinan negeri itu keseluruhannya seperti kehilangan arah dan tujuan. Tidak ada lagi seorang pemimpin yang dapat meneruskan paling tidakpun suasana keislaman yang akan menyentuh kesedaran halus kita secara alamiah (natural) apabila kita berada dalam persekitaran Kota Bharu itu.

Selepas berkhidmat untuk majalah "Qiadah" terbitan mengenai banjir besar itu, saya pergi dua kali lagi ke Kelantan, tetapi setakat Gua Musang sahaja, mengadakan bengkel penulisan banjir untuk anak-anak remaja di sebuah kampung yang ditenggelami seluruhnya oleh banjir besar itu. Tujuannya supaya pengalaman banjir itu diabadikan dalam cerita yang ditulis sendiri oleh anak-anak muda yang mengalami tragedi itu.

Begitupun, ia tersangkut di pertengahan jalan. Bengkel yang dirancang dibuat tiga sesi itu hanya sempat dibuat dua sesi sahaja. Sesi akhir tidak diteruskan kerana saya terasa benar kesan daripada suasana kekosongan dan kehilangan makna, selepas negeri itu kehilangan pimpinan Tok Guru Nik Aziz. Suasana keikhlasan bekerja dan bekerja kerana Allah di bawah pimpinan Tok Guru itu sudah tidak ada lagi.

Kini, suasana Ramadan yang sedang kita lalui ini secara alamiah membangkitkan nostalgia kepada suasana Ramadan di Kelantan ketika Tok Guru Nik Aziz masih ada dan masih memimpin dulu. Terasa juga sedikit pelik dengan nostalgia ini.

Apa tidaknya? Bertemu Tok Guru Nik Aziz dan solat berimamkan dia di masjidnya ataupun di rumah JKR 10 itu hanyalah satu sahaja daripada sekian banyak peristiwa di bulan Ramadan yang menjadi kenangan.



Misalnya solat tarawih di khemah khas Qaryah Ramadan berhampiran stadium itu, yang imamnya dari bumi Arab, adalah suatu kenangan yang indah, tanpa melibatkan Tok Guru Nik Aziz pun. Berbuka puasa, tarawih dan juga sahur di Masjid Pasir Putih - juga tidak melibatkan Tok Guru Nik Aziz. Dan duduk lepak-lepak dengan kawan-kawan makan colek selepas tarawih, juga tanpa Tok Guru Nik Aziz.

Berjumpa orang-orang dari luar Kelantan, yang sengaja datang dan beriktikaf beberapa hari di Masjid Muhammadi untuk mengalami suasana beribadah yang berbeza di situ - saya tak pasti apakah masih ada lagi atau tidak sekarang.

Demikianlah, nostalgia adalah sesuatu yang alamiah atau secara fitrah. Ia bukan sesuatu yang boleh dibuat atau dicipta atau sengaja dibina untuk tujuan tertentu. Ia lahir dengan sendirinya, kesan daripada rasa suka dan berkesannya sesuatu ke atas kita.

Nostalgia Ramadan di Kelantan! Segalagalanya yang menjadi kenangan itu masih boleh didapati di sana, kecuali Tok Guru Nik Aziz sahaja yang sudah tiada. Tetapi ketiadaan Tok Guru Nik Aziz itu, dan kehilangan jejak pimpinan spiritualnya, menyebabkan timbulnya suasana kekosongan dan kehilangan makna. ■

Peranan Qatar dalam gerakan dunia Islam

Oleh **ABU FIRDAUS**

PADA tahun 2000-an, saya pernah pergi ke Doha, ibu negara Qatar sempena Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mana negara itu menjadi tuan rumah.

Masa itu Qatar belum ada syarikat penerbangan sendiri, Qatar Airways. Maka banyak pengunjung menggunakan syarikat penerbangan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Emirates yang baru hendak mengukir nama dengan kerajaannya mahu menjadikan Dubai sebagai hab lalu lintas penerbangan bagi Timur Tengah.

Tetapi ketika itu Qatar sudah ada pemimpin baharu yang kelihatan progresif dan mahu mengubah kedudukan negaranya untuk memainkan peranan. Untuk itu kerajaan Qatar telah pun menubuhkan stesen televisyen antarabangsa Arab pertama, Al-Jazeera.

Ketika di Doha, saya sempat melihat bangunan studio Al-Jazeera.

Pada masa itu ia masih hanya ada saluran bahasa Arab. Namun ia dapat menandingi stesen televisyen Amerika Syarikat iaitu CNN. Laporan dan dokumentarinya memberi sudut pandangan alternatif sesuai bagi dunia Arab dan Islam terutamanya mengenai Timur Tengah termasuk mengenai Perang Teluk, Iraq dan Palestin.

Bagi gerakan Islam, Qatar memainkan peranan besar sejak tahun 1960-an ketika berlakunya Perang Dingin. Pada masa itu Mesir dipimpin oleh Presiden Gamal Nasser yang cenderung pada Soviet Union dan menekan Ikhwanul Muslimin hingga membunuh tokohnya termasuk Sayid Qutb. Maka pemimpin dan aktivis lari dari Mesir. Mereka mendapat perlindungan di Jordan, Arab Saudi, Kuwait dan Qatar.

Semua itu adalah negara yang memihak pada Washington dalam Perang Dingin menentang Moscow. Amerika juga menggalakkan negara-negara sekutunya mem-

bantu pihak-pihak yang menentang kerajaan Mesir khususnya Ikhwan. Maka Qatar memberi perlindungan kepada ulama besar Ikhwan, Yusuf Al-Qardhawi. Beliau diberi tempat mengajar di universiti dan bebas menulis serta menerbitkan buku-bukunya.

Kuwait pula menyediakan tempat untuk Pertubuhan Persekutuan Pelajar-pelajar Islam Antarabangsa (IIFSO) yang membantu persatuan pelajar seluruh dunia untuk menghayati perjuangan Ikhwan. Pertubuhan ini juga menerbitkan buku-buku Ikhwan termasuk "Petunjuk Sepanjang Jalan" tulisan Sayid Qutb dalam pelbagai bahasa.

Arab Saudi pula menyediakan tempat untuk Perhimpunan Dunia Belia Muslim (WAMY).

Bagi aktivis-aktivis veteran Parti Amanah Negara khususnya mereka yang terlibat dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mungkin mengalami zaman ini di mana institusi-institusi itu telah berjaya menarik perhatian anak-anak muda

Islam seluruh dunia supaya mendokong gerakan Islam dan tidak terpengaruh dengan aliran pro-Soviet, yang ketika itu menguasai Mesir, Libya, Sudan, Syria, Iraq dan Yaman Selatan.

Selepas Perang Ramadan pada tahun 1973, Mesir menjadi sekutu Amerika tetapi terus menekan Ikhwanul Muslimin. Tetapi di hujung dekad 1970-an, Amerika kehilangan Iran dan melindungi Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) menjadi lebih penting. Pada tahun 1981 mereka menubuhkan Majlis Keselamatan Kerjasama Teluk (GCC).

Apabila berlaku Perang Iran-Iraq, negara-negara GCC menyokong Iraq. Tetapi perang itu hanya berakhir dengan kedua-dua Iran dan Iraq lemah. Dengan kelemahan itu, Saddam Hussein menyerang dan menakluk Kuwait. malah tenteranya masuk ke wilayah Arab Saudi. Semua negara-negara GCC terancam.

Peristiwa ini membawa kepada perang yang bersilih ganti. Amerika menyerang Iraq dan menubuhkan pangkalan di Arab Saudi. Ini menimbulkan kemarahan Osama Laden yang kemudiannya menubuhkan Al-Qaeda. Sejarah terus berlalu.

Peristiwa 11 September berlaku. Amerika menyerang Afghanistan dan kemudiannya Iraq. Lepas itu berlaku Arab Spring. Qatar membantu Ikhwan. Ikhwan menang di Mesir. Tapi kemudian digulingkan.

Perang berlanjutan di Iraq. Arab Spring di Syria jadi perang saudara. Muncul Daesh. Persaingan antara Saudi dan Iran berlaku. Qatar tidak sepenuhnya memihak pada Saudi. Hubungan kedua negara diputuskan.

Kini Qatar sedang menghadapi cabaran besar terhadap kedudukannya. Walaupun ia sebuah negara kecil, tetapi dengan simpanan gas dan minyaknya, Qatar mempunyai peranan geopolitik besar untuk dunia. ■

Temubual bersama junta Myanmar

KAMI dibawa ke sebuah restoran tidak jauh dari kem tentera yang dilawati tadi. Di keliling restoran, beberapa anggota tentera siap berkawal; semuanya menggalas senjata masing-masing. Restoran ini telah dikosongkan untuk menyambut ketibaan beliau. Tidak ada orang awam pun berada di dalamnya. Inilah agaknya arahan yang diberi oleh Mejar Jeneral tadi ketika di kem.

Tuan empunya restoran segera keluar dan menyambut ketibaan kami. Diberikan kepada beliau sebuah bungkusan berisi roti. Bukan untuk dimakan, sebaliknya untuk diberi kepada ikan hiasan yang dipelihara dalam kolam di restoran tersebut. "Ikan ini milik saya, hadiah seorang teman dari Thailand. Saya berikan kepada restoran ini untuk dipelihara. Setiap kali saya pulang ke Thaton, saya akan ke sini."

Kami dijemput masuk ke dalam sebuah pondok kecil berinding buluh; ruang makan VIP restoran ini. Di luar, anggota tentera masih berkawal. Rasanya tidak akan ada orang awam yang dibenarkan masuk.

"Saya difahamkan yang kamu semua ingin masuk ke dalam kem untuk memantau pusat pilihan raya. Saya mohon maaf, tidak mungkin kami benarkan kamu masuk, tetapi saya orang nombor tiga dalam tentera; kamu boleh tanya kepada saya sahaja. Saya rasa itu cukup memadai kan?"

Kami bersetuju sahaja, dan memulakan temubual kami tengah hari itu sambil beliau menikmati makanan kegemarannya.

Dari temubual kami, banyak juga yang berjaya difahami, terutama sekali pandangan junta tentera tentang pilihan raya yang

julung kali diadakan di negara mereka itu. Benarlah, beliau sebagai orang yang sangat berkuasa dalam struktur negara tidak berasa senang dengan perkembangan demokrasi dinegara tersebut.

"Demokrasi adalah baik, namun ramai yang lupa peranan tentera. Negara ini kaya hasil bumi, banyak pihak dari luar yang mahu mengambil kesempatan di sini. Parti-parti politik pula seolah-olah tidak memahami realiti. Mengapa mereka menghasut rakyat untuk menolak tentera, di saat kita masih lagi berperang sesama sendiri? Siapa pula yang akan bertanggungjawab jika berlaku apa-apa? Ahli politik seperti mereka hanya pandai bercakap," antara yang awal diluahkan beliau.

Sebagai seorang yang mewakili elit pengusaha iaitu junta, peralihan ke arah demokrasi yang sedang dialami oleh Myanmar tidak membawa sebarang berita baik kepada beliau dan angkatan yang lain.

"Saya tolak revolusi. Jika mahukan perubahan dan pembaharuan, lakukan dengan baik dan teratur, secara berperingkat. Rakyat di Myanmar masih ramai yang tidak berpelajaran tinggi. Mereka hanya akan di-



tipu oleh parti politik yang cuma mahukan kuasa. Semua orang boleh janjikan kemajuan, namun siapa yang akan bawa masuk kemajuan tersebut?"

Di dalam media arus perdana, tidak sedikit tuduhan sebagai agen asing dikenakan ke atas parti-parti politik progresif, terutamanya NLD. Sekian lama, antara momokan yang paling kuat dimainkan ke atas rakyat tentang Aung San Suu Kyi adalah beliau seorang agen asing. Ini tentu sekali dari latar beliau yang membesar dan berkahwin di England selepas bapa beliau, Jeneral Aung San dibunuh.

Junta di sini tidak hanya berperanan sebagai badan ketenteraan, sebaliknya lebih daripada itu. Tidak sama seperti angkatan tentera kita yang hanya mengikut arahan oleh raja dan kerajaan; di Myanmar, merekalah raja, merekalah kerajaan.

Biarpun pilihan raya sudah dibuka untuk disertai oleh parti-parti politik dari kalangan orang awam, junta tetap akan berkuasa. Sebanyak 25 peratus kerusi di dalam dewan rakyat dan dewan negara adalah milik junta secara automatik. Ini khusus bagi menghalang secara veto sebarang perubahan ke atas perlembagaan negara dari diluluskan dewan. Inilah sebabnya kita masih mendengar masalah yang sama berulang di Myanmar biarpun sudah beralih kerajaan.

"Saya mungkin seorang pegawai tinggi tentera, tapi saya sendiri dilatih untuk menjadi seorang guru seni. Saya minat seni dan budaya, bukan sentiasa hanya ingin berperang dan berpolitik. Anak-anak saya di luar negara; belajar muzik dan lakonan. Isteri

saya seorang penyanyi terkenal suatu masa dahulu. Ramai yang menganggap kami ini orang-orang yang kasar, tidak berbudaya. Merekalah sebenarnya yang tidak berbudaya."

Kami akhiri temubual tersebut tanpa sebarang masalah. Di akhir temubual, kami mohon untuk merakamkan gambar, namun tidak dibenarkan. Sekali lagi, sebagai ganti kepada gambar yang tidak berjaya dirakam, beliau menghadihkan sebuah karikatur yang dilukis spontan oleh beliau. Saya juga hadiahkan karikatur wajah beliau kembali sebagai tanda kenangan.

Sesuai bersalaman, beliau meninggalkan pondok buluh tersebut. Anggota tentera pengiringnya turut bersurai. Ohn Mar masih kelihatan cemas dan gugup. Saya mungkin tidak berasa yang sama. Saya orang luar yang akhirnya akan meninggalkan negara ini usai misi saya. Saya tidak menanggung sebarang risiko seperti Ohn Mar.

Malah, kerana terlalu gugup, Ohn Mar langsung lupa untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas termasuklah nama beliau. Mujur juga laporan kami tentang pertemuan dengan beliau diterima pakai oleh ibu pejabat apabila kami terangkan situasi hari itu.

Sebaik keluar dari restoran, telefon bimbit Ohn Mar berbunyi. Ada panggilan dari pegawai SPR di Hpa-an. Beliau ingin bertemu kami semula. Ada perkara penting katanya.

Syami Hasing layak dinobat remaja contoh

DALAM umur belasan tahun, remaja ini telah turun ke laut untuk mencari rezeki bagi menampung kesempitan hidup keluarganya. Beliau nyata berbeza dengan remaja sebayanya yang masih bersuka-ria.

Di sisi seorang ibu, memang beruntung untuk mendapat anak yang bertanggungjawab. Namun, punca rezeki pencarian hidup hari ini telah hilang. Bukan itu sahaja, anak yang bertanggungjawab yang sukar dicari ganti itu telah pergi meninggalkan ibu serta keluarganya buat selamanya di dunia ini.

Begitulah paparan kisah seorang remaja yang telah meruntun jiwa saya apabila mengikuti perkembangan berita beliau. Individu yang saya maksudkan adalah Mohd Syami Hasing, 16 tahun yang telah hilang dalam kemalangan bot karam ketika keluar meraih rezeki pada 26 Mei lalu.

Angin kencang sejak pagi di laut bahagian barat dekat laut Pontian itu akhirnya meragut seorang nyawa. Pada hari itu sahaja, dua bot didapati terbalik dan karam namun kesemua mangsa terselamat kecuali Mohd Syami Hasing yang telah hilang dalam kemalangan bot karam kira-kira tengahari sehari sebelum Ramadhan hadir.

Ibu mana yang tidak gelisah bila mendengar khabar anaknya telah karam dan hilang dalam usaha untuk mencari rezeki bagi ke-

Kembara Selatan
Amni Jagat



luarganya. Dari sehari ke sehari, ibunya itu menanti dengan penuh harapan agar takdir menyebelahnya bagi melihat wajah anak yang tersayang yang telah menjadi korban bot karam.

Ramadan pertama, seluruh umat Islam menyambut dengan riang agar kehadiran bulan yang mulia, namun tidak di hati seorang ibu yang menyambut Ramadan kali ini dengan penuh kesedihan dan kegelisahan apabila anak yang dikasihinya masih dalam pencarian serta masih belum ditemui.

Berbuka puasa hanya beralaskan sekeping roti dan bersahurnya hanya dengan sekepal nasi dan juga air kosong. Rumahnya adalah di jeti Pendaratan Nelayan di Tambak menanti akan khabar berita yang bakal muncul dari anggota keselamatan yang berusaha untuk mencari mangsa yakni anak kepada ibu yang berduka-cita itu.

Di situlah tempat si ibu berusia lewat empat puluhan itu bersolat. Di situlah tempat beliau merebahkan badan berehat seketika. Di situlah tempat beliau menyalakan mata menanti

khabar dengan sabar. Remaja seberani dan segigih itu kian sunyi tanpa sebarang berita sehingga doa yang dipanjatkan ibunya membuatkan semuanya tersentuh.

Tiga hari selepas pencarian, ibunya terus berdoa sehingga terdetik dari mulut ibunya 'biarlah walaupun hanya jasad yang diterimanya'. Kenyataan seorang ibu benar-benar meruntun jiwa semua pihak termasuk anggota keselamatan yang masih lagi bertungkus-lumus mencari mangsa.

Saya di Pulau terus berdoa agar biarlah mangsa hanyut di kawasan sekitar pulau berdekatan perairan Pontian dekat Pantai Rambah. Saya berdoa agar Mohd Syami ditemui selamat terdampar di pulau kerana bagi saya beliau merupakan remaja yang berguna dan berbakti kepada keluarganya serta doa saya itu dipanjatkan kerana terlalu sedih dengan doa seorang ibu yang mulai redha anaknya dijemput sang Pencipta.

Di kedai kopi, di sisi masjid, di pejabat, di dalam rumah dan di mana sahaja apa yang terukir di bibir saya hanyalah doa untuk Mohd Syami ditemui selamat. Entah mengapa saya rasa beliau begitu unik dan menjadi keutamaan saya mengikuti perkembangan beliau. Mungkin juga disebabkan umur beliau yang terlalu muda sudah mampu mencari rezeki untuk keluarga beliau.

Kegigihan, kesabaran dan tekadnya adalah ukuran yang saya letakkan pada batang tubuh

beliau. Saya hormati usaha yang dilakukan oleh Syami yang berjaya menidakkan zaman riuh rendah remajanya untuk turun ke laut meraih rezeki kepada keluarganya. Remaja seperti beliau adalah remaja yang sangat sukar ditemui di zaman cabaran siber hari ini.

Itulah kerunsingan saya sewaktu misi pencarian diteruskan. Tetapi pada tanggal 31 Mei lalu, suatu berita yang diterima melalui abang saya, anggota keselamatan telah menemui mayat yang diyakini Mohd Syami. Orang yang mengikuti secara jauh seperti saya telah pun luluh apatah lagi di hati seorang ibu yang memang dekat dengan beliau.

Syami telah dilaporkan meninggal dunia pada tarikh 31 Mei lalu ketika mayatnya ditemui oleh anggota keselamatan di perairan Batu Pahat sejauh empat puluh batu nautika dari tempat bot beliau karam. Maka doa ibunya telah dimakbulkan sang Pencipta dengan mempertemukan ibunya yang ingin melihat jasad anaknya itu.

Hari ini hampir seminggu perkara itu berlaku, rencana ini ditulis untuk didedikasikan kepada seorang manusia yang bagi saya hebat dari segi kegigihannya sebagai seorang remaja. Bagi saya sudah tiba masanya adik Mohd Syami Hasing diiktiraf sebagai seorang remaja tauladan yang patut dicontohi oleh remaja yang lain dalam usaha berbakti kepada keluarga tersayang.

Politik Negeri Pasir 13 Butir

Oleh HAYAR HASSAN

TELAH lama Benggali Rambut Perang (BRP) keluar daripada negeri Pasir 13 Butir (P13B). Segala kekayaan hasil mahsul negeri P13B habis dikaut, dibawa pulang ke Negara Kerajaan Bersekutu yang terletak jauh di utara dunia.

Sebelum pulang BRP telah menggubal undang-undang negeri P13B supaya sistem pentadbiran politiknya memakai sistem demokrasi yang dikatakan yang terbaik untuk semua negeri-negeri yang telah dijajah oleh BRP.

Dalam serba kekurangan, warga asal negeri P13B terpaksa bersaing dalam semua hal dengan warga pendatang yang sengaja dibawa masuk oleh BRP untuk bekerja di lombong bijih timah dan estet getah kepunyaan BRP.

Semenjak merdeka, negeri P13B telah mengadakan tiga belas kali Pilihan Raya Umum (PRU). Parti-parti dalam gabungan Barisan Gagau Segala (BGS) telah berjaya membentuk Kerajaan di Pusat Jaya Kota. Gabungan pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) cuma dapat membentuk dalam lima buah wilayah sahaja.

Namun demikian, akhir-akhir ini rakyat jelata sudah memberikan petunjuk bahawa mereka akan memberikan undi kepada PR dalam PRU14. Derita rakyat jelata sudah tidak terkira. Nilai duit Dolar P13B terus menjunam membuatkan rakyat terpaksa berbelanja lebih daripada biasa apabila keluar negara.

Yang teruk terjejas adalah pelajar-pelajar yang belajar di luar negara. Banyak daripada pensyarah-pensyarah universiti awam yang disuruh pulang tanpa menyiapkan PhD mereka kerana bajet pembiayaan mereka sudah dipotong. Harga minyak petrol setiap minggu berubah-ubah menyebabkan semua peniaga pening kepala untuk menetapkan harga barangan mereka. Orang muda dan graduan-graduan universiti banyak yang tidak mempunyai pekerjaan, sedangkan pekerja-pekerja asing makin bertambah dari masa ke semasa.

Yang paling parah semua pembelian rakyat jelata dikenakan cukai GST, membuatkan semua harga barang meningkat. Pimpinan

BGS sukar untuk memberikan penjelasan atas meningkatnya kos sara hidup harian rakyat jelata. Akhirnya BGS terdesak untuk memenangi juga PRU 14. Strategi nya adalah memporakperandakan PR.

Wazir Perdana yang menjadi ketua BGS berusaha keras, siang malam, pagi petang untuk merobekkan kekuatan PR yang juga dianggotai pelbagai parti. Semua parti-parti politik semacam telah menerima kenyataan bahawa untuk memegang tampuk pemerintahan Pusat Jaya Kota, perlu diwujudkan gabungan pelbagai parti yang mewakili pelbagai bangsa dan budaya. Bersendirian dengan hanya satu parti politik sahaja adalah kerja sia-sia, syok sendiri dan tak ubah seperti cerita Lebai Malang. Hujung-hujungnya badan sendiri letih.

"Habuk pun tara," kata orang Pulau Mutiara.

Dikatakan sosok yang banyak memberikan idea-idea hebat untuk merobekkan gabungan PR adalah isteri Wazir Perdana sendiri. Sang Isteri Wazir Perdana ini rupanya baru tahu bahawa kuasa yang dimiliki oleh suaminya, Wazir Perdana cukup besar sekali! Semua arahan dan kehendak Wazir Perdana pasti akan menjadi kenyataan, tiada pihak yang berani mempersoalkannya. Kalau ada pegawai-pegawai yang membantah, ubatnya mudah sahaja, dipecat dan digantikan dengan orang lain, yang pasti apa sahaja arahan Wazir Perdana wajib dipatuhi.

Hari demi hari, Sang Isteri Wazir Perdana terlalu gembira dengan kuasa yang dipunyai oleh mereka berdua. Sang Isteri Wazir Perdana akhirnya menobatkan dirinya sebagai First Lady Negara Pasir 13 Butir tanpa meminta persetujuan rakyat jelata. Rakyat jelata terpinga-pinga kerana Wazir Perdana sebelum ini tidak pernah melakukannya. Itulah hebatnya kuasa Wazir Perdana, semuanya dihubung mulut mereka berdua. Arahan Wazir Perdana pasti akan menjadi kenyataan!

Kegemaran Sang Isteri Wazir Perdana yang suka berbelanja sakan di seluruh kota-kota mewah saentero dunia boleh dinikmatinya selagi suaminya masih bergelar Wazir Perdana! Oleh yang demikian kemaraan PR ke Pusat Jaya Kota mesti disekat dengan apa cara sekali pun. Halal haram jangan diambil kira. Kata orang bijak pandai, "Matlamat

boleh menghalalkan cara, kuasa yang ada mesti dikekalkan, dengan kuasa dan wang semuanya akan berjaya!" Kalimah itulah yang seringkali diucapkan oleh Sang Isteri Wazir Perdana.

Gabungan PR dianggotai oleh parti Politik Matang Sejahtera (PMS) yang didukung oleh lebai-lebai lepasan pondok. Parti Keadilan Reformasi (PKR) dan Parti Sama Rata (PSR). Dengan kuasa dan wang yang banyak, seusai PRU ke-12, Wazir Perdana telah berjaya memujuk beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PR di wilayah Pertama Pasir 13 Butir melompat ke Barisan Gagau Segala. Akhirnya wilayah Pertama ini jatuh juga ke Barisan Gagau Segala.

Setelah berjaya menakluki Wilayah Pertama, Wazir Perdana dan Sang Isteri Wazir Perdana merancang untuk menakluki wilayah Kedua milik PR dengan memperalatkan bekas orang kuat parti PMS yang telah dianugerahkan dengan gelaran Datuk dan disogokkan dengan jawatan serta dana.

"Datuk kena teruskan misi kita sampai jatuh lagi wilayah kedua tu kepada kita, soal wang tak perlu bimbang, semuanya akan kita uruskan," kata Sang Isteri Wazir Perdana kepada Datuk Pasola, bekas orang kuat parti PMS. Wazir Perdana sekadar mengangguk-kan kepala sambil tersenyum puas melihatkan kehebatan isterinya memberikan arahan kepada Datuk Pasola.

"Datuk kena hasut pimpinan PMS supaya putuskan tahaluf siyasi dengan PKR dan PSR, biar politik wilayah kedua terus bergolak dan jadi tidak tentu hala!" Wazir Perdana berkata kepada Datuk Pasola.

"Baik Dato' Seri, semuanya tanggung beres, kalau boleh tahu, bila komisen saya boleh masuk?" tanya Datuk Pasola.

"Itu Datuk jangan bimbang, komisen pertama 25% akan masuk akaun Datuk malam ni juga!" jawab Wazir Perdana tersenyum lebar, penuh gembira.

Akhirnya dalam muktamar PMS diputuskan bahawa PMS memutuskan tahaluf siyasi dengan PKR dan PSR di semua wilayah. Yang lucunya empat orang exco dalam kerajaan wilayah Kedua tidak mahu melepaskan jawatan mereka dalam kerajaan. Bermacam-macam alasan diberikan untuk mewajarkan keputusan mereka. Tetapi rakyat tahu

bahawa gaji mereka amat banyak, dikatakan sekitar Dolar P13B empat puluh ribu sebulan.

"Masakan mereka mahu melepaskan begitu sahaja," komen Pak Tua, penyokong tegar PMS kepada kawannya, Pak Uda sewaktu sarapan pagi di Kampong Talang Dusun.

"Rupanya lebai-lebai pondok pun tidak dapat menahan diri daripada menikmati kemewahan duniawi, zuhud dan ikhlas diletakkan di tepi!" sambung Pak Tua lagi sambil menghirup kopi pekatnya. Begitulah ragam manusia. Bercakap itu mudah, melaksanakannya susah!

"Yang aku tak boleh terima ni adalah bila Presiden dah buat baik dan peluk-peluk dengan depa. Dulu kata melawan depa tu jihad, sampai ada kawan kita yang mati dan banyak yang kena tangkap!" Sambung Pak Uda lagi sambil menumbuk meja makan, membuatkan semua orang terkejut di warung Wak Leman tu.

Masing-masing berpandangan sesama sendiri. Tidak ada yang berani menyampuk cakap Pak Uda yang terkenal panas baran itu.

Beberapa hari kemudian, Datuk Pasola dipanggil mengadap oleh Wazir Perdana.

"Macam mana ini Datuk! Politik wilayah Kedua tak bergolak pun, tidak jadi huru hara, macam mana Datuk buat kerja ni?" tanya Sang Isteri Wazir Perdana separuh marah. Wazir Perdana sekadar mendiamkan diri sahaja.

"Beri saya sedikit masa lagi, mungkin lepas raya nanti, akan ada hasilnya Dato' Seri, maafkan saya Dato' Seri!" jawab Datuk Pasola terketar-ketar sambil menahan air kencingnya.

"Sudah, sekarang Datuk boleh pergi, kami tunggu hasilnya lepas raya nanti," sergah Sang Isteri Wazir Perdana kepada Datuk Pasola dengan nada marah.

"Kalau macam tu, saya mohon pergi dulu," jawab Datuk Pasola sambil mencium tangan Wazir Perdana dan terus beredar mencari tandas di Mahligai Perdana, kediaman rasmi Wazir Perdana sekeluarga itu.

Datuk Pasola terbayang-bayang akan wajah manja isteri mudanya yang akan menerima sebuah motokar mewah AUDI Q7. Datuk Pasola telah lama berjanji untuk membelikan kereta mewah itu kepada isteri mudanya itu yang akan menyambut hari jadi yang ke-25 awal bulan depan.

TUHAN, AMPUNI AKU YANG TERHINA INI

Semalam

subuh selalu datang mengetuk pintu rumah
aku lupa untuk membuka kerana leka dengan usikan
mimpi
luput begitu saja; gugurnya bunga di ujung senja
angin lalu dengan sia-sia
hinggalah mentari sudah tinggi
baru terjaga

Tapi tak secuil pun berasa sangat bersalah
walau tubuh sudah terpalit sejuta dosa
rupaku yang sebenar melenyap bulan di siang hari
aku tersudut tanpa harga diri

Tuhan, aku yang berpijak di bumi-Mu
bersikap sombong sekali
enggan berterima kasih
lupa tentang nikmat-nikmat-Mu yang tak terkira
oh kiranya telah banyak murka-Mu menimpa tubuhku

Tuhan, ampunilah aku yang terhina ini
bukankah Engkau maha Pengampun?
sungguh detik ini aku ingin kembali pada-Mu
rindu meneduhi redha-Mu
sebagai kekasih
adalah sebuah kebahagiaan
yang hakiki
yang abadi

MOHD ADID AB RAHMAN

Ladang satelit fidlot ketandusan lembu

SEGAMAT: Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub mendesak kerajaan menjelaskan status National Feedlot Corporation (NFC) yang ditubuhkan untuk menjadi sebuah syarikat pengedar daging lembu bagi pasaran tempatan.

"Selepas skandal yang berlaku membabitkan syarikat tersebut, ternyata ia seperti suatu pembaziran yang nyata," katanya seusai mengadakan lawatan ke Ladang Satelit Lembu Fidlot milik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Salahuddin, apa yang beliau saksikan hanya sebuah padang rumput

hijau yang luas dan kawan lembu dalam bilangan kecil yang pastinya tidak mampu memenuhi pasaran dalam negara.

"Sebagai rakyat, saya merasa terhina dengan apa yang berlaku. Ini menunjukkan kerajaan hanya menjaja kata-kata kosong bagi memenangi hati rakyat," katanya.

Kontroversi NFC bermula selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan keluarga Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil mendapat pinjaman mudah RM250 juta dan tanah seluas 5000 ekar (2,023 hektar) di Gemas, Negeri Sembilan untuk projek NFC.



Salahuddin menunjukkan sesuatu kepada Aminolhuda ketika melawat ladang Fidlot di Segamat Johor.

Usaha gigih promosi AMANAH

Oleh AMNI JAGAT

TEBRAU: Kehadiran AMANAH dalam politik negara khususnya di Johor semakin dirasai hasil usaha gigih para aktivis parti.

Naib Pengerusi AMANAH Johor Suhaizan Kaiat berkata, sambutan terhadap program yang dilaksanakan AMANAH adalah positif dan menggalakkan.

"Hasil usaha jentera yang gigih serta berani berhadapan dengan masyarakat adalah tunjang utama sambutan yang baik ini," katanya.

Beliau ditemui ketika mengagihkan kurma dan risalah berhubung AMANAH di bazar Ramadan sekitar Kampung Maju Jaya dalam kawasan Dun Puteri Wangsa.

Suhaizan dan aktivis AMANAH Tebrau turut menyampaikan sumbangan kepada enam keluarga asnaf sempena Ramadan.

Program yang tamat selepas solat sunat Tarawih itu turut dihadiri Naib Pengerusi AMANAH Johor yang juga Presiden Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman.



Mazlan dan Suhaizan mengagihkan kurma dan risalah berhubung AMANAH di bazar Ramadan.



Suhaizan menyerahkan sumbangan kepada keluarga asnaf.



Mazlan membacakan doa sebelum program pengagihan sumbangan kepada asnaf.

Majlis Berbuka Puasa ARiF Selangor meriah

SHAH ALAM: Kehadiran lebih 400 orang tamu yang memenuhi Dewan GrandBallroom Space U8 Shah Alam, 3 Jun lalu memeriahkan Majlis berbuka puasa ARiF Selangor.

Tujuan utama majlis itu diadakan adalah untuk meraikan petugas-petugas ARiF Selangor serta menggerakkan dana gerak kerja ARiF Selangor.

Antara tetamu yang hadir ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim, Pengerusi PPBM Selangor Datuk Rashid Asari, wakil Bersih 2.0 Mandeep Karpal Singh, Pengarah ARiF Nasional Johari Osman dan Pengarah ARiF Selangor Raja Muhammad Firdaus Raja Shaffik Affandi.

Turut hadir para pemimpin Pakatan Harapan pelbagai peringkat.

Majlis berkonsep santai ini turut merangkumkan beberapa segmen pada petang tersebut antaranya penghargaan kepada mantan Pengarah ARiF Selangor sesi 2015-2016, Muhammad Yuswan serta penghargaan kepada tokoh ARiF Selangor, Abdullahman atau lebih dikenali sebagai Pak Lah.

Antara segmen lain adalah penyerahan watiqah ARiF Selangor kepada 22 kawasan yang telah disampaikan oleh Ir Izham, pemberian sumbangan kepada asnaf dan bacaan puisi oleh Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir.

Majlis diteruskan dengan segmen utama iaitu Pelancaran Dana Gerak Kerja ARiF Selangor sempena pilihan raya umum ke-14 yang dilancarkan Mohamad dengan pukulan gong.

Foto-foto menarik di muka 16 dan 17.



ZIARAH WARGA EMAS... AMANAH Kawasan Ledang mengadakan lawatan ke rumah orang tua Baitul Jannah di Tanjung Gading, Ledang, baru-baru ini bagi beramah mesra dengan penghuni serta pengarahnya Hamidah Abdullah. Turut hadir dalam program ziarah itu Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dan Ketua Pemuda AMANAH negeri Taqiuddin Cheman.

Peka budaya buli di IPT

Oleh AMNI JAGAT

JOHOR BAHARU: AMANAH Negeri Johor merakamkan takziah kepada keluarga Pegawai Kadet Laut, Zulfarhan Osman Zulkarnain yang meninggal dunia kerana dipercayai didera oleh sekumpulan penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan melahirkan rasa dukacita dengan berita yang diterima apatah lagi tragedi itu berlaku di bulan Ramadan.

"Tragedi ini menyentuh sifat kebapaan saya. Lebih menyedihkan lagi, ia berlaku di saat keluarga Allahyarham sudah membuat persiapan awal bagi menyambut kehadiran Aidilfitri," ujarnya.

Sehubungan itu, Aminolhuda menggesa tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggung jawab.

Beliau ditemui ketika menziarahi keluarga mangsa dekat sini.

Keluarga mangsa melahirkan perasaan terharu dengan kehadiran para pemimpin AMANAH Johor.

Aminolhuda menambah, pihak universiti perlu lebih peka dengan kewujudan kes buli atau dera yang berlaku di universiti berkenaan kerana kemungkinan masih ada pelajar lain yang didera.

"Tindakan dari segi perundangan perlu diambil dengan cara yang betul supaya apa yang berlaku terhadap adik Zulfarhan ini akan menjadi pengajaran pada mereka yang terbabit dalam penderaan.

"Adalah menjadi tanggung jawab pihak universiti dan Kementerian Pertahanan untuk menyasat lebih lanjut andai wujud unsur-unsur penderaan di institusi tersebut yang melibatkan penuntut lain agar perkara yang menimpa adik Zulfarhan tidak akan berulang.

"Penderaan perlu dibasmikan sepenuhnya di semua institusi pendidikan kita melalui perancangan dan tindakan tegas yang berbentuk sistematik dan proaktif, bukan pragmatik dan reaktif semata-mata," jelas beliau.

Menurutnya, para pelajar perlu dididik untuk menyelesaikan masalah secara terpelajar dan bertamadun," ujarnya lagi.



Aminolhuda menziarahi keluarga Allahyarham Zulfarhan di Johor Baharu.

Mahkamah tolak rayuan PJ Pas Perak

Oleh MUHAMMAD FAEZ AZAHAR

IPOH: Mahkamah sekali lagi mengarahkan Pesuruhjaya Pas Perak, Razman Zakaria membayar kos kepada Timbalan Pengerusi AMANAH Perak, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin.

Razman sebelum ini diarahkan oleh Mahkamah Sesyen untuk membayar kos sebanyak RM8,500.

Kali ini Mahkamah Tinggi Ipoh mengarahkan beliau membayar kos sebanyak RM6,000 dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh keputusan, 5 Jun lalu.

Ini setelah Hakim Anselm Charles Fernandis menolak rayuan Razman terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang membatalkan Tuntutan Balas dikemukakan Bendahari Pas Pusat itu.

Di dalam keputusan itu, Mahkamah Tinggi Ipoh bersetuju dengan dapatan Mahkamah Sesyen bahawa Tuntutan Balas Razman tersebut adalah cacat.

"Oleh itu, Mahkamah Tinggi Ipoh menolak rayuan Razman dengan kos RM6,000 yang perlu dibayar oleh Razman dalam tempoh tujuh hari dari tarikh keputusan," kata peguam Mohammad Nizar, Mohd Fitri Asmuni.

Namun beliau mendapati terdapat sedikit kekeliruan dalam keputusan hakim apabila Razman diarahkan untuk meminda Tuntutan Balasnya dengan memasukkan kenyataan fitnah yang didakwa telah diterbitkan oleh Mohammad Nizar yang ketika itu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Pas Perak.

"Saya mendapati terdapat sedikit kekeliruan dalam keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh.

"Secara dasarnya, Hakim telah menolak rayuan Razman untuk menghidupkan kembali Tuntutan Balas yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Sesyen sebelum ini.

"Ertinya Tuntutan Balas tersebut sudah tidak wujud lagi tetapi dalam masa yang sama, beliau mengarahkan Razman membuat pindaan ke atas Tuntutan Balas tersebut.

"Di sini yang saya maksudkan adanya kekeliruan kerana ada percanggahan," jelasnya lagi.

Kata Fitri, beliau telah memaklumkan perkara tersebut kepada Mohammad Nizar dan anak guamnya itu telah mengarahkan beliau untuk memfailkan segera rayuan terhadap keputusan hakim berkaitan isu pindaan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau mempersoalkan entri Razman di laman Facebooknya berhubung keputusan mahkamah itu.

Laporan itu mendakwa Mahkamah Tinggi

Ipoh telah membenarkan rayuan Razman Zakaria terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Ipoh yang membatalkan tuntutan balasnya terhadap Mohamad Nizar.

"Laporan tersebut adalah tidak benar. Saya tegaskan di sini bahawa rayuan mereka telah ditolak dengan kos sebanyak RM6,000 yang perlu dibayar dalam masa tujuh hari.

"Kalau rayuan beliau dibenarkan, tidak timbul perintah untuk membayar kos RM6,000 kepada Nizar. Saya harap beliau perlu lebih teliti dengan apa yang berlaku," tegasnya.

Pada 2015, Mohammad Nizar memfailkan tuntutan fitnah sebanyak RM3 juta terhadap Razman yang didakwa memfitnahnya sebagai mana artikel yang tersiar di dalam akhbar Sinar Harian edisi Perak bertarikh 2 Jun 2015, bertajuk: Pendekatan Nizar mirip DAP.

Janji 30,000 peluang kerja hanya 'auta'

Oleh MOHD ALI HASHIM

YAN: Harapan menggunung rakyat Kedah khususnya golongan muda untuk mendapat 30,000 peluang pekerjaan dengan kewujudan projek Zon Industri Petroleum Yan (Zipy), sehingga kini tidak menjadi kenyataan malah hanya angan-angan yang tidak kesampaian.

Kekesalan tersebut diluahkan Ketua Pemuda AMANAH Kawasan Jerai, Mohd Ridzwan Arshad Ahmad.

Jelas beliau lagi, rakyat daerah ini amat mengharapkan projek yang telah dirasmikan pada tahun 2009 oleh kerajaan negeri ketika itu akan menjadi realiti setelah beberapa kali tertunda dan tidak dapat dilaksanakan.

Namun begitu, sehingga kini walaupun Kedah kembali diterajui BN namun ia belum menjadi kenyataan.

"Projek mega tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh Sungai Limau Hidrocarbon Hub (Sulihh) setelah ia dirasmikan oleh kerajaan Pas pada tahun 2009.

"Kemudian projek tersebut telah bertukar nama sebagai projek Zon Industri Petroleum Yan (Zipy) pula.

"Malah Exco Industri dan Pelaburan, Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail baru-baru ini turut menyatakan bahawa projek ini akan tetap diteruskan," tegasnya lagi.

Menurut Ridzwan lagi, projek ini sepatutnya dilaksanakan dengan segera kerana ia mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda dan penduduk negeri ini.

"Terlalu ramai golongan muda di Kedah yang masih lagi menganggur akibat kurangnya peluang pekerjaan yang disediakan.

"Seandainya projek ini dapat disiapkan dengan segera, ia sememangnya akan memberi peluang kepada penduduk tempatan.

"Yang menjadi kemusykilan setelah lapan tahun berlalu, projek ini masih lagi gagal dilaksanakan," ujarnya lagi.

Zipy mensasarkan keuntungan sebanyak RM400 juta setahun dalam bentuk cukai dan sepatutnya siap pada 2014.

Walau bagaimana pun jaminan Dr Ku Abd Rahman bahawa projek ini akan diteruskan serta akan disiapkan menjelang 2019 agak mustahil.

Ia ekoran pihak pelabur yang belum lagi memberi kepastian jangkamasa projek tersebut akan dimulakan.

"Rakyat Kedah tidak lagi mahu tertipu dengan pelbagai janji untuk melaksanakan projek-projek mega oleh kerajaan negeri.

"Oleh kerana itu pelbagai projek yang pernah dijanjikan untuk dibangunkan semasa pilihan raya umum ke-12 dan ke-13 yang lalu sepatutnya telah disempurnakan menjelang pilihan raya umum ke-14 tidak lama lagi.

"Kegagalan kerajaan negeri menunaikan janji membuktikan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk mengotakan janji," tambah Ridzwan lagi.

Sehubungan itu katanya, rakyat negeri Kedah mesti berani bangkit dan membuat perubahan dengan menolak Umno dan BN serta parti yang bersekongkol dengan BN.

Banyak memberi di bulan Ramadan

PARIT BUNTAR: Ahli Parlimen Parit Buntar, Dr Mujahid Yusof Rawa meminta umat Islam mengambil peluang pada bulan Ramadan untuk memperbanyakkan sedekah membantu fakir miskin dan anak yatim.

"Disamping kita berpuasa, sudah pasti kita akan bersiap sedia untuk menyambut Aidilfitri. Namun begitu, janganlah kita lupa pada mereka yang memerlukan seperti fakir miskin dan anak-anak yatim.

"Mereka juga ingin berkongsi meraikan Aidilfitri. Justeru saya juga menyeru perbanyakkanlah sedekah di bulan ini, nescaya Allah akan melipatgandakan rezeki yang kita perolehi pada masa hadapan," katanya.

Beliau ditemui semasa majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan Ramadan kepada 30 orang penduduk di Surau Parit Tok

Kip, Kuala Kurau, dekat sini.

Majlis anjuran AMANAH Parit Buntar dengan kerjasama Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan Dun Kuala Kurau itu turut dihadiri Adun Kuala Kurau, Abdul Yunus Jamhari.

Beliau turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan kepada seluruh umat Islam khususnya di kawasan Parit Buntar.

"Saya mengajak umat Islam di Parit Buntar memperbanyakkan ibadah kepada Allah dengan berpuasa, bertarawih, bertadarus, berqiyamullail, bersedekah dan banyak lagi amalan-amalan yang boleh memperoleh pahala yang besar di bulan Ramadan.

"Ambillah ruang dan peluang di dalam bulan ini untuk beriftar bersama keluarga, rapatkan hubungan kekeluargaan yang selama ini mungkin kita kurang memberi perhatian kepada anak-anak," katanya.

Dr Mujahid berkata, program sumbangan Ramadan kepada fakir miskin dan anak yatim di Parit Buntar akan diadakan di beberapa surau dan masjid.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa masjid dan surau yang sudi memberi ruang kepada Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan Dun Kuala Kurau mengadakan majlis penyampaian sumbangan Ramadan.

"Peluang ini kami ambil untuk beramah mesra dan mengeratkan silaturahim dengan penduduk setempat sempena bulan mulia ini," katanya.



Dr Mujahid dan Abdul Yunus menyerahkan sumbangan kepada seorang penerima.

Kumpul dana untuk program Ihya' Ramadan

PARIT BUNTAR: AMANAH Parit Buntar dan kerjasama Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan Dun Kuala Kurau mengadakan program Ihya' Ramadan bertujuan menyampaikan sumbangan kepada golongan yang amat memerlukan di sekitar kawasan Parit Buntar.

Menurut penyelarasan program Hairul Nizam Ishak, beberapa golongan seperti fakir miskin, anak yatim, muafak dan pesakit di hospital telah dikenal pasti untuk diberikan sumbangan.

"Jumlah sumbangan yang diperlukan untuk tahun ini adalah sebanyak RM 80,000. Sumbangan yang disalurkan adalah berbentuk barangan keperluan, iftar anak yatim dan wang ringgit," katanya ketika ditemui semasa majlis penyampaian sumbangan kepada 30 penduduk di Surau Asmawiah, Kedai 4, dekat sini.

Turut hadir Ketua AMANAH Parit Buntar Ir. Mohamad Sufian Ahmad dan Pengerusi Surau, Mohamad Nor Awang.

Hairul Nizam berkata, sumbangan dari orang ramai, ahli korporat dan pihak swasta diperlukan



Ir Mohamad Sufian dan Mohamad Nor sedang menyampaikan sumbangan Ramadan kepada penduduk.

diperlukan bagi menjayakan program itu.

"Pada tahun lalu sejumlah RM77,000 telah dikumpulkan dan disalurkan kepada penerima," katanya.

Menurut beliau, jumlah sumbangan pada tahun ini ditingkatkan bagi meluaskan lagi sumbangan kepada mereka yang layak menerima.



Antara penduduk Kampung Kedai 4 yang menerima sumbangan sempena Ramadan.

"Justeru itu, adalah besar harapan kami agar orang ramai dapat bersama menghulurkan sumbangan untuk program ini.

"Segala jasa baik penderma yang membantu menghulurkan sumbangan amatlah kami hargai," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Islam 0802-2010-0508-32 di atas nama 'Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar'.

Sumbangan Ibu Emas manfaat 58,170 orang



Hon Wai bersama surirumah yang menerima sumbangan kerajaan negeri di sebuah bank di Air Itam.

AIR ITAM: Sebagai simbol terima kasih kepada golongan suri rumah (Ibu Emas) yang tidak bekerja, seramai 58,170 orang golongan tersebut menerima sumbangan RM100 dari kerajaan negeri baru-baru ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Itam, Wong Hon Wai ketika meninjau sesi pembayaran Ibu Emas dekat sebuah bank di Air Itam di sini.

"Ini merupakan dividen anti rasuah, hasil tender terbuka dan kerajaan negeri yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) dalam mentadbir negeri Pulau Pinang.

"Ini juga hasil lebihan yang kita capai dan 'di-

pulangkan' kepada rakyat sebagai tanda penghargaan," ujar beliau ketika ditemui selepas sesi penyerahan wang tersebut kepada ibu-ibu tunggal terpilih baru-baru ini.

Beliau memaklumkan untuk kawasan Dun Air Itam sahaja, seramai 1,246 suri rumah menerima manfaat tersebut.

"Saya juga ingin menyeru kepada suri rumah di bawah usia 60 tahun, jika belum memohon, boleh kemukakan permohonan di pusat-pusat khidmat Pakatan Harapan sebelum tarikh tutup 30 Jun ini," lapor Buletin Mutiara.

20 pengundi India 'tinggal' di rumah Melayu Rang Daftar Pemilih Tambahan meragukan

POH: Tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Hutan Melintang, S Kesavan mengusung tikar dan bantal ke pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dekat sini bertujuan mendesak SPR menerima bantahan Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT).

Ahli Jawatankuasa AMANAH Perak, D.S. Nali Raja berkata, Pakatan Harapan negeri menemui fakta mengejutkan apabila menyiasat lebih 3,000 pengundi baharu yang didaftarkan di Hutan Melintang hanya dalam tempoh dua bulan.

Hasil semakan mendapati seramai 321 pemilih berketurunan India yang dibawa dari luar kawasan seperti Taiping dan Parit Buntar dikesan didaftarkan di Dun Hutan Melintang.

"Difahamkan hal ini berkaitan dengan kemungkinan BN mahu letak Ketua MIC Perak sebagai calon bertanding di Hutan Melintang.

"Kita juga ada kes pasangan warga emas Melayu yang sudah pun membuat laporan polis di Hutan Melintang apabila alamat rumahnya turut menjadi 'tempat tinggal' 20 pengundi India.

"Terdapat juga kes tiga, empat rumah Cina yang berkongsi alamat dengan pengundi India. Pelik bukan?" ujarnya ketika dihubungi.

Turut hadir di pejabat SPR Ipoh itu Ahli Parlimen Batu Gajah V Sivakumar, Adun

Buntong S. Sivasubramaniam dan Adun Sungkai A. Sivanesan.

Nali memberitahu, sebanyak 2,300 nama pemilih meragukan yang diperoleh daripada senarai RDPT telah dibawa kepada pihak SPR.

"Kita susun satu demi satu kes. Kita tiba di pejabat SPR pukul 2 petang bukan waktu pejabat tutup. Kerani SPR kata mereka tidak terima sebab tempoh bantahan sudah tamat.

"Kata kerani itu lagi, tanpa resit mereka boleh terima tapi kalau dengan resit mereka tidak terima.

"Masalahnya tanpa resit, alamatnya dia buang ke longkanglah," tegas Timbalan Biro Integrasi AMANAH Perak itu.

Mengulas lanjut aksi Kesavan, beliau berkata, seorang pegawai SPR Perak pun enggan menemui wakil rakyat itu walaupun Kesavan 'berkampung' di pejabat tersebut sehingga pukul 7 petang.

"Semalam, kita sudah pun kumpul RM3,000 sedia untuk bayar kepada SPR tetapi seorang pegawai pun tak muncul," keluhnya.

Sehubungan itu, Nali berkata, pihaknya kecewa dengan sikap dan integriti SPR yang dilihat berat sebelah.

"Adakah SPR bekerja untuk kepentingan satu pihak saja? Sepatutnya, SPR berperanan adil sebagai badan bebas. Kami di pejabat SPR tidak berganjak walaupun



S Kesavan (tengah) membawa tikar dan bantal ke pejabat SPR Ipoh bagi mendesak badan pengendali pilihan raya itu menerima bantahan RDPT.

kira-kira 50 anggota polis dan FRU datang jerit dari luar.

"Mulanya kami sampai di pejabat SPR pukul 2 petang, alasan diberi pegawai-pegawai kanan sedang bermesyuarat. Kalau misalnya bangunan SPR itu terbakar, adakah mereka ini juga menghilangkan diri?" bidasnya.

Beliau juga mempersoal perbelanjaan besar SPR bagi kelengkapan perisian yang mencecah berbilion ringgit seperti pernah dimaklumkan di Parlimen.

"Sebenarnya tugas SPR untuk buat semakan dan siasatan senarai pemilih bukan tugas kita. Takkan, dalam tempoh empat tahun (selepas PRU-13), habis semua duit itu?"

"SPR ada di situ juga. Kenapa tidak boleh siasat bersihkan daftar pemilih? Kenapa berlaku pemindahan pengundi dengan ketara begitu meragukan?"

"Hak pengundi nampaknya dinafikan apabila maklumat mereka berisiko disalahguna," tambah Nali lagi.

Model hubungan harmoni antara kaum

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Keharmonian hubungan antara kaum sejak turun temurun di bandar ini perlu dipromosikan sebagai model yang boleh dicontohi di seluruh negara.

Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata, hasrat ini akan direalisasikan apabila pentadbiran negara diterajui gabungan baru, Pakatan Harapan.

"Kota Bharu, seperti tempat-tempat lain di Malaysia memiliki komposisi penduduk pelbagai agama dan keturunan.

"Namun di sini kita hidup saling menghormati dan menjalin persahabatan dan perpaduan," katanya ketika merasmikan majlis Sinar Ramadan anjuran jawatankuasa Dun (JDUN) Bunut Payong, 5 Jun lalu.

Akhir-akhir ini, katanya wujud pihak-pihak tertentu membangkitkan isu yang cuba membawa pertelagahan kaum dan agama.

"Peristiwa jemaah lepas solat Jumaat pukul pemandu bukan Islam dengan konon tidak boleh orang bukan Islam berbuka puasa dengan masyarakat Islam adalah fenomena menyedihkan.

"Insya Allah ini tidak berlaku di Kota Bharu dan kita mahu budaya Kota Bharu ini jadi amalan seluruh negara," katanya.

Beliau menjelaskan gabungan empat parti iaitu Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM yang kini dinamakan Harapan, sedang menyiapkan tawaran (manifesto) bagi meringankan beban rakyat.

"Di peringkat negeri Kelantan kita telah mengadakan siri mesyuarat khas mengenai perkara ini.



Wan Rahim (bersongkok AMANAH) menyampaikan sumbangan kepada 200 asnaf di majlis Sinar Ramadan Bunut Payong.

"Tawaran-tawaran ini berkaitan semua caj yang akan dikaji semua selepas kita ambil alih kerajaan," katanya.

Selain tekanan GST dan pelbagai penghapusan subsidi terutama minyak oleh kerajaan pusat

katanya, rakyat turut tertekan dengan kenaikan mendadak kos pelbagai perkhidmatan di peringkat negeri.

"Kenaikan mendadak caj dan hasil dalam pentadbiran tanah kini cukup dirasai rakyat sama ada yang berada di luar bandar mahupun di bandar.

"Selepas jawatankuasa tawaran meneliti semua aspek, AMANAH negeri akan mengemukakan satu tawaran munasabah kepada rakyat untuk meringankan beban yang kini amat mencengkam," katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada AMANAH peringkat kawasan dan Dun yang terus membantu meringankan beban rakyat.

"Walaupun kini kita belum memerintah dan sumber amat terhad, sikap prihatin yang ditunjukkan untuk peduli dan membantu rakyat oleh AMANAH semua peringkat amat dihargai," katanya.

Kongsi kegembiraan Ramadan bersama warga tua

Oleh ASRAF SHARAFI

SANDAKAN: AMANAH Kawasan Batu Sapi telah mengadakan program edaran bubur lambuk bersempena bulan Ramadan, 31 Mei lalu.

Edaran bubur lambuk itu dibuat di dua lokasi iaitu Rumah Warga Tua Sri Harapan, Sandakan dan di Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Sapi.

Edaran bubur lambuk itu diketuai Pengerusi AMANAH Batu Sapi Hamzah Abdullah bersama Timbalannya, Alias Sani serta aktivis Pemuda AMANAH kawasan.



Hamzah bertanya khabar seorang warga tua.

Hamzah yang juga Pengerusi AMANAH Sabah berkata, edaran bubur lambuk itu dilakukan bagi meraikan kedatangan Ramadan bersama warga tua serta golongan yang kurang berkemampuan di kawasan Sandakan dan Batu Sapi.

"Edaran bubur lambuk kepada warga tua ini sebagai tanda kebersamaan serta ingin berkongsi kegembiraan kita bersama-sama mereka. Di bulan yang mulia ini, menjadi tanggungjawab kita membantu orang yang memerlukan," katanya.

Ketua Pemuda AMANAH Batu Sapi Yunizam Yusop pula berkata, program edaran bubur lambuk ini akan berlangsung sepanjang bulan Ramadan di samping sumbangan kebajikan kepada golongan asnaf serta gelandangan di sekitar Sandakan dan Batu Sapi.

"Kita tidak akan berhenti setakat hari ini sahaja. Edaran bubur lambuk ini akan kita buat sepanjang bulan Ramadan ini beserta bantuan kebajikan kepada keluarga-keluarga yang telah kita kenal pasti," ujarnya.

Sebanyak 200 pek bubur lambuk telah diedarkan di Rumah Warga Tua Sri Harapan Sandakan dan Flat PPR Batu Sapi.

Ayat-ayat tahyul Nik Abdul



PENDAPAT
MAHDZIR IBRAHIM

SAYA bersetuju dengan pandangan umum Nik Abdul Nik Aziz (ahli jawatan-kuasa Pas Pusat) yang disiarkan di Malaysia kini baru-baru ini, bahawa dalam lunas demokrasi, parti DAP dan Pas bebas bersaing bagi memandu negara kepada yang terbaik.

Bahawa semua warga negara adalah sama dan setaraf. Siapa pun akan mula dianggap sebagai musuh negara hanya apabila mereka menentang perlembagaan negara.

Saya juga bersetuju dengan pandangan ini.

Namun yang membezakan niat politik Pas dengan DAP adalah kehendak Pas untuk mengubah atau meminda perlembagaan persekutuan. Malah menurut Nik Abdul:

"Untuk mengubah perlembagaan negara, rakyat perlu melalui dua perkara utama. Pertama, majoriti terbesar di Dewan Rakyat iaitu dua pertiga. Yang kedua, mereka perlu melakukannya dengan cara yang dibenarkan. Jika tidak, segala usaha adalah salah dan tidak berperlembagaan."

Jelas, bahawa Nik Abdul mahu usaha untuk meminda (ubah) perlembagaan harus mengikut cara yang dibenarkan oleh undang-undang. Maka, DAP sebagai parti yang juga menghormati undang-undang, tidak boleh menyatakan sebaliknya.

Keadilan

Hujah Nik Abdul lagi:

"DAP dengan dominasi non-Muslim sudah pasti mahu memastikan negara kekal sebagai sebuah negara sekular, bahkan menuntut lebih kebebasan dan persamaan dalam agama dan bangsa.

"Mereka secara langsung menolak wujudnya sebuah negara Islam yang terlaksana dalam nilai-nilai dan hukum-hukum Islam."

Bagi saya hujah ini secara halus cuba

Bagi saya hujah ini secara halus cuba untuk mengolah pandangan buruk rakyat terhadap perjuangan suci DAP.

Pertama Nik Abdul mengatakan, "... bahkan menuntut lebih kebebasan dan persamaan dalam agama dan bangsa".

Susunan ayat ini sangat molek. Tetapi ia menyimpang sebenarnya.

DAP adalah sebuah parti yang menuntut keadilan dalam konteks undang-undang dan dasar sosial terhadap perkara yang menyentuh sensitiviti kaum, budaya atau agama.

Perkataan 'keadilan' ini ditiadakan oleh Nik Abdul dan diganti dengan "menuntut kebebasan dan persamaan agama".

Bagi mereka yang mahir permainan bahasa, perkataan kebebasan dan persamaan cukup tajam kesannya kepada orang Melayu.

Inilah penyimpangan Nik Abdul yang bertujuan membawa kepada salah faham dan persepsi negatif rakyat khususnya orang Melayu dan Islam kepada DAP.

Apakah salah seseorang atau parti politik menuntut keadilan? Keadilan bagi semua kaum, agama dan budaya, salah dan berdosakah?

Nik Abdul mengatakan DAP menuntut 'persamaan agama' ini sama sekali tahyul, kerana DAP bukan parti berasaskan mana-mana agama atau kaum.

Buat apa DAP menuntut sesuatu yang berasaskan kaum dan agama, yang bukan/tidak menjadi dasar dan matlamat parti-nya? Tak masuk akal.

DAP mahu keadilan. Keadilan adalah prinsip asas kehidupan manusia. Bukankah Islam datang untuk menegakkan keadilan?

Apa guna kebebasan jika tidak ada ke-

Ada guna kebebasan jika tidak ada keadilan, apa guna persamaan jika tidak ada keadilan. Masalah ekonomi dan kemiskinan juga berpunca dari prinsip keadilan.

Nik Abdul pasti lebih alim jika mahu titipkan surah berkaitan dengan keadilan yang dibawa dan dituntut oleh Islam dan al-Quran. Kenapa tak tulis? Kenapa tak berlaku adil dalam memberi hujahnya?

Akal dan wahyu

Pandangan kedua Nik Abdul juga sama, beliau cuba mengolah kepada sesuatu yang bukan perkara sebenarnya, tahyul.

"Ketika DAP berjuang dan berkempen dengan segala upaya mereka bersenjatakan akal dan deklarasi hak-hak asasi manusia yang dituhankan, Pas pula berjuang dan berkempen dengan segala upayanya bersenjatakan akal dan wahyu."

Lihat bagaimana Nik Abdul memilih perkataan yang menggambarkan DAP sebagai "bertuhankan deklarasi hak asasi manusia" – sesat.

Kesimpulan kepada ayat tahyul ini, DAP sesat dan Pas lurus dan suci kerana bertuhankan Allah Yang Maha Esa.

Kita harus cukup rasional, kerana apa jua dokumen undang-undang atau akta adalah sebagai rujukan, bukan tuhan.

Jika rujuk dokumen pun sudah dikatakan menjadikannya sebagai Tuhan, maka Pas tak sepatutnya merujuk perlembagaan persekutuan untuk mereka berpolitik. Sila jadi IS.

Inilah cara Umno, Pas dan puak-puak asabiyah dan ekstremis agama memomokkan DAP menggunakan perkataan dan ayat. Nampak?

Sekali lagi perlu dijelaskan. DAP bukan parti teologi yang menetapkan tuhan bagi parti DAP ini tuhan Allah atau tuhan apa pun. Iman dan akidah seseorang (anggota

DAP) adalah hak milik mereka sendiri. DAP tidak berhak menentukannya.

DAP ini sekadar parti politik yang dibentuk mengikut undang-undang yang diperuntukkan. Itu sahaja.

Untuk menyucikan dirinya dan Pas, Nik Abdul menggunakan cara halus begini, menggubah ayat-ayat tahyulnya agar DAP disalah tafsir hingga dilihat buruk.

Di akhir tulisannya, Nik Abdul memberi amaran.

"Ingat, jangan langgar perlembagaan negara. Peringatan ini adalah buat Umno dan DAP. Pas dengan matlamat Islam yang agung, insya-Allah akan kekal di landasan perjuangan yang sah di sisi undang-undang ke arah negara sejahtera menuju ke-redaan Allah."

Saya menyambut amaran Nik Abdul dengan lapang dada. Dan, suka saya ingatkan lagi pada beliau. Saya DAP, saya Islam, saya Melayu. Iman dan akidah saya bukan ditentukan oleh negara, perdana menteri, parti Pas atau Nik Abdul.

Jadi hentikan kerja membuli orang Melayu menerusi agama dan politik kamu.

■ Mahdzir Ibrahim ialah Pengarah Pendidikan Politik DAP Johor.

Kisah Ustaz Ahmad Awang dengan kuliahnya

Oleh HAYAR HASSAN

AKHIR-AKHIR ini, Penasihat AMANAH Ustaz Ahmad Awang mendapat perhatian umum apabila berita beliau dihalang daripada memberikan kuliah-kuliah agama di beberapa masjid di Selangor dibangkitkan. Alasan yang diberikan oleh seorang Adun Pas Selangor yang juga pesuruhjaya Pas negeri, mungkin ahli jawatan kuasa masjid-masjid terbabit 'tidak berkenan' dengan beliau.

Ustaz Ahmad Awang ialah mantan Presiden Persatuan Ulama Malaysia selama 17 tahun serta pernah menganggotai Panel Syariah Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia dan RHB. Bukan itu sahaja, di peringkat antarabangsa, beliau pernah dilantik Ahli Senat Universiti Islam Baghdad, Iraq dan Ahli Persidangan Agung Dakwah Islam Sedunia Libya.

Di dalam negara pula, beliau ialah mantan Pengarah Dakwah & Latihan Islam, Jakim. Dari sudut politik pula, beliau adalah mantan naib presiden Pas dan Pesuruhjaya Pas Perak semasa negeri itu ditadbir Pakatan Rakyat selepas pilihan raya umum (PRU)

ke-12. Begitulah warna warni kehidupan seorang insan bernama Ustaz Ahmad Awang yang telah berusia 81 tahun.

Fenomena 'tidak berkenan' ini sesuatu yang baru diciptakan di Selangor yang ditadbir Pakatan Harapan. Saya tidak pasti sama ada tepat kalau dikatakan negeri Selangor pada waktu ini ditadbir oleh Pakatan Harapan. Ini kerana parti yang bukan kerabat PH pun diterima menganggotai kerajaan negeri. Malah anggota dan penyokong parti berkenaan kini menguasai sebahagian masjid dan surau di Selangor.

Adakah tindakan menghalang Ustaz Ahmad Awang mengajar di masjid dan surau itu wajar? Adakah tepat mengatakan seorang lulusan agama yang menganggotai parti politik tertentu perlu disekat daripada memberikan kuliah-kuliah agama hanya kerana jawatankuasa masjid yang menyokong parti tertentu 'tidak berkenan'? Apa bezanya keputusan yang dibuat itu ketika era Selangor ditadbir Umno-BN?

Seingat saya ramai daripada lulusan bi-dang agama dan aktif dalam parti politik

di negara ini juga turut memberikan kuliah-kuliah agama di masjid-masjid. Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat dan Almarhum Tuan Guru Dato' Harun Din akan dijemput memberikan kuliah-kuliah di masjid apabila diketahui mereka berada di sesuatu kawasan.

Di Pulau Pinang, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran negeri, mereka sering dijemput memberikan tazkirah seusai solat Maghrib tanpa dirancang lebih awal. Pengerusi kariah masjid serta ahli jawatankuasa masjid membuat keputusan secara spontan memberikan slot kuliah Maghrib kepada dua tokoh tersebut yang secara kebetulan singgah untuk solat berjamaah Maghrib di masjid mereka.

Namun demikian, setelah Ustaz Ahmad Awang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Presiden Pas, tiba-tiba kuliah-kuliahnya di negeri-negeri yang ditadbir Pakatan Harapan mula disekat. Ini suatu yang cukup mendukacitakan! Adakah ia sengaja dirancang? Apa bezanya tindakan ini ketika masjid dan surau dikuasai penyokong Umno-BN?



Ustaz Ahmad Awang

Betullah kata orang bijak pandai, "Berucap itu mudah, tetapi melaksanakannya maksud yang diucapkan itu susah".

Semoga Ustaz Ahmad Awang tidak putus asa dalam kerja dakwahnya. Niat yang ikhlas itu pastinya akan mendapat ganjaran sewajarnya daripada Allah SWT. Mehnah dan rintangan dalam kerja dakwah Islam itu adalah sunnatullah.

Semoga ada cahaya yang tetap bersinar di hujung pengembaraan beliau dalam kerja-kerja dakwah. Bersabarlah Ustaz.

Mengapa negara bukan Islam jadi pilihan pelancong?

Oleh ANFAAL SAARI

DALAM satu pertemuan dengan salah seorang pemimpin AMANAH, beliau menceritakan:

"Saya bertanya kepada lima orang anak muda, kalau saya beri setiap seorang RM50,000 beritahu saya negara mana yang kamu mahu lawati?"

Antara jawapan yang diberikan adalah Jepun, Australia, England, New Zealand dan Korea.

Saya bertanya pada mereka, "Kenapa tidak memilih negara-negara Islam atau Muslim majoriti seperti Pakistan, Afghanistan, Sudan dan lain-lain?"

Mereka menjawab, "Tidak selamat dan merbahaya."

Satu rumusan yang mudah menggambarkan imej negara-negara pilihan anak-anak muda tersebut: BERSIH dan SELAMAT.

Ukuran Kebersihan

Sesebuah negara diukur tahap kebersihannya menurut Indeks Prestasi Persekitaran (Environmental Performance Index-EPI). Prestasi persekitaran dikira berdasarkan Kesihatan Persekitaran dan Daya Saing Ekosistem.

Negara pada ranking 20 teratas dimiliki oleh negara-negara majoriti bukan orang Islam dan pemerintahnya juga bukan Islam.

Kebanyakan negara ini mempunyai tahap kebersihan sehingga kita sendiri terasa suci untuk solat di mana-mana juga. Saya tertanya-tanya, apakah nilai yang diyakini oleh pentadbir negara ini dan juga rakyatnya?

Siapa tidak suka persekitaran yang bersih, kan?

Fitrahnya manusia walau apa anutan agama pun pasti tertarik kepada kebersihan dan keindahan. Nilai bersih adalah nilai universal tetapi mengapa penganut agama yang menyatakan "kebersihan adalah sebahagian daripada iman" tidak menganggap komitmen menjaga kebersihan alam sekitar sebagai satu manifestasi iman dan juga ibadah?

Ini lah yang terdedah bila kita meneliti pula ranking 20 terbawah dalam EPI tadi.

Adakah negara majoriti Muslim ini sebenarnya memegang nilai yang sama tetapi budaya bangsa turun temurun menjadikan nama Islam terpalit sebagai memiliki negara-negara yang terendah tahap kebersihan persekitarannya?

Umat Islam masih ketinggalan



Kebersihan di negara-negara Eropah menggamit pelancong untuk datang ke sana.

Bagaimanakah ulama yang mengajar ilmu al-Quran, hadis dan pelbagai bidang syariah di negara-negara ini mendidik penuntut-penuntutnya menterjemahkan ilmu-ilmu tersebut dalam tata urus persekitaran negara mereka?

Kehebatan Islam terletak pada ketinggian dan kehebatan ilmu wahyu dan juga pada kecerdasan kita mengaplikasi dalam kehidupan. Religiosity (keberagamaan) seseorang hilang apabila ilmu wahyu yang difahaminya tidak dihayati dalam hubungan sesama manusia dan alam.

Dr Maszlee Malik dalam pembentangannya di Seminar NUNJI Kota Raya anjuran AMANAH Wilayah Persekutuan pada 13 Mei 2017 berkata, "Kelemahan sikap ini menandakan hilangnya common sense."

Usah salahkan agama. Agama mengajar nilai-nilai fitrah. Yang gagal adalah kita, penganutnya, untuk menterjemah dalam aplikasi kehidupan. Hidup seorang Mukmin bukan hanya tentang hubungan manusia dengan seluruh makhluk ciptaan Tuhan.

Undang-undang Pembentuk Sikap

Adakah kita perlu mengambil langkah penguatkuasaan undang-undang yang ketat, seperti Singapura yang mengenakan denda atas salah laku pada kebersihan awam?

Sikap Iwn Kepercayaan agama. Yang mana penentu nilai kebersihan sesebuah negara? Saya tinggalkan persoalan ini pada semua.

Rahmah bermula di negara sendiri. Mahu tahu apa yang diusahakan di negara kita? Rupanya negara kita sudah memiliki Pelan Tindakan Kebersihan Kebangsaan 2015-2020. Antara objektif khusus yang ingin dicapai di dalam Pelan Tindakan ini adalah:

"Meningkatkan amalan pengurusan sisa pepejal yang sistematik dalam kalangan masyarakat."

Saya sangat menyokong usaha murni ini. Sebagai seorang ibu yang masih memiliki anak kecil yang memakai lampin pakai bu-

Environmental Performance Index - Ranking

(0=Farthest from achieving target, 100=Closest to achieving target)

43	Argentina	79.84
1	Finland	90.68
2	Iceland	90.51
3	Sweden	90.43
4	Denmark	89.21
5	Slovenia	88.98
6	Spain	88.91
7	Portugal	88.63
8	Estonia	88.59
9	Malta	88.48
10	France	88.20
11	New Zealand	88.00
12	United Kingdom	87.38
13	Australia	87.22
14	Singapore	87.04
15	Croatia	86.98
16	Switzerland	86.93
17	Norway	86.90
18	Austria	86.64
19	Ireland	86.60
20	Luxembourg	86.58

20 negara yang mencapai tahap EPI paling tinggi.

ang, saya diselimiuti rasa bersalah menggunakan lampin pakai buang dan mengetahui bahawa jangka masa untuk pelupusannya mengambil masa beratus tahun. Usaha pengasingan sisa pepejal ini membantu mengurangkan tempoh pelupusan sisa buangan domestik.

Jangan tuding jari pada orang, ayuh kita mulakan dengan diri kita sendiri. Siapkan beberapa tong sampah berasingan di ruang dapur anda:

1. Sisa organik – perut ikan, kulit pisang, kulit bawang dan lain-lain.
2. Plastik – botol plastik, bekas plastik, pembungkus makanan dan lain-lain.
3. Kaca/tin – botol kaca, bekas tin
4. Kertas – kotak, kertas dan lain-lain.

Hanya dengan usaha yang minimum dan sedikit kerajinan agar menjadi satu kebiasaan keluarga, kita sebenarnya menyumbang kepada pengurusan sisa pepejal yang sistematik serta meningkatkan daya saing (vitaliti) ekosistem negara kita. Sikap yang paling penting: Jangan buang sampah merata-rata! Walau secebis kertas kecil.

■ Penulis ialah Pengarah Komunikasi AWAN Nasional.

Ramadan dan wanita muslimah

RAMADAN merupakan bulan yang barakahnya tidak hanya diraih oleh kaum Adam. Akan tetapi keberkahan dan rahmat yang terpancar darinya, juga diraih oleh banyak kaum hawa, sebab Ramadan merupakan bulan musabaqah (perlumbaan) antara semua manusia dalam beramal salih, dan meningkatkan nilai-nilai keimanan.

Bahkan banyak kaum muslimah yang boleh mengungguli semangat, kuantiti dan kualiti amalan kaum Adam dalam melewati hari-hari Ramadan yang sarat berkat dan rahmat.

Tentunya, dengan tanpa meninggalkan kewajipan utama sebagai seorang wanita, baik sebagai anak, isteri mahupun ibu rumah tangga. Dari sisi inilah seorang wanita terlihat istimewa, terlebih lagi jika ia seorang isteri dan pada waktu yang sama ia juga merupakan seorang ibu.

Rasa letih dan lelah dalam mengatur kerapian dan kebersihan rumah, ditambah lagi kesibukan mengurus suami dan memperhatikan keadaan zahir batin putera-puterinya, tidaklah menghalanginya untuk terus berpuasa, menyiapkan makanan sahur dan berbuka, solat malam dan Tarawih, membaca Al-Quran, dan melaksanakan amalan-amalan utama lainnya dalam Ramadan.



Ini lah merupakan di antara seutama-utama amalan yang pelakunya dijanjikan oleh Allah Ta'ala dalam firman-Nya yang bererti:

"Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan." (QS An-Nahl: 97)

Sepintas, mungkin agak sulit untuk mengatur waktu dalam mengerjakan amalan-amalan ramadan yang banyak ini, apa lagi harus solat tarawih puluhan minit atau tilawah berjajam-jam misalnya.

Namun sebagai muslimah yang solehah atau ingin menjadi solehah, halangan yang seperti ini hendaknya dijadikan sebagai batu loncatan

untuk lebih semangat dan tekun dalam mengatur waktu-waktu ibadah, dan mengisinya hingga tak ada yang terasa sia-sia, bahkan sangat mungkin untuk menggabungkan beberapa amalan atau kesibukan tersebut dalam satu waktu.

Sebagai contoh kecil, misalnya memasak/mencuci sambil banyak berzikir, menidurkan anak sambil tilawah Al-Quran. Tatkala haid atau nifas, pada hakikatnya haid dan nifas bukanlah halangan bagi seorang wanita muslimah dari memperbanyak ibadah di bulan Ramadan.

Wanita haid atau nifas tetap dibolehkan membaca Al-Quran asal ia tidak menyentuh mushaf secara langsung. Ini merupakan pendapat yang sah, Syaikhul-Islam Ibnu Taimiyah rahimahullah berkata:

"Tidak ada sunnah yang menjelaskan larangan atasnya (wanita haid) dari membaca al-Quran, dahulu pada zaman Nabi s.a.w. para wanita juga haid, namun jika membaca al-Quran diharamkan atas mereka seperti halnya solat, maka ini tentu akan dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. pada umatnya, dan pasti diketahui oleh Ummahatul-mukminin dan disebarkan kepada umat Islam.

Banyak bersedekah, ini merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. dalam bulan Ramadan.

Dalam hadis Ibnu Abbas:

"Rasulullah merupakan orang yang paling dermawan, dan beliau lebih dermawan lagi ketika tiba bulan Ramadan saat Jibril datang menjumpainya..."

Juga ketika memasak atau membuat makanan untuk sahur atau berbuka puasa para tetangga, jamaah masjid atau keluarganya, karena ini sangat besar pahalanya disisi Allah Ta'ala.

Dalam hadis yang ertinya: "Barang siapa yang memberi makan orang berbuka, maka Allah menetapkan atasnya pahala seperti pahala orang yang berpuasa tersebut tanpa mengurangi pahalanya sedikitpun".

Walaupun sanad hadis ini sedikit daif, namun pahala ini sangat diharapkan atas mereka yang memberikan makanan bersahur dan buka puasa agar mereka kuat dalam beribadah kepada Allah.

Sumber: <http://wahdah.or.id/ramadhan-dan-wanita-muslimah/>

Jangan lupa tunjukkan ijazah dan CGPA...

BIASANYA kebijaksanaan seseorang dapat dilihat dari kata-kata atau tulisannya. Mendengar kata-kata seseorang atau membaca tulisannya memadai untuk dinilai bahawa dia mempunyai akal yang sihat dan daya pemikiran yang baik.

Jarang sekali perlu ditunjukkan sijil ataupun ijazah. Biasanya ijazah terpaksa diguna pakai apabila kebijaksanaan dipertikai kerana ucapan dan tulisan menzahirkan seakan-akan ada 'kekurangan'.

Bagi yang sering menzahirkan 'kekurangan' ini, mungkin setiap tulisan dan kata-kata perlu dipamerkan di hujungnya ijazah dan CGPA. Ini adalah kerana kebijaksanaannya hanya atas sijil-sijil itu dan tidak terzahir selain dari di atas kertas-kertas itu. Mungkin ini yang dimaksudkan pepatah "bodoh tidak boleh diajar dan pandai tidak boleh diikut". Tidak boleh dimanfaatkan kerana hanya atas kertas.

Saya telah membaca beberapa tulisan yang mungkin perlu diamalkan apa yang saya cadangkan. Sekurang-kurangnya yang membaca mengetahui penulis ada ijazah dan CGPA yang baik walaupun tulisannya agak cetek dan dangkal. Paling kurang tidak akan dikatakan penulis itu bodoh walaupun penulisannya kurang cerdik.

PENSYARAH YANG BELUM MENJADI PROFESOR

Penulisan yang begitu banyak dan kerap oleh pensyarah bernama Dr. Kamarul Yusoff antara tulisan yang saya maksudkan. Dia telah pun mempamerkan ijazah dan CGPA-nya atas sebab teguran saya yang sekali itu. Dulu saya ingat dia seorang profesor tetapi kemudiannya saya diberitahu dia bukan seorang profesor. Mungkin itu antara sebab di sebalik kekerapan dan jumlah penulisannya. Namun saya yakin kekerapan dan jumlah bukan ukuran terpenting. Yang penting adalah kualiti penulisan.

Tulisannya yang bertajuk 'Pemimpin AMANAH Bodoh Kuda Tunggangan DAP' telah saya baca sepintas lalu. Ianya tidak menarik sama sekali dan nilai intelektualnya, bagi saya, terlalu rendah. Kualitinya tiada lebih dari kualiti 'cyber-trooper'. Dari tajuknya pun kita sudah boleh agak kurangnya kualitinya. Kalau nak dapat 'professorship' dengan tulisan sebegini saya rasa lama lagilah.

Teguran sinis Dr. Muhaimin Sulam pun tidak difahaminya, siap diucapkan terima kasih lagi!

AMANAH KUDA TUNGGANGAN DAP?

Dalam mempertahankan tuduhannya bahawa AMANAH adalah 'kuda tunggangan

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



DAP' Kamarul mengemukakan beberapa hujah. Malangnya tidak satu pun yang boleh dikatakan kukuh dan muktamad. Sebaliknya ianya sekadar membuktikan agenda dirinya sendiri sehingga sanggup menggadaikan maruah diri melalui hujah dangkal yang tidak layak bagi seorang berijazah dan CGPA tinggi. Di sini saya kupas kembali hujah-hujah Kamarul.

AMANAH PALING KETERDEPAN

Soal AMANAH paling keterdepan membela Adun Subang Jaya Hannah Yeoh dan DAP apabila diserang digunakan sebagai hujah. Sebenarnya beliau tidak faham. Yang ingin dibela pada hakikatnya bukan Hannah atau DAP tetapi yang ingin dibela adalah imej Islam yang tercalar melalui serangan yang rasis dan berfikiran sempit yang dilemparkan terhadap mereka. AMANAH ingin menzahirkan sikap Islam yang sebaliknya supaya Islam dilihat sebagai agama yang terbuka dan bersifat adil.

Sepatutnya apa yang perlu dilakukan Kamarul adalah membuktikan bahawa AMANAH membela sesuatu yang tidak wajar dibelanya. Bukan sekadar mengkritik AMANAH kerana membela! Apa salah membela yang difitnah dan dizalimi? Adakah mengikut fahaman Kamarul membela pun sudah salah kerana yang dibela adalah DAP dan Hannah? Hannah pula tak layak dibela kerana beragama Kristian? Dan atas sebab itu maka AMANAH adalah kuda tunggangan? Aduhai...

Saya hanya mampu mengatakan, "Harap tunjuk sijil dan CGPA kembali..."

DAP GHAIRAH MENYOKONG AMANAH

Dakwaan bahawa DAP kononnya begitu ghairah menyambut kehadiran AMANAH dan membantu AMANAH dengan segala cara turut dikemukakan Kamarul sebagai hujah dan bukti bahawa AMANAH adalah kuda tunggangan DAP. Maaf, saya keliru.

Kalau DAP yang bertungkus-lumus membantu AMANAH maka bagaimana dikatakan AMANAH kuda tunggangan DAP? Tidakkah sepatutnya sebaliknya? Bukankah kuda tunggangan itu yang patut bertungkus-lumus? Kalau dikatakan AMANAH bersusah payah membantu DAP barulah dakwaannya logik!

Namun, saya faham apa yang dimaksudkannya walaupun tidak dijelaskannya secara yang terbaik. Dan di sini sekali lagi ianya berdasarkan prasangka hasil agenda tersembunyi yang ada pada doktor Phd ini. Kamarul ingin semua percaya bahawa AMANAH ditubuhkan demi kepentingan DAP walaupun tiada apa-apa bukti untuk menyokong dakwaan tersebut.

Hakikatnya, sama ada dengan atau tanpa DAP, AMANAH akan tetap ditubuhkan, bukan untuk membantu DAP tetapi untuk meneruskan perjuangan Islam dalam bentuk yang pernah dibawa pimpinan Pas dahulu sebelum zaman Abdul Hadi Awang mentadbir Pas, iaitu perjuangan yang adil terhadap semua, menentang kezaliman dan bebas perkauman.

Dan apa hairannya sekiranya DAP seronok dengan kehadiran AMANAH dan berusaha untuk membantu AMANAH? Mungkin mereka melihat AMANAH mempunyai ciri-ciri yang seperti mana ada pada Pas dahulu yang pernah mereka bekerjasama dan berkawan. Iaitu Pas di era Almarhum Haji Yusof Rawa, Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

Ketiga-tiga pemimpin ini, termasuk Almarhum Haji Yusof Rawa, saya berpeluang mengenali dan berkerja rapat dengan mereka.

Sambil Pas semakin dihanyutkan Umno, DAP berterima kasih dengan kewujudan AMANAH yang akan menentang kezaliman, menegakkan keadilan dan menolak perkauman. AMANAH akan membela mereka apabila mereka difitnah dan ditohmah dengan berbagai fitnah dan tohmahan termasuk oleh Pas. DAP sedar, AMANAH berpegang teguh kepada keadilan Islam dan atas sebab itu DAP sanggup membantu AMANAH sekiranya diperlukan.

Hanya yang hidup dalam perigi buta dan beragenda sahaja akan mengatakan bahawa Pas tidak berubah. Satu Malaysia mengetahui Pas sudah berubah dan turut diakui oleh pimpinan Pas sendiri, maka mustahil ianya tidak disedari oleh seorang yang berijazah dan berCGPA tinggi. Kecuali beliau beragenda.

BANTUAN KERAJAAN PULAU PINANG

Kamarul timbulkan juga isu bantuan dan jawatan dalam kerajaan Pulau Pinang. Soal bantuan kerajaan Pulau Pinang itu perkara biasa, Dr oiii... Keadilan pun menerimanya. Ianya atas sebab kebersamaan dalam kerajaan PH di Pulau Pinang. Takkan itu pun tak faham? Kalau ya pun carilah hujah lain.

Terpaksa juga saya katakan sekali lagi, "Harap tunjuk sijil dan CGPA kembali..."

THESIS ANDY MICKEY CHOONG TEK CHOY

Kamarul ada juga membuat petikan dari kenyataan Lim Kit Siang kepada seorang yang bernama Andy Mickey Choong Tek Choy. Kenyataan Kit Siang ini dimuatkan dalam tesis beliau.

Ia menceritakan bagaimana DAP membantu pembangunan Keadilan supaya dapat dikawal dan diimbangi kekuatan Pas. Saya pelik ini turut ingin dijadikan isu oleh Kamarul. Semua parti politik mempunyai kepentingan mereka masing-masing dan walaupun dalam koalisi ada juga persaingan untuk pengaruh dan saling mengimbangi pengaruh. Dan ini bukan sesuatu yang pelik.

Adakah Kamarul menganggap DAP harus membantu Pas menjadi kuat sehingga menguasai seluruh negara? Karang dituduh pula Pas dikudakan DAP! Atau membantu Keadilan untuk menguasai kesemuanya? Karang dituduh pula Keadilan dikudakan DAP! Semestinya di dalam mana-mana politik berpakat atau berkoalisi, usaha untuk saling mengimbangi akan dilakukan semua pihak supaya menentukan tiada yang terlalu kuat sehingga mendominasi koalisi tersebut. Itu perkara biasa dan sesuai dengan thesis Andy yang bertajuk "Politics of Opposition Coalition Building" (Politik Pembinaan Gabungan Pambangkang).

Lagipun ianya kenyataan 2006 yang pada ketika itu Pakatan Rakyat belum lagi diwujudkan. Yang ada hanya Barisan Alternatif (BA) dan DAP dengan DAP pula berada di luar BA. Maka kehendak DAP untuk mengawal pengaruh Pas pada ketika itu bertambah wajar.

KESIMPULAN

Saya merasakan apa yang dikemukakan sebagai hujah dan bukti 'AMANAH kuda tunggangan DAP' adalah sangat rapuh dan tidak bernilai. Ianya tidak layak digelar bukti atau hujah sekalipun, melainkan leteran seorang yang beragenda busuk.

Sebagai penutup ingin juga saya sebut sebenarnya istilah 'dikudakan', 'ekhadami' dan sebagainya merupakan istilah-istilah yang tiada tempat dalam PH. Ianya sebaliknya istilah-istilah yang disukai Pas dan UMNO, pasangan baharu yang sedang bermain mata dan bercumbu-cumbuan.

Banyak lagi yang ingin saya jawab balik terhadap tulisan doktor Phd yang banyak masa untuk berleter ini. insya Allah, kalau tiada kerja lain dalam masa seminggu dua ini.

Penulis ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

AMANAHA Titiwangsa aktif santuni masyarakat

DALAM usaha menyelesaikan permasalahan yang dihadapi masyarakat setempat, AMANAHA Titiwangsa tampil menawarkan khidmat yang diperlukan.

Melalui program Ziarah Medic iaitu ziarah dari rumah ke rumah, doktor-doktor pakar telah memeriksa kesihatan 20 keluarga di Desa Pandan yang menghadapi pelbagai penyakit.

Tidak terhenti di situ sahaja, AMANAHA Titiwangsa berusaha menyelesaikan punca permasalahan yang dihadapi dengan membantu pesakit sehingga ada yang mendapat Kad OKU dari pihak berwajib.

Di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jelatek pula, program khidmat pemeriksaan kesihatan ditawarkan kepada lebih 400 penduduk



Pengerusi AMANAHA Wilayah Persekutuan, Dr Hatta Ramli mengedarkan bubur lambuk percuma kepada penduduk di PPR Laksamana Jalan Peel.

di situ, kali pertama pada 25 September 2016

dan kali kedua pada 7 Mei lalu dengan nama Karnival Kesihatan & MediCamp.

Sempena bulan Ramadan tahun ini, sebanyak 400 pek bubur lambuk diedarkan pada setiap hari bekerja sepanjang bulan

di kawasan perumahan, masjid dan surau, stesen LRT dan pasar di seluruh parlimen Titiwangsa.

Setakat ini AMANAHA Titiwangsa telah mengedarkan bubur lambuk kepada ribuan Muslim di stesen-stesen LRT dan PPR di Parlimen Titiwangsa.

Kaum-kaum lain tidak dilupakan malah turut disantuni AMANAHA Titiwangsa melalui program sambutan Deepavali dan sumbangan kepada masyarakat India dari Kg. Pandan Dalam.

Masyarakat Tionghua turut diraikan sempena Tahun Baru Cina yang lalu dengan program ziarah penduduk di PPR Rejang, Jalan Jejaka & Taman Maluri.

Selain itu, keprihatinan AMANAHA Titiwangsa turut diserlahkan melalui program 'Back to School' bagi menampung keperluan persekolahan pelajar-pelajar di PPR Jelatek dan Desa Pandan, sumbangan sebanyak RM4,000 untuk memperbaiki kemudahan surau di PPR Jelatek dan pelbagai lagi program kemasyarakatan.



Sepanjang Ramadan AMANAHA Titiwangsa mengedarkan bubur lambuk percuma.



Aktivis Awan Titiwangsa menyediakan sumbangan untuk program Kasih Ramadan.

Prihatin isu-isu masyarakat

BAGI memahami isu-isu yang dihadapi masyarakat di Parlimen Titiwangsa, AMANAHA Titiwangsa mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan wakil penduduk asal Kampung Baru dari generasi ketiga.

Antara isu-isu yang dikenal pasti adalah isu kebersihan, pendatang asing yang datang bermastautin, tempat letak kereta yang

terhad, pembangunan yang mengganggu ketenteraman penduduk dan tidak lestari yang diteruskan tanpa rundingan yang baik dilakukan dengan penduduk dan kesesakan lalu lintas.

Dalam isu-isu ini, AMANAHA Titiwangsa akan terus mendapatkan pandangan pelbagai pihak dan seterusnya mengenal pasti jalan penyelesaian bagi setiap isu tersebut.



Agihan bantuan Deepavali untuk masyarakat di kawasan setinggan Kg Pandan Dalam.



Zaharuddin bersama pimpinan AMANAHA kawasan yang lain mengedarkan limau mandarin sempena Tahun Baru Cina di Pasar Desar Rejang.

Sedia lawan tiga penjuru

SEJAK awal penubuhan AMANAH lagi, AMANAH Titiwangsa sudah meletakkan sasaran untuk bertanding di parlimen tersebut pada pilihan raya umum Ke-14 (PRU14).

Ketua AMANAH Titiwangsa Zaharudin Othman berkata, pertandingan tiga penjuru hampir pasti berlaku di situ memandangkan Pas juga akan meletakkan calon.

Pada PRU13, Pas meletakkan peguam, Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi sebagai calon menentang BN yang diwakili Datuk Johari Abdul Ghani.

Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi kalah dengan majoriti 866 undi.

Selepas Pas tidak lagi bersama Pakatan Rakyat dan AMANAH ditubuhkan, Ahmad Zamri menyertai parti ini dan memegang jawatan Timbalan Ketua AMANAH Titiwangsa.

"Sudah pasti AMANAH akan bertanding



Presiden AMANAH Mohamad Sabu merasmikan pelancaran Pusat Khidmat Peduli Rakyat (PKPR) Parlimen Titiwangsa.

kerana pendirian kita, kita akan bertanding di mana Pas bertanding.

"Jadi dari awal penubuhan, gerak kerja

AMANAH Titiwangsa memang memberi fokus kepada pilihan raya dengan

mendekati setiap segmen masyarakat," katanya.

Menurut beliau, berdasarkan culaan yang dilakukan dua bulan lalu, sokongan terhadap AMANAH di Titiwangsa semakin meningkat dan tidak jauh dari jangkauan.

"Berdasarkan culaan, dari segi sokongan agak tinggi seperti yang kita jangkakan dan analisis itu tak lari jauh," katanya lagi.

Menyentuh mengenai kekuatan AMANAH Titiwangsa pula, Zaharudin berkata, beliau berpuas hati dengan komitmen yang diberikan oleh ahli jawatankuasanya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Alhamdulillah, ahli kita sangat komited menggerakkan AMANAH Titiwangsa dan kami saling menampung memandangkan penggerak AMANAH Titiwangsa ini terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Ada yang sudah biasa dengan kerja-kerja NGO jadi tak ada masalah untuk mendekati masyarakat," katanya.

Perancangan lemah punca masalah parkir PPR

KERAJAAN tidak harus mengabaikan kepentingan penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang majoritinya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, kata Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr Mohd Hatta Ramli.

Beliau berkata, Kekurangan ruang letak kereta adalah antara masalah yang dihadapi penduduk PPR ekoran perancangan yang lemah serta sikap 'asal buat kerja sahaja' yang ditunjukkan kerajaan dan pihak pemaju.

Menurut Dr Hatta, contoh masalah besar yang dihadapi kebanyakan PPR di Kuala Lumpur, khususnya di Titiwangsa ialah ruang letak kereta yang sangat terbatas.

Ia ekoran perancangan yang lemah serta sikap 'asal buat kerja sahaja' yang ditunjukkan kerajaan dan pihak pemaju.

"Masalah besar yang dihadapi kebanyakan PPR di Kuala Lumpur khususnya Titiwangsa adalah masalah ruang letak

kereta yang sangat terbatas, ini menyebabkan masalah 'double parking' malah sehingga 'triple parking'.

"Saya membayangkan sekiranya berlaku kecemasan, pastinya kenderaan-kenderaan seperti trak Bomba dan Ambulans akan menghadapi masalah untuk membantu, akhirnya penduduk PPR tersebut juga yang merana," katanya.

Malah katanya, projek pembinaan tempat letak kereta berbumbung yang telah dilaksanakan di sesetengah kawasan PPR seharusnya dibina bersekali dengan PPR yang baharu bagi mengurangkan kos dan risiko sama berulang.

Selain itu, beliau turut membangkitkan penyelenggaraan tidak sempurna di PPR Pantai Permai.

Pili bomba dan pemadam api di PPR itu berada dalam keadaan yang tidak baik sekaligus mengundang bahaya kepada penduduk.

"Kalau kebakaran berlaku dan masalah jalan sempit dan alat kecemasan tidak berfungsi, saya tidak dapat bayangkan apa yang bakal terjadi," kata beliau.

Justeru katanya, adalah menjadi misi besar beliau untuk memastikan sebarang pembangunan yang dirancang untuk rakyat tidak mengira lapisan masyarakat dijalankan dengan mengambil kira aspek keselamatan, keselesaan dan kelestarian penduduk.

"Jika kita masih berterusan dengan sikap yang tidak sensitif kepada rakyat ini bakal menjerumuskan generasi akan datang turut mewarisi masalah yang sama," katanya



AMANAH Titiwangsa kerap membuka kaunter daftar pemilih pada setiap hujung minggu.

Jalin hubungan erat Pakatan Harapan



AMANAH Titiwangsa mengajurkan program Hard Talk bersama Tun Mahathir Mohamad dan Husam Musa.

AMANAH Titiwangsa komited dengan prinsip permuafakatan Pakatan Harapan dan telah menjalin hubungan serta melaksanakan beberapa aktiviti bersama rakan-rakan parti Pakatan Harapan.

Program forum Hard Talk dilaksanakan dengan menampilkan tokoh-tokoh besar Pakatan Harapan iaitu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr. Mahathir Mohamad, Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan Naib Presiden

AMANAH Datuk Husam Musa di De Palma Hotel, Ampang, 21 Januari lalu.

Selain itu, hubungan dan kerjasama dengan rakan-rakan Pakatan Harapan telah diadakan melalui beberapa pertemuan dengan Ketua Wanita Keadilan Titiwangsa dalam memahami dan menyantuni masyarakat Kampung Baru.

Tiga pertemuan juga telah diadakan bersama Jawatankuasa Bahagian Titiwangsa PPBM dalam usaha mengeratkan silaturrahim

serta menggabungkan gerak kerja bersama.

Sambutan satu tahun AMANAH juga telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada September 2016 dan dihadiri lebih 500 orang.

Forum tersebut telah menampilkan beberapa pemimpin utama Pakatan Harapan seperti Mohamad Sabu, Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar, Penasihat DAP Lim Kit Siang serta Timbalan Pengerusi Bersih 2.0 Shahrul Aman.

JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN TITIWANGSA SESI 2016 - 2018

Ketua : ZAHARUDIN OTHMAN
Timbalan Ketua : AHMAD ZAMRI ASA'AD KHUZAIMI
Naib Ketua 1 : HASSAN UNIR
Naib Ketua 2 : ROSLAN HARUN
Naib Ketua 3 : AISHAH AZLAN
Ketua Pemuda : FARHAN AMINUDDIN
Ketua Wanita : NUR LAILI YUSOF
Setiausaha : SITI NORSARAH ABDUL RASHID
Penolong Setiausaha : NURUL HASNI ZAKARIA
Bendahari : KHALIL CHE IBRAHIM
Ketua Komunikasi : AHMAD ZUBAIR WAN ABDUL RAHIM
Ketua Pilihan Raya : FIKRI YAACOB

Ahli Jawatankuasa

- MOHD FADLI MAHMUD
 - MOHD MUNSIF
 - MUHAMAD AZMAN ARSHAD



Ladang satelit fidlot ketandusan lembu

ms23

10 Ahli politik dilarang berucap di masjid Selangor 14 Sinergi RHB-AmBank dan kisah 'gali kubur' Isa Samad

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA. SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11.6.2017	5:30	5:40	7:03	13:16	16:41	19:25	20:40
12.6.2017	5:30	5:40	7:03	13:16	16:42	19:25	20:40
13.6.2017	5:30	5:40	7:03	13:16	16:42	19:25	20:41
14.6.2017	5:31	5:41	7:04	13:16	16:42	19:25	20:41
15.6.2017	5:31	5:41	7:04	13:16	16:42	19:25	20:41
16.6.2017	5:31	5:41	7:04	13:17	16:42	19:26	20:41
17.6.2017	5:31	5:41	7:04	13:17	16:43	19:26	20:42

Amanah

BIL 55 | 11 - 17 JUN 2017



Hubungan Najib dan Shafee sangat istimewa dalam memastikan Anwar ke penjara.

RM9.5 JUTA UNTUK PEGUAM

GESAAn agar siasatan dibuat terhadap pendedahan bayaran RM9.5 juta oleh Datuk Seri Najib kepada peguam kanan Tan Sri Shafee Abdullah yang dilantik sebagai pendakwaraya kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin memuncak. Tambahan lagi ia membabitkan wang bersumberkan anak syarikat 1MDB yang disalurkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri

← **Laporan penuh muka 2**



Ahmad Awang: Ada tauliah seumur hidup tetapi dihalang mengajar

PENASIHAT Umum Parti Amanah Negara (AMANAH) Ustaz Ahmad Awang mempunyai tauliah mengajar seumur hidup di semua masjid di Wilayah Persekutuan dan Selangor, namun dihalang untuk mengajar. "Saya bangkitkan bukan sebab kesal tak dapat tapi yang saya perhati itu mereka menyalahgunakan kuasa," katanya. Beliau memberi contoh sebuah masjid di jalan Klang Lama yang

didakwa jawatankuasa pengurusannya dikuasai orang Pas, yang selama ini beliau bebas mengajar di situ. Namun kerana pernah bertanding jawatan Presiden Pas melawan Datuk Seri Abdul Hadi Awang, beliau ditamatkan dan tidak lagi dibenarkan mengajar di situ. "Bahkan pemberhentian saya itu diumumkan pada hari Jumaat. Bayangkan manusia beribu-ribu

orang pada hari itu dan pengu-muman dibuat mengatakan alasan kerana saya tidak sehaluan dengan presiden Pas. Macam di Rusila (Terengganu) pulak," katanya. Tidak tamat di situ katanya, selepas jawatankuasa baharu dilantik, masjid sama kemudian memanggil semula beliau untuk mengajar di situ. "Tapi jawatankuasa lama yang dah tak terpilih ni pulak protes

kepada Jais (Jabatan Agama Islam Selangor). Maka sampai sekarang saya tak boleh mengajar di masjid itu," katanya. Beliau mendakwa, hanya kerana menyatakan pandangan yang berbeza dengan pucuk pimpinan parti suatu ketika dulu, satu demi satu kuliahnya ditamatkan. Menurut beliau, setakat ini 13 masjid dan surau yang selama ini beliau mengajar mengetepikan

namanya daripada senarai penceramah tetap. Malah katanya, ada tempat tertentu enggan lagi memberi ruang kepadanya mengajar selepas lebih 20 tahun menyumbang pengetahuannya di situ.

TERBARU
TERBITAN
ILHAM BOOKS

01132334322
untuk urusan pembelian

DAPATKAN SEGERA